

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 12

Rabu

28 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 (Halaman 28)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 28 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Benedict Bujang Tembak dari 21 Julai hingga 29 Julai 2004.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh semua Pusat Latihan termasuk universiti yang digunakan sepanjang Program Latihan Khidmat Negara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 10 Julai 2004, sebanyak sembilan buah kem, tiga buah IPTA dan satu kompleks sukan telah pun mengemukakan tuntutan ganti rugi kepada Kementerian Pertahanan di atas kerosakan yang berpunca dari vandalisme peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Anggaran kerugian ialah berjumlah RM1,559,543.76. Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan akan mengkaji tuntutan-tuntutan tersebut sebelum membuat apa-apa keputusan mengenainya.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, merujuk kepada kes Norasyikin, ibu yang mempunyai anak berumur lapan bulan, yang diwajibkan mengikuti kursus Program Latihan Khidmat Negara baru-baru ini, saya ingin tahu daripada pihak jabatan, seharusnya pihak

Jabatan Program Latihan Khidmat Negara mengambil tindakan serta-merta dengan mengecualikan peserta ini daripada mengikuti Program Latihan Khidmat Negara, yang mana beliau mempunyai anak berumur lapan bulan, terpaksa mengikuti kursus tiga bulan dan tidak jumpa anak selama tiga bulan. Kalau dia balik nanti, bermakna anak sudah berumur 11 bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup jelas soalan tambahan itu Yang Berhormat.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Jadi, adakah pihak Program Latihan Khidmat Negara hari ini mengecualikan kepada peserta-peserta seperti berikut yang mana mengandung, yang baru kahwin dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas. Soalan tambahan terkeluar sedikit daripada soalan asal. Terpulang kepada Yang Berhormat sama ada hendak menjawabnya atau memerlukan notis.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya hendak beri penjelasan sedikit. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Program Latihan Khidmat Negara ini tidak mengetahui sebenarnya orang ini kahwinkah, butakah, mengandungkah, berceraiakah. Kita hanya mengikut peraturan dan peruntukan yang diberi mengikut kadar umur dan semua surat-surat tawaran ini dikeluarkan dan ditetapkan di pusat-pusat latihan di mana mereka sertai.

Kita juga telah membuat kelonggaran terutama sekali bagi ibu-ibu yang mengandung, ibu-ibu yang dalam pantang, yang masih menyusui anak, anak-anak ataupun peserta yang masih di dalam peperiksaan. Semua peserta yang menghadapi masalah ini boleh memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Negara untuk dikecualikan tetapi mereka tidak boleh dikecualikan terus menerus. Pada masa yang tertentu, mereka mesti menghadiri kursus ini mengikut jadual, umur dan kemudahan yang ada pada kerajaan dan kemudahan yang ada pada mereka. Kita sentiasa memberi pertimbangan ini.

Mengenai peserta Norasyikin ini, adalah satu perkara yang baru, yang baru kita ketahui dan subjek boleh memohon kepada kita, kepada pihak Program Latihan Khidmat Negara untuk ditangguhkan, bukan dikecualikan. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, di manakah silapnya Program Latihan Khidmat Negara sehingga menyebabkan kerugian yang begitu besar sebanyak RM1,559,000 dan adakah bagi

pengambilan yang kedua ini, peserta Program Latihan Khidmat Negara masih akan ditempatkan di IPTA?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, Program Latihan Khidmat Negara ini tidak ada silapnya. Kesilapan ini bukan tercatat dalam Program Latihan Khidmat Negara untuk merosakkan ataupun menghilangkan barang-barang. Tetapi, kejadian ini berlaku dan bagi pihak semua di tempat yang telah saya sebutkan tadi, sembilan buah kem, tiga buah IPTA dan satu kompleks sukan menghadapi kerosakan ataupun kehilangan. Ini, di luar daripada jangkaan kita dan kita memang melatih anak-anak ini tidak berkelakuan perkara-perkara yang boleh merosakkan imej ataupun moral mereka sendiri, imej dan moral kerajaan.

Tetapi, bagi mereka yang telah mengikuti yang terakhir ini dan oleh sebab kita melihat kejadian ini berlaku, yang mengikut tuntutan pihak-pihak yang berkenaan, RM1,559,543.76, PLKN telah membuat keputusan pengambilan pada bulan Ogos ini dan sehingga masa yang akan datang, kita tidak akan membawa peserta PLKN pada bulan yang terakhir, iaitu satu bulan terakhir di pusat-pusat pengajian tinggi. Semua kursus ini akan dijalankan di pusat-pusat yang kita adakan iaitu pada masa sekarang 41, kita akan tambah menjadi 71 iaitu 30 lagi. Sekiranya keadaan bilangan peserta bertambah dan keperluan yang kita kehendaki sesuai dengan pembangunan moral dan fizikal, kemudahan di pusat-pusat latihan juga akan kita tambah lagi. Terima kasih.

2. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:

- (a) sehingga kini berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan melalui skim-skim dan dana-dana yang telah disediakan oleh pihak kementerian; dan
- (b) adakah kementerian mewujudkan unit tertentu untuk memantau pencapaian dan perkembangan serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan yang mendapat pinjaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyediakan

sebanyak sembilan dana yang menawarkan pinjaman perniagaan kepada usahawan untuk memulakan dan membesarkan perniagaan mereka iaitu Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Skim Jaminan Usahawan Kecil, Skim Pinjaman Francais, Pembiayaan Perniagaan MARA, Tabung Usahawan Siswazah, Skim Modal Asas, Skim Pinjaman Biasa, Tabung Modal Teroka Berteknologi Tinggi dan Skim Pembiayaan Bersama Pusat Negeri.

Dana-dana ini ditadbir urus oleh agensi pelaksana di bawah kementerian, iaitu Yayasan TEKUN Nasional (YTN), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Bagi jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan bagi sembilan dana atau skim di bawah kementerian sejak diwujudkan sehingga 30 April 2004, adalah bernilai RM2,915.81 juta yang diberikan kepada seramai 242,993 orang usahawan. Pecahan pinjaman tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bilangan peminjam ialah 90,204, jumlah pinjaman RM411.8 juta;
- (ii) Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) bilangan pinjaman 7,138 orang, jumlah pinjaman RM250.71 juta;
- (iii) Skim Pembiayaan Francais (SPF) seramai 108 dana, nilai pinjaman RM28.06 juta;
- (iv) Pembiayaan Perniagaan MARA 144,515 orang dan jumlah pinjaman RM1,731.03 juta;
- (v) Tabung Usahawan Siswazah (TUS) 222 orang, nilai pinjaman RM17.19 juta;
- (vi) Skim Modal Asas (SMA) 425 orang dan nilai RM232.79 juta
- (vii) Skim Pinjaman Biasa 339 orang dengan nilai RM214.72 juta;
- (viii) Tabung Modal Teroka Berteknologi Tinggi 10 pinjaman dengan RM20.02 juta nilai; dan
- (ix) Skim Pembiayaan Bersama Pusat Dengan Kerajaan Negeri (SPPN) jumlah pinjaman 32 dengan jumlah nilai RM10.21 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah jawapan bagi bahagian (a). Bahagian (b)?

Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya telah menubuhkan mekanisme untuk memantau pencapaian dan

perkembangan serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh peminjam. Di peringkat agensi pelaksana dana, mereka telah mewujudkan mekanisme pemantauan dana masing-masing untuk memantau pencapaian dan perkembangan serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh peminjam yang terbabit.

Di peringkat kementerian pula, Jawatankuasa Pemantauan Dana Usahawan (JPDU) telah diwujudkan bagi mencapai matlamat yang sama. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Usahawan yang dianggotai oleh wakil-wakil agensi pusat, Bank Negara Malaysia dan Agensi Pelaksana Dana di bawah kementerian.

Sebagai maklumat tambahan, agensi pelaksana dan mekanisme pemantauan iaitu MARA, pegawai MARA daerah di setiap peringkat daerah dan juga Unit Pemulihan Program Pembangunan Usahawan. Bagi Yayasan TEKUN Nasional di pejabat TEKUN daerah di setiap daerah di seluruh negara. Sementara bagi Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Berhad iaitu Seksyen Pengurusan Portfolio dan Unit Pengawasan dan Permodalan Nasional ialah Jabatan Pemantauan Pelaburan. Sekian, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah pada keseluruhannya berapakah bilangan usahawan yang dapat pinjaman ini yang benar-benar berjaya mengembangkan perniagaan dan meningkatkan tahap ekonomi mereka? Dan berapa pula yang telah gagal dan apakah punca-punca yang menyebabkan kegagalan mereka? Sekiranya mereka gagal sudah tentu mereka tidak sanggup bayar....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup soalan tambahan!

Puan Siw Chun a/p Eam: Ada satu lagi Tuan Yang Di-Pertua. Tak sanggup bayar kepada pihak kementerian, berapakah jumlah tunggakan yang belum dijelaskan oleh peminjam-peminjam dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap pemiutang-pemiutang tersebut? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Ada soalan yang boleh kita berikan secara khusus kita akan beri jawapan secara bertulis. Sementara bagi usaha pungutan semula bagi peminjam-peminjam yang gagal kita mempunyai kaedah yang biasa dilakukan iaitu di peringkat agensi pelaksana, peringatan demi peringatan dan juga melalui pemimpin-pemimpin tempatan. Umpamanya ialah TEKUN Nasional maka kita menggunakan juga khidmat

pemimpin tempatan untuk mengenal pasti dan mencari peminjam-peminjam yang gagal ini dan menasihatkan mereka membayar. Selain daripada itu kita juga akan berusaha memaparkan nama peminjam-peminjam yang gagal ini di pejabat-pejabat kawasan dan tindakan yang terakhir adalah tindakan undang-undang.

Bagi tujuan mengesan pencapaian keseluruhan, pada amnya dan skim dana ini telah pun mendapat sambutan yang baik dan berjalan mengikut seperti mana perancangan yang telah dilakukan. Kita mengukur sejauh mana kejayaan mereka maka berdasarkan kepada jumlah yang gagal adalah sedikit berbanding yang gagal maka kita mengambil kesimpulan bahawa dana-dana ini telah banyak membantu usahawan bumiputera khususnya di dalam usaha untuk pembangunan usahawan di dalam negara kita.

3. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- a) apakah polisi Kementerian mengenai pemasangan alat pemadam kebakaran di rumah-rumah pangsa khususnya di rumah pangsa PPRT; dan
- b) adakah penghuni-penghuni rumah pangsa mendapat latihan menggunakan peralatan-peralatan kebakaran yang disediakan dan kekerapan latihan itu diberi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada *Uniform Building By Law* jadual kesepuluh. Bagi bangunan enam tingkat ke bawah iaitu 35 meter ke bawah, kelengkapan kebombaannya seperti *dry rizer*, dua unit hos iaitu 30 meter panjang dan 37 milimeter lebar berserta dengan *control nozel* dan dua unit *fire extinguisher* hendaklah disediakan pada setiap tingkat. Manakala bangunan yang melebihi enam tingkat, kelengkapan-kelengkapan kebombaannya seperti *down calmer*, dua unit hos berserta control nozel dan unit *fire extinguisher* hendaklah disediakan pada setiap tingkat.

Pada bahagian (b) soalan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sering mengadakan kempen-kempen mencegah kebakaran dan memberi tunjuk ajar mengenai tatacara penggunaan peralatan kebombaannya yang sedia ada di kawasan-kawasan perumahan. Penghuni-penghuni rumah pangsa digalakkan untuk menubuhkan

pasukan bomba sukarela atau fire squad di bawah Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran Bangunan di kawasan perumahan masing-masing dan mendapatkan latihan daripada Jabatan Bomba secara berjadual dari balai-balai yang berhampiran dengan kawasan mereka, kekerapan latihan yang diberikan adalah bergantung kepada permintaan jawatankuasa tersebut, terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Baru-baru ini ada satu kes kemalangan kebakaran yang mengakibatkan kematian di rumah pangsa PPRT. Soalan saya, apakah perkara yang berlaku seperti alasan hos paip yang tidak ada dan vandalisme akan terus dipantau lebih kerap oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih, Tuan Yang Di-Pertua, ada satu kejadian yang amat dikesali yang telah berlaku di rumah pangsa PPRT baru-baru ini yang telah mengakibatkan tiga orang yang duduk di rumah terbakar itu telah menjadi mangsa kebakaran. Seperti yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa itu hos paip yang telah tersedia di kawasan itu tidak ada. Ini disebabkan kerana hos paip-hos paip yang telah disediakan semasa bangunan diserahkan oleh Jabatan Perumahan Negara kepada badan penyelenggaraan iaitu DBKL telah dicuri oleh pihak vandalisme dan sebagai satu cara untuk mengatasi ini DBKL telah cadang untuk cari cara-cara yang lain seperti menaruh hos paip di dalam *lock bag key* dan menyerahkan kunci kepada penduduk. Tetapi semasa tindakan ini dilakukan mereka telah simpan hos paip itu untuk disimpan pada satu keadaan yang selamat. Amatlah dikesali bahawa masa ini dibuat kebakaran ini sudah berlaku tetapi untuk jangka masa panjang, tindakan-tindakan telah diambil supaya kejadian semacam ini tidak akan berlaku.

Puan Siti Zailah bini Mohd. Yusoff: Tuan Yang Di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita lihat kebanyakan kebakaran berlaku berpunca daripada litar pintas. Adakah pemantauan dibuat terhadap bangunan-bangunan yang berumur lebih daripada 20 tahun supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku?

Dr. S. Subramaniam: Sebagai satu daripada langkah untuk mencegah kebakaran, Jabatan Bomba ada sebahagian daripadanya kempen pencegah kebakaran di mana pemeriksaan bangunan-bangunan yang lama dan pemeriksaan tempat-tempat yang mempunyai punca kebakaran dan untuk tengok bahawa mereka telah melanggar mana-mana kesalahan di bawah undang-undang bomba dan kalau

dipastikan bahawa ada pelanggaran dari segi ini, ada beberapa cara yang boleh diambil termasuk mengambil tindakan mahkamah untuk pihak-pihak tersebut supaya mereka mematuhi semua peraturan di bawah undang-undang, terima kasih.

4. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian telah mewujudkan satu bentuk insentif bagi menggalakkan pegawai-pegawai perubatan tempatan yang ada untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat kepakaran dan sila jelaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sememangnya menyediakan insentif bagi menggalakkan pegawai perubatan yang berkhidmat dengan kementerian ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat kepakaran dan lebih tinggi. Antara insentif dan galakkan yang diberikan ialah:

- (i) Cuti belajar bergaji penuh bagi sepanjang tempoh pengajian iaitu selama 4 tahun bagi pegawai yang melanjutkan pelajaran di universiti dalam negeri dan 2 tahun bagi Pegawai yang melanjutkan pelajaran di luar negeri. Dalam hal ini kementerian meluluskan permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana sekitar 400 orang di universiti dalam negeri dan 50 orang di universiti luar negeri setahun.
- (ii) Biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan.
- (iii) Pegawai yang berjaya menamatkan latihan sarjana akan diberikan hadiah dua tangga kenaikan gaji.
- (iv) Bagi pegawai yang mempunyai sarjana kepakaran perubatan atau pembedahan akan diberikan elaun pakar dengan kadar antara RM1,200 hingga RM2,400 sebulan bergantung kepada gred jawatan.
- (v) Bagi pegawai yang mempunyai sarjana kesihatan awam akan diberikan elaun kesihatan awam dengan kadar antara RM840 hingga RM1,680 sebulan bergantung kepada gred jawatan.
- (vi) Bagi pegawai yang mempunyai sarjana pentadbiran hospital dan menjalankan tugas sebagai Pengarah Hospital akan diberikan

insentif pentadbiran hospital dengan kadar antara RM840 hingga RM1,680 sebulan bergantung kepada gred jawatan.

- (vii) Bagi pegawai yang mempunyai sarjana kepakaran, peluang kenaikan pangkat juga adalah lebih cerah mengikut bidang yang diceburi.

Sekian terima kasih.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas penjelasan. Soalan tambahan saya ialah berapa peratuskah di kalangan mereka yang diberikan peluang untuk menyambung pelajaran ini apabila tamat daripada kursus kepakaran ini mereka tidak menyambung terus perkhidmatan mereka dengan hospital-hospital kerajaan dan bagaimanakah kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka ini? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sentiasa menyemak dan mengemas kini semua elaun-elaun dan juga insentif-insentif yang kita berikan kepada pegawai-pegawai perubatan kita supaya dapat menarik mereka bekerja dengan hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Selain daripada insentif-insentif yang dikatakan tadi kita memang memberi banyak lagi elaun-elaun yang lain supaya mereka dapat bekerja di bawah Kementerian Kesihatan. Di antara elaun-elaun adalah seperti elaun perkhidmatan kritikal, elaun pakar, elaun kerja di luar waktu bekerja biasa dan sebagainya. Memang ada banyak insentif dan elaun untuk membayar kepada pegawai-pegawai perubatan kita, sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan begitu banyak insentif yang diberikan itu, adakah sambutan daripada pegawai-pegawai perubatan itu baik dan adakah semua yang memohon itu diberi peluang untuk menyertai skim melanjutkan pelajaran itu? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini. Kita jangan ada satu tanggapan yang salah iaitu semua pegawai perubatan atau doktor-doktor ini atau pakar-pakar ini, kehidupan mereka semata-mata untuk mendapat keuntungan wang ringgit sahaja. Kalau kita tengok di dalam disiplin atau kepakaran ini atau doktor-doktor ini kita dapati ada ramai juga yang tujuan mereka

dalam hidup bukan semata-mata kerana untuk mendapatkan wang ringgit tetapi untuk menyumbang dan menjaga pesakit-pesakit yang terdapat di...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya adalah berapa peratus yang memohon dan di antara yang memohon adakah semua diterima untuk diberi peluang mengambil kesempatan daripada insentif-insentif tersebut?

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak dapat memenuhi semua permohonan yang kita dapat kerana seperti yang saya terangkan tadi tiap-tiap tahun kita akan mengadakan lebih kurang 450 program atau biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka. Tetapi Kementerian Kesihatan sentiasa akan mengkaji semula dan juga mengemas kini semua skim-skim ini supaya kita dapat memperbanyakkan lagi peluang untuk pegawai-pegawai kita, sekian.

5. Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang untuk mempromosikan destinasi pelancongan di sebelah Pantai Timur Semenanjung sempena pembukaan Lebuh raya Pantai Timur.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan memainkan peranan dalam mempromosikan produk-produk pelancongan di seluruh negara secara berterusan.

Bagi tujuan ini, Kementerian Pelancongan telah merancang dan menjalankan pelbagai program, di antaranya adalah aktiviti promosi secara jualan terus, pakej-pakej pelancongan oleh para pengusaha pelancongan tempatan menerusi Program Cuti-cuti Malaysia, Road Show 2004 yang diadakan di seluruh negara.

Selain itu, kementerian mengiklankan pakej-pakej destinasi termasuk di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung melalui akhbar-akhbar utama tempatan seluruh negara terutamanya bersempena dengan musim cuti persekolahan pada bulan Mei, Ogos dan November.

Bagi mendapatkan publisiti yang meluas, lawatan para media dan agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa juga diadakan dari masa ke semasa bagi mempromosikan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung melalui Program Lawatan Suai Kenal.

Selain itu bagi mempromosikan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, pihak kementerian menganjurkan acara-acara pelancongan seperti Majlis Penutupan

Pesta Air Nasional yang diadakan di negeri Kelantan dan juga Acara World Amateur Inter-Team Golf Championship 2004 yang akan diadakan di negeri Terengganu.

Bagi negeri Pahang pula, sempena dengan Acara Fruit and Food Fiesta di peringkat negeri yang akan diadakan di Cameron Highlands mulai daripada 6 hingga 8 Ogos ini, kementerian juga turut membantu mempromosikan acara ini dalam Laman Webnya, untuk makluman semua.

Pembukaan Lebuh raya Pantai Timur dijangka meningkatkan pergerakan pelancong dalam negara khususnya antara penduduk Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Pusat Kebudayaan dan Kesenian di negeri mengikut budaya negeri yang dilawati oleh pelancong-pelancong di negeri berkenaan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan dan kesenian adalah di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Haji Md. Jaafar.

Dato' Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6 dengan pembetulan di baris dua, perkataan "fiskal" bukan "fisikal".

Tuan Yang di-Pertua: Fiskal.

Dato' Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya.

6. Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan menyedari dasar kewangan dan fiskal ketat yang dikenakan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada negara peminjam. Adakah pihak kerajaan pernah atau bercadang untuk menyuarakan dalam mana-mana forum di peringkat Asia bagi penubuhan sebuah Dana Kewangan Asia yang berupaya memberi bantuan dengan lebih bertanggungjawab dan berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada krisis kewangan Asia 1997/1998 memang kerajaan menyedari akan dasar kewangan dan fiskal Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang ketat. Prasyarat tersebut yang dikenakan oleh IMF kepada mana-mana negara yang ingin memohon bantuan kewangan telah melambatkan, dengan izin, *responds* dan seterusnya kelulusan Program Bantuan Kewangan IMF kepada negara yang memerlukannya.

Preskripsi IMF yang sama iaitu *one size for all*, dengan izin, yang diberi kepada semua negara yang memerlukan bantuan dengan tanpa mengambil kira kedudukan sebenar, masalah yang dihadapi telah menyukar dan memburukkan lagi keadaan ekonomi sesebuah negara tersebut.

Preskripsi IMF tersebut memaksa kerajaan yang terlibat untuk mengamalkan dasar kewangan yang ketat, yang akan memburukkan lagi kedudukan kewangan sektor swasta dan institusi-institusi perbankan di negara yang dilanda krisis sehingga banyak yang ditutup dan jatuh bankrap.

Keadaan ini telah menghilangkan keyakinan pelabur dan seterusnya menyebabkan pasaran saham jatuh merudum dan pengaliran keluar modal dalam jumlah yang besar secara drastik dan seterusnya memburukkan lagi krisis tersebut.

Akhirnya, akibatnya jumlah pengangguran meningkat dan seterusnya menimbulkan keadaan huru hara serta mencetuskan ketidakstabilan politik seperti yang berlaku di beberapa buah negara di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pihak kerajaan pernah atau bercadang untuk menyuarakan dalam mana-mana forum?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya sambung lagi. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang aktif menyuarakan dalam mana-mana *forum* di peringkat Asia mengenai cadangan supaya ditubuhkan sebuah Dana Kewangan Asia yang berupaya memberi bantuan dengan lebih bertanggungjawab dan berkesan. Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beberapa kali menyuarakannya dalam Ucaptama beliau, antaranya semasa, dengan izin, *The Tenth International Conference on The Future of Asia and second is Asia Congress* yang masing-masing diadakan di Jepun pada 3 Jun 2004 dan di Kuala Lumpur pada 21 Jun 2004.

Beliau seringkai menyeru supaya menghidupkan kembali *idea* penubuhan, dengan izin, *Asian Monetary Fund (AMF)*. Idea AMF ini yang dicetuskan oleh Jepun pada September 1997 adalah untuk membangunkan sebuah institusi kewangan Asia, dengan izin, *independence institution*, yang tidak akan menyaingi sebaliknya akan memainkan, dengan izin, *complementary role*, kepada institusi-institusi kewangan antarabangsa yang sedia ada seperti IMF, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Kelebihan AMF adalah ianya akan diuruskan oleh kakitangan dan tenaga pakar yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai aspek-

aspek ekonomi, politik dan sosial serta budaya komuniti Asia. Dengan itu AMF akan lebih peka dan sensitif terhadap keperluan ekonomi Asia.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sebagai Pengerusi OIC pula, adakah Malaysia bercadang untuk menganjurkan penubuhan dana yang seumpama ini, yang mungkin boleh dinamakan OIF ataupun *Organization of Islamic Fund*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mansor adalah cadangan yang munasabah dan baik, kalau kita lihat dari segi struktur IMF, sebenarnya *fund* itu adalah daripada *contribution*, dengan izin, dari ahli-ahli di IMF yang terdapat 184 negara semuanya dan kalau kita lihat negara-negara Islam ada 54 negara Islam dan ada di antaranya yang kaya, jikalau konsep itu digunakan untuk ditubuhkan, ya apa dia tadi Yang Berhormat?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: *Organization of Islamic Fund*.

Tuan Yang di-Pertua: Dana Kewangan OIC.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dana Kewangan OIC itu kalau ditubuhkan memang logiklah, memang cukup logik kerana konsep yang sama boleh digunakan di mana *contribution* daripada negara-negara kaya boleh membantu negara-negara miskin untuk pembangunan mereka. Ini sebenarnya adalah boleh *complementary* membantu ataupun *complementary* kepada tabung-tabung yang lain.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersambung daripada soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Mansor tadi dan jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen, saya ingin untuk membuat cadangan, oleh kerana negara

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Zainal bin Rampak:negara yang meminjam ialah kalangan negara miskin. Dan sekarang ini Malaysia adalah Pengerusi NAM dan OIC, kenapa tidak kita *wider the scope*, selain daripada OIC masukkan NAM, kerana mempunyai golongan yang lebih besar untuk menubuhkan dana

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kerajaan bercadang menubuhkan dana kewangan NAM pula.

Tuan Zainal bin Rampak: ...saya cadang menubuhkan dana kewangan yang lebih besar mengandungi negara-negara daripada NAM dan juga OIC, kenapa tidak

Tuan Yang di-Pertua: Dana Kewangan Asia, Dana Kewangan OIC, adakah kerajaan bercadang hendak mempelopori penubuhan Dana Kewangan NAM?

Tuan Zainal bin Rampak: NAM dan kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya begitu?

Tuan Zainal bin Rampak: Oleh kerana ini akan dapat mengatasi tekanan daripada negara Amerika

Tuan Yang di-Pertua: Sebab-sebabnya tidak mustahak.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, idea itu baik, tetapi eloklah pada peringkat sekarang ini kita tumpukan kepada cadangan untuk menubuhkan AMF terlebih dahulu, sebab idea ini telah pun diutarakan beberapa tahun yang lepas, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Puan Ooi Siew Kim** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah selepas dasar penswastaaan dilaksanakan terdapat banyak perkhidmatan telah dinaikkan harga sedangkan mutu perkhidmatan masih di tahap tidak memuaskan. Adakah kerajaan bercadang untuk campur tangan untuk memastikan harga pengguna tidak dinaikkan seperti bayaran tol, bayaran Astro, bayaran telefon rumah, air dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu perkhidmatan diswastakan, kadar caj yang dikenakan tidak mencerminkan kos sebenar dalam menyediakan perkhidmatan tersebut. Umpamanya kos sewa, pejabat tidak diambil kira memandangkan bangunan yang digunakan adalah bangunan kerajaan dan kos perubatan juga disediakan oleh hospital kerajaan.

Walau bagaimanapun, selepas penswastaaan, syarikat konsesi perlu menanggung kos-kos penambahan ini, di samping itu, syarikat konsesi juga perlu membuat pelaburan tambahan bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatannya.

Secara amnya boleh dikatakan bahawa tahap perkhidmatan selepas penswastaaan telah meningkat, seperti yang dilihat dari beberapa petunjuk, kecekapan dan produktiviti bagi beberapa identiti seperti Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Johor Board Berhad dan Penang Board Berhad.

Mengenai peruntukan di mana syarikat konsesi dibenarkan untuk menaikkan kadar caj harga dalam perjanjian konsesi, kerajaan tidak bercadang untuk campur tangan memandangkan ini akan melibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan dalam berbentuk bayaran pampasan.

Walau bagaimanapun, sebarang kenaikan caj harga, kerajaan akan menimbang dengan teliti supaya tidak mengorbankan pengguna dalam kes-kes tertentu supaya caj harga yang dikenakan tidak terlalu tinggi kepada pengguna. Kerajaan akan memberi sokongan seperti membiayai sebahagian dari kos seperti kos tanah bagi projek lebuhraya bertol.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya ialah berkenaan dengan mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan, memandangkan semua perniagaan yang telah diswastakan itu mempunyai suatu agensi kawalan, iaitu sebagai contoh untuk TNB, ia ada jabatan bekalan elektrik yang mengawasi dan di Penang Board juga ada PPC yang mengawasi. Adakah agensi-agensi ini memantau perkhidmatan itu dengan baik dan dari rekod adakah tindakan-tindakan tertentu diambil terhadap mereka ini yang tidak memberi perkhidmatan yang mencukupi. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memanglah kerajaan sentiasa memantau berkenaan dengan segala projek yang telah kita swastakan dan kajian sedang dibuat mengenai laporan yang didapati oleh agensi-agensi yang berkenaan dan tindakan yang selanjutnya akan diambil.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penghuni-penghuni rumah dikenakan bayaran yuran kepada IWK untuk pembersihan najis, tetapi mengapakah bayaran kepada pihak kerajaan tempatan yang dahulu menjalankan pembersihan tersebut tidak dikurangkan?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat perlu notis?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini adalah spesifik, saya memerlukan notis untuk jawapan bertulis. Terima kasih.

8. Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pihak kementerian menyedari tentang masalah yang dihadapi oleh SMK Belaga, salah sebuah sekolah luar bandar di negeri Sarawak kerana kemasukan pelajar seramai 1,400 orang melebihi keupayaan sekolah yang hanya boleh menampung 500 orang pelajar dan kekurangan tempat di asrama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, SMK Belaga telah diluluskan dalam projek Rancangan Malaysia Kelapan sambungan. Bagi pembinaan blok tambahan 12 bilik darjah dan projek gantian blok pentadbiran, asrama berkapasiti 400 lelaki dan 400 perempuan, serta dewan makan, setakat ini projek tersebut belum dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, projek gantian asrama dan dewan makan telah dicadangkan untuk pelaksanaan segera secara rundingan terus dengan sebuah syarikat kontraktor dan sedang diurus oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Udam @ George Adam bin Talek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih juga saya ucapkan di atas jawapan yang telah diberi. Masalah kesesakan di sekolah-sekolah luar bandar seperti yang berlaku di SMK Belaga ini tentu pasti menimbulkan suasana yang tidak *conducive* kepada pelajar-pelajar kita dari segi sosial dan akademik. Dan seterusnya menambahkan lagi satu *obstacle*, dengan izin

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya Yang Berhormat.

Tuan Udam @George Adam bin Talek:untuk anak-anak kita dari luar bandar. Adakah kerajaan membuat tinjauan dan memastikan beberapa buah sekolah di negara kita yang menghadapi masalah bersama, dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasinya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal menjerus khusus kepada SMK Belaga dan sama ada kementerian menyedari keadaan di SMK Belaga. Soalan tambahan telah memperluaskannya kepada seluruh negara, adakah Yang Berhormat sanggup jawab?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu terkeluar dari skop ini, dan saya memohon notis. Terima kasih.

9. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapa banyakkah kutu rayau dan pengemis yang telah dikenal pasti dan apakah langkah penjagaan yang diambil supaya mereka ini boleh hidup berdikari. Berapa banyakkah pusat penjagaan kutu rayau dan pengemis di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengemis dan

kutu rayau yang dikenal pasti dan telah diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia melalui Operasi Serbuan Bersepadu, Pengemis dan Kutu Rayau bersama agensi penguat kuasa yang lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan dan Jabatan Imigresen dan juga melalui Operasi Serbuan yang dilaksanakan sendiri oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 813 orang bagi tahun 2003. Dari jumlah ini seramai 109 orang adalah pengemis warganegara asing yang telah diserahkan kepada pihak imigresen untuk tindakan selanjutnya.

Bagi 704 orang pengemis dan kutu rayau tempatan pula mereka dihantar untuk menjalani pemulihan di Pusat Pemulihan Pengemis kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan salah satu elemen pemulihan yang diterapkan adalah mewajibkan mereka mengikuti bengkel-bengkel latihan kemahiran bagi memastikan mereka dapat berdikari apabila dibebaskan nanti.

Buat masa ini hanya ada satu Pusat Pemulihan Pengemis di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu di Desa Bina Diri Mersing yang boleh memuatkan seramai 450 orang penghuni pada suatu masa. Di samping itu, sebuah institusi lagi telah diluluskan sebagai Pusat Pemulihan Pengemis iaitu di Jerantut, Pahang bagi menampung bilangan pengemis dan kutu rayau yang diselamatkan yang semakin meningkat. Pusat pemulihan yang baru ini dijangka boleh memuatkan seramai 300 orang penghuni pada satu masa. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan buat pemantauan punca berlakunya kegiatan kutu rayau yang banyak dalam negara kita dan apakah ia melibatkan kanak-kanak. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah jawab yang punca itu. Itu ialah faktor-faktor sosial yang luas daripada soalan asal.

Puan Chew Mei Fun: Ya, okay, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pecahan kanak-kanak.

Puan Chew Mei Fun: Ya. Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mengemis bukan sahaja terdiri daripada mereka yang melarat. Kini terdapat pengemis palsu yang menjadikan aktiviti mengemis sebagai satu profesion kerana ia merupakan jalan mudah untuk mendapatkan pendapatan. Mereka mengambil kesempatan di atas sikap

mudah hati masyarakat. Kumpulan pengemis sebeginilah yang enggan ditempatkan di institusi-institusi pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana mereka akan kehilangan mata pencarian yang jauh lebih lumayan daripada bantuan kebajikan yang mereka terima daripada kerajaan. Ada daripada mereka yang menggunakan kekerasan untuk mengelak dari ditangkap.

Mengenai kanak-kanak, kita percayai sungguhpun sukar dibuktikan terdapat sindiket yang mendalangi aktiviti tersebut. Untuk kanak-kanak yang diselamatkan, kita akan menjalankan siasatan dan selepas kita jalankan siasatan, kalau mereka betul-betul tidak ada keluarga untuk menjaga mereka, kita akan hantar mereka ke rumah kanak-kanak. Oleh itu, kami di sini hendak menasihatkan kepada orang awam kalau boleh jangan salah gunakan kemurahan hati kami. Kalau kita tidak bagi dan salah gunakan simpati kita, mereka tidak akan menjalankan *so-called profession* ini. Terima kasih.

10. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai dan apakah petunjuk yang boleh dijadikan sandaran untuk mendapatkan pengiktirafan sebuah negara maju.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 yang bermula daripada inspirasi bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah satu versi untuk Malaysia menjadi negara maju dalam erti kata yang menyeluruh. Versi ini merangkumi bidang ekonomi, sosial dan politik. Dengan itu pencapaian versi ini memerlukan bukan sahaja usaha pembangunan ekonomi dan teknologi tetapi juga pembangunan budaya dan minda. Kerajaan sentiasa prihatin dan bersikap proaktif dalam mengatur strategi dan perancangan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Usaha-usaha yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kelapan serta inisiatif-inisiatif tambahan dari masa ke semasa merupakan usaha kerajaan yang proaktif. Sebagai contoh, dari segi pembangunan ekonomi kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan ekonomi negara semakin dinamik dan berdaya saing. Ini termasuklah menyusun semula langkah bagi menganjak ekonomi ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, menyediakan pakej rangsangan ekonomi dan mengatur

skim KPI atau dengan izin, *key performance index* bagi *government links companies*, dengan izin. Kerajaan juga sedang berusaha untuk melaksanakan skim KPI di dalam kerajaan.

Dari segi pembangunan minda dan budaya, kerajaan menganjur program-program yang bertujuan meningkatkan integrasi nilai-nilai moral dan perpaduan negara menerusi pelbagai agensi.

Dalam mengukur sejauh mana kerajaan telah mencapai status negara maju seperti mana yang disarankan dalam Wawasan 2020, beberapa buah petunjuk dapat dijadikan sebagai kayu pengukur. Dari segi ekonomi petunjuk-petunjuk seperti kadar kemiskinan, kadar pendapatan isi keluarga serta tahap pengagihan pendapatan boleh digunakan.

Dari segi pembangunan sosial pula petunjuk seperti Indeks Kualiti Hidup yang merangkumi aspek-aspek seperti kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar dan keselamatan boleh digunakan. Bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan pembangunan ekonomi yang pesat dalam suasana perpaduan negara dan integrasi nasional yang kukuh dan harmoni dengan menggunakan petunjuk-petunjuk tersebut sebagai sandaran.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin satu petunjuk ialah perandai orang Malaysia atas jalan raya.

11. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah syarat-syarat yang membolehkan orang-orang kurang upaya (OKU) menerima bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian dan sampai umur berapakah mereka layak memohon.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan orang kurang upaya yang tidak berkemampuan tanpa mengira had umur. Syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- (i) OKU mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) berdaftar sebagai OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
dan
- (iii) pendapatan keluarga tidak melebihi RM400 sebulan.

Syarat-syarat kelayakan lain adalah berbeza mengikut jenis bantuan seperti berikut:

- (i) bagi elaun pekerja cacat - OKU yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM250 sebulan;
- (ii) bagi bantuan orang tua, warga tua - OKU yang berumur 60 tahun ke atas tiada saudara mara atau mempunyai saudara yang tidak berkemampuan atau tiada mata pencarian tertentu bagi menyara kehidupan;
- (iii) bagi bantuan alat tiruan, alat sokongan - OKU hendaklah mendapat syor daripada pegawai perubatan;
- (iv) bagi bantuan geran pelancaran - OKU hendaklah mempunyai minat dan potensi untuk maju dalam sesuatu bidang ekonomi yang ingin diceburi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sampai umur berapakah mereka layak memohon?

Puan Chew Mei Fun: Sampai sepanjang umur.

Puan Siw Chun a/p Eam: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah perancangan jangka masa panjang pihak kementerian bagi meningkatkan kualiti hidup OKU di negara ini selain daripada hanya memberi bantuan yang disediakan oleh kementerian sahaja.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih. Sebenarnya kementerian bukan sahaja bagi bantuan secara wang tetapi kita juga ada bagi perkhidmatan pemulihan dalam program pemulihan dalam komuniti dan juga kita ada bengkel-bengkel untuk bagi *skill training* untuk mereka supaya mereka dapat berdikari. Selain daripada itu, seperti saya telah maklum tadi untuk menggalakkan mereka berdikari, OKU-OKU yang berpendapat tidak melebihi RM750 sebulan akan diberi elaun kerja RM200 sebulan. Terima kasih.

12. **Datin Naomi Chong Set Mui** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah rancangan untuk membina 'flyover' di tiga (3) persimpangan iaitu jalan di Jalan Kolam, Luyang-Jalan Penampang (Lido) dan persimpangan Jalan Tuaran untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa terdapat kesesakan lalu lintas yang sering berlaku di tiga persimpangan jalan di sepanjang jalan lintas di

Kota Kinabalu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, buat masa ini tidak ada rancangan untuk membina jambat atau *flyover* di persimpangan-persimpangan jalan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Sungguhpun demikian, JKR Sabah akan menjalankan kajian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan-persimpangan tersebut dan cadangan menyelesaikan masalah kesesakan ini akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun projek tersebut tidak diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, namun kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kota Kinabalu. Untuk tujuan ini salah satu projek utama Rancangan Malaysia Kelapan di Sabah yang sedang berjalan terletak di Kota Kinabalu iaitu projek membina persimpangan bertingkat Karamunsing dengan jumlah kos pembinaan sebanyak RM142 juta. Projek melibatkan pelebaran Jalan Nanas ke tahap jalan berkembar dua lorong sehalu atau dengan izin, *dual carriage way two lanes each direction*, pembinaan jambat di Jalan Kolam yang merintang Jalan Tuaran, pembinaan jambat di Jalan Wawasan yang merintang Jalan Kemajuan dan pembinaan jambat di persimpangan Jalan Kemajuan –Jalan Tuaran yang juga dikenali sebagai Persimpangan Karamunsing.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelebaran Jalan Nanas dan pembinaan jambat Jalan Kolam telah pun disiapkan pada bulan Mei tahun ini, manakala bahagian-bahagian yang lain dijadualkan siap pada bulan September 2006 kelak. Adalah diharap bahawa dengan penyiapan projek ini akan melicinkan perjalanan keluar masuk kenderaan ke pusat bandar Kota Kinabalu.

Selain daripada projek tersebut di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan juga telah meluluskan projek Skim Pengurusan dan Meningkatkan Trafik di Jalan Kepayan di Kota Kinabalu dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta. Projek ini akan ditender pada bulan Oktober tahun ini dan dijangka bermula pada awal tahun depan dengan tempoh 12 bulan atau kurang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping projek-projek yang tersebut di atas kerajaan juga telah menyiapkan empat buah projek jalan di sekitar Kota Kinabalu dalam Rancangan Malaysia Kelapan;

- (i) membina jalan dari Jambatan Pedagas ke Lok Kawi yang telah siap pada tahun 2002 dengan kos sebanyak RM36 juta;
- (ii) membina sambungan Jalan Pantai ke Kota Kinabalu ke Kampung Sulaman yang telah siap pada tahun 2003 dengan kos sebanyak RM20 juta;
- (iii) pembinaan Jalan Sepanggar Bay Fasa Dua daripada kilometer 5.5 ke kilometer 11 yang telah siap pada tahun 2002 dengan kos sebanyak RM26 juta;
- (iv) pembinaan jalan pintas Penampang yang telah siap pada tahun 2003 dengan kos sebanyak RM55 juta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, jelaslah kelihatan bahawa kerajaan sentiasa peka terhadap masalah kesesakan trafik di Kota Kinabalu. Dalam usaha untuk menangani masalah ini akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan rancangan-rancangan Malaysia yang seterusnya juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah membenarkan jawapan yang luas untuk memberi peluang kepada kerajaan menyatakan bahawa Kota Kinabalu dan Sabah sekali pun diberi perhatian dalam soal kesesakan lalu lintas.

13. Dato' M. Ratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk mewajibkan pembelajaran bahasa ibunda iaitu Bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah kebangsaan supaya lebih ramai murid India dan Cina akan memasuki sekolah kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mewajibkan pembelajaran bahasa ibunda iaitu Bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini adalah kerana cadangan tersebut akan memberikan beberapa implikasi iaitu masalah ketidakcukupan guru dan kepadatan jadual waktu yang sedia ada. Namun begitu Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengajaran kedua-dua bahasa ini melalui pelbagai kaedah termasuk merancang dan memasukkannya dalam jadual waktu rasmi dan memperkenalkannya dari tahap yang lebih awal iaitu dari tahap satu berbanding dengan pengenalan pada tahap dua yang diadakan sekarang.

Dari segi status semasa, bahas ibunda masih lagi menjadi mata pelajaran pilihan dan bukannya mata pelajaran wajib. Terima kasih.

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Sekiranya kerajaan tidak ingin mewajibkan kelas-kelas Bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah kebangsaan, bolehkah kerajaan menimbang untuk mengadakan kelas Bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah kebangsaan pada waktu sekolah dengan izin, *school hours* sekiranya ada murid-murid yang mencukupi walaupun tidak ada permintaan dari murid-murid itu.

Apabila kelas ada di luar waktu sekolah, banyak kesulitan berulang alik dari sekolah ke rumah dan sebaliknya berlaku dan murid-murid tidak dapat hadir. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan itu adalah satu cadangan yang baik yang dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran seperti saya telah menjawab tadi, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk memasukkan kedua-dua bahasa ibunda ini dalam jadual waktu rasmi dan sekiranya pada masa yang kita dapat cukup guru, kita akan melaksanakan cadangan ini. Terima kasih.

14. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas awam di seluruh negara, kerana majoriti bas awam yang beroperasi ketika ini telah melebihi 10 tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat hasil tinjauan awal kerajaan terhadap pengangkutan bas awam yang melebihi usia 10 adalah seperti berikut:

- (i) bas ekspres - 5%,
- (ii) bas berhenti-henti - 80%,
- (iii) bas pengantara - 20%,
- (iv) bas mini - 80%.
- (v) bas pekerja - 50%, dan
- (vi) bas sekolah - 100%

Ini bermakna bas sekolah banyak yang telah melebihi usia 10 tahun. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang mengkaji untuk menetapkan had usia perkhidmatan bas bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Walau bagaimanapun, had usia masih tidak ditetapkan pada masa ini. Langkah-langkah telah diambil bagi memastikan kualiti perkhidmatan bas tersebut sentiasa terjamin, selamat dan selesa.

Kementerian ini melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mensyaratkan semua kenderaan perdagangan termasuk bas awam untuk menjalani pemeriksaan PUSPAKOM setiap enam bulan bagi memastikan tahap *road worthiness*, dengan izin. Di samping itu kementerian ini telah menetapkan dasar supaya bas pekerja dan bas sekolah untuk beroperasi sebagai bas ekspres hendaklah tidak melebihi 10 tahun.

Sebagai maklumat tambahan, cadangan untuk menetapkan had usia telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan pada tahun 2000 tetapi masih belum boleh dilaksanakan kerana kita menerima banyak rayuan dari pengusaha itu sendiri khususnya yang didakwa boleh menjejaskan pembangunan usahawan dan perniagaan usahawan kecil-kecil ini.

Kementerian sedang berbincang dengan semua pihak termasuk persatuan-persatuan bas bagi tujuan untuk melaksanakan had usia kenderaan perdagangan. Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bila bas melebihi 10 tahun, ini akan memberi kesan kepada perkhidmatan pengangkutan awam. Oleh itu apakah langkah-langkah kerajaan untuk memberi insentif galakan bagi pengusaha-pengusaha yang menjalankan perniagaan pengangkutan ini dapat menggantikan kenderaan-kenderaan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Apakah insentif untuk mereka tukar bas lama dan beli bas baru.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, antaranya insentif yang diberikan ialah pinjaman. Pinjaman kedua bagi peminjam-peminjam yang menggunakan pinjaman melalui kementerian ini. Selain daripada itu, kementerian melalui Majlis Dialog dengan pengusaha-pengusaha bas ini bagi memastikan tahap keselamatan dijaga dan alasan yang diberikan ialah melalui

pemeriksaan PUSPAKOM ternyata kenderaan mereka ini walaupun sudah berusia 10 tetapi masih selamat digunakan. Oleh itu walau bagaimanapun, kita sedang berusaha untuk memberikan peluang kepada mereka ini menggantikan bas-bas mereka. Terima kasih.

15. Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT):

- (a) adakah kementerian sedia memberi pinjaman buku teks kepada semua pelajar tanpa mengira jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa; dan
- (b) jika sedia untuk memberinya, bilakah ia hendak dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada menerima cadangan-cadangan mengenai kelonggaran memberikan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) bagi semua murid tanpa mengira jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa.

Pihak Kementerian Pelajaran sedang meneliti cadangan tersebut dengan melihat implikasi-implikasi sekiranya cadangan tersebut diterima. Antara faktor yang sedang diteliti ialah implikasi kewangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan sekiranya idea ini atau cadangan tersebut dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah dapat sampai soalan 16. Ini satu tahniahlah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat?

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Soalan No. 16.

16. Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian membuat kajian mengenai jalan-jalan utama Persekutuan dan lebuhraya yang diapit oleh tanah tinggi, lereng bukit yang merbahaya terutama pada musim hujan yang mudah runtuh dan berapakah tempat-tempat yang dikenal pasti di seluruh negara yang mempunyai status selamat kepada pengguna jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah membuat lima kajian yang berkaitan dengan tanah runtuh.

Kajian-kajian ini telah dijalankan sama ada dengan perunding tempatan atau pihak JICA Jepun mahupun secara jambatan. Kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, ini kajian panjang, saya cuba sebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Yong Khoon Seng: saya cuba sebutkan tajuk-tajuk kajian untuk memberitahu Yang Berhormat bahawa kita ada menjalankan kajian tersebut. Ada lima kajian dengan izin:

- (i) *East – West Highway Long Term Preventive Measures and Stability Studies,*
- (ii) *Assessment of Hill Slope Stability, Site Investigation and Design Case Study, Gunong Raya Road, Langkawi,*
- (iii) *Slope Priority Ranking System,*
- (iv) *The Study on Slope Disaster Management for Federal Roads in Malaysia,* dan
- (v) *Slope Protection Study for Federal Route 22 Tamparuli-Sandakan Road in Sabah.*

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

17. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah langkah-langkah kementerian untuk membendung trend baru rompak dalam teksi dan adakah kerajaan berhasrat menetapkan ciri-ciri asas yang perlu dimiliki oleh seseorang pemandu teksi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan tersebut, keselamatan pemandu dan penumpang merupakan teras perkhidmatan awam yang dititikberatkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Berdasarkan kepada kepentingan tersebut, kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah untuk membendung kegiatan jenayah dalam pengangkutan awam termasuklah teksi. Antaranya seperti berikut:

- (i) menetapkan kriteria pemberian lesen teksi individu supaya pemohon mestilah mempunyai rekod bersih dari kesalahan jenayah;
- (ii) mensyaratkan semua pemandu teksi didaftarkan dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP);
- (iii) mengadakan kursus untuk membangunkan budaya keselamatan pemanduan kepada pemandu teksi; dan
- (iv) menyediakan kemudahan-kemudahan saluran untuk membuat aduan dengan mensyaratkan pemegang lesen kenderaan perdagangan mempamerkan nombor talian bebas LPKP dan nombor SMS pada kenderaan perdagangan.

Dalam membangunkan budaya keselamatan pemanduan, kerajaan telah menetapkan tatacara pemanduan selamat dan bersih dari jenayah. Sikap berhati-hati dan keprihatinan dalam tindakan menghindar jenayah perlu ada pada pemandu di setiap masa ketika layanan dan kemesraan pelanggan perlu diamalkan semasa memberi perkhidmatan kerana ia dapat mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan dalam pengangkutan awam.

Pemandu dikehendaki sentiasa mengawasi keselamatan wang tunai semasa memberi perkhidmatan. Manakala penumpang pula dinasihatkan supaya menggunakan perkhidmatan SMS 39900 sekiranya dijangkakan perbuatan jenayah akan berlaku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tamat bagi pertanyaan-pertanyaan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf sekiranya terkasar tetapi saya didorong oleh dua prinsip. Pertamanya masa pertanyaan ialah masa melalui Dewan memberi peluang kepada kerajaan menampakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam semua hal-hal sebanyak mungkin hal yang di hadapan masyarakat [*Tepuk*] Maka saya cuba perbanyakkan soalan supaya rakyat dapat mengetahui apa yang berlaku dalam negara mereka.

Keduanya, adalah prinsip bahawa masa pertanyaan, dua ciri-ciri penting ialah segala percakapan hendaklah ringkas dan tepat. Masa pertanyaan satu jam lebih kurang ialah untuk 'cakap dengan tepat dan cakap dengan ringkas'.

Masa perbahasan ialah masa untuk sama-sama dan masa untuk retorik. Ianya berlainan kerana masa pertanyaan diperuntukkan hanya satu jam, masa perbahasan

diperuntukkan banyak jam. Maka bolehlah sama-sama bolehlah banyak retorik. Tetapi masa pertanyaan hendaklah ringkas dan tepat. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” ***[27 Julai 2004]***.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Dr. S. Vijayarajam, sila sambung ucapan.

11.31 pagi

Dato’ Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Apa yang telah berlaku kepada Encik Rosli bin Mohd. Saad, walaupun diterima sebagai seorang perwira yang berani boleh berlaku kepada sesiapa pun. Penjahat-penjahat tersebut adalah orang-orang berbahaya dan terdesak. Mereka mudah membuat kelakuan-kelakuan sengit apabila dikejar dan ditangkap. Di antaranya adalah penagih-penagih dadah dan perompak-perompak minda tegar (*hard core criminal*) dengan izin yang tidak peduli dirinya sendiri. Lebih baik terselamat daripada berdukacita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini di bandar saya Seremban, ada seorang mangsa iaitu seorang wanita berbadan besar, beliau menjatuhkan seorang pencuri ragut dan duduk di atasnya hingga Polis datang. ***[Ketawa]***.

Ketahanan awam itu boleh dilaksanakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana dimensi badan besar itu Yang Berhormat?

Dato’ Dr. S. Vijayarajam: Minta maaf, tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah dimensi badan besar itu? *[Ketawa]* Berat atau lebar atau tinggi.....

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Saya ingat semua segi *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, ini dilaporkan di dalam surat khabar, tetapi tidak beberapa *spesifik* dimensi tersebut. Ketahanan awam itu boleh dilaksanakan tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu ia mesti dilihat mengikut situasi dan keselamatan. Lebih baik jika dijalankan oleh satu kumpulan orang dan bukan seorang individu dan itu pun di kawasan-kawasan terbuka dan bukan di lorong belakang atau tempat gelap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pihak Polis Diraja Malaysia membuat fikiran dan kajian melaksanakan strategi-strategi baru menghadapi masalah pencurian ragut oleh kerana yang ada sekarang tidak beberapa berkesan. Satu cara ialah meletakkan mata-mata gelap wanita dengan beg tali di tempat-tempat yang jenayah tersebut selalu berlaku, apabila dia kena rampas, anggota-anggota polis pun dengan pakaian biasa yang tunggu di situ dapat tangkap si jahat itu.

Selain daripada itu diminta juga pendidikan dan taklimat melalui media massa, cara-cara membawa beg tali wanita dan barang-barang berharga supaya tidak menggoda pencuri-pencuri. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Pencuri itu digoda oleh orang atau rewang.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terpulang kepada rupa orang.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab masa perbincangan bolehlah kendur sedikit.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran yang diberi. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Penerangan yang minta perbelanjaan tambahan lebih kurang RM45 juta, saya minta kebenaran menyentuh perkara penapisan filem ataupun penyuntingan filem, filem *censorship* dengan izin. Saya percaya bahawa rakyat Malaysia khususnya orang-orang dewasa sudah sampai ke satu tahap di mana mereka boleh dianggap lebih matang, di antaranya ada juga perkembangan golongan graduan, ramai dari universiti-universiti luar negeri yang telah terdedah kepada kebudayaan-kebudayaan, agama-agama, cara-cara hidup dan juga perkara-perkara sosial asing. Orang tempatan juga boleh dikira lebih cerdas dan dididik dan di dalam satu dunia tanpa sempadan ini termasuk perkembangan laman web dan IT, bolehkah kita menghadkan apa yang mereka mahu atau boleh menonton di panggung-panggung wayang. Maka penapisan filem yang begitu tegas dengan fikiran sempit bukan sahaja satu pelaksanaan yang tidak

berfaedah dan akan gagal, ianya adalah penghinaan kepada kecergasan dan kebijaksanaan rakyat kita, *an insult to the intelligent* dengan izin, tibalah masanya untuk pihak kerajaan lebih moderat dan liberal, longgarkanlah sedikit fikiran-fikiran zaman dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya dengan segala hormatnya minta Lembaga Penapis Filem, *Censorship Board* dengan izin, membenarkan tayangan gambar *The Last Passion Of The Christ* dapat ditunjukkan tanpa syarat-syarat atau batasan di semua panggung-panggung wayang, *cinemaplex* dan sebagainya di Malaysia. Kepada sesiapa yang minat menonton tayangan gambar tersebut, adakah alasan baik untuk mengehadkan kepada orang-orang Kristian sahaja, saya khawatir apabila sesuatu filem dibataskan seperti ini, berkembanglah salinan-salinannya di dalam VCD cetak rompak yang masih dijual di mana-mana pun termasuk rumah ke rumah ataupun *door to door* dengan izin, sebenarnya apa yang dihadkan atau dilarangkan keperluannya beberapa kali ganda dan semua orang mahu tengok.

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak kementerian merasa bahawa filem *The Last Passion Of The Christ* tidak sesuai dari segi kesengitan atau *violent* dengan izin, bolehlah adegan-adegan terlampau digunting atau dipotong dan filem tersebut dijeniskan sebagai 18 PL dan 18 PL Tuan Yang di-Pertua, termasuk perkara dari segi agama juga. Apa salahnya kalau orang-orang Malaysia mendapat lebih penerangan dan gambaran agama-agama lain.

Pada masa dahulu perkara ini tidak menjadi masalah, filem-filem seperti *The Tenth Commandment*, *The Greatest Story Ever Told*, *Samson And The Laila*, *'Core Vadish'*, *Bend Her* yang mengandungi ciri-ciri keagamaan pun dapat ditayangkan kepada semua orang awam dipanggung-panggung wayang Malaysia, bersama juga ada tayangan-tayangan gambar Tamil dan Hindi dengan cerita agama Hindu satu lagi ialah *The Little Buddha* berkenaan dengan kehidupan Gutama Buddha. Mengapa pula filem *The Last Passion Of The Christ* menjadi sensitif.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada sedikit hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang perkara ini, kerana dia menyentuh soal tapisan tetapi kalau kita guna istilah tapisan dalam bahasa Kebangsaan bagi saya dia tidak memberi pengertian *censorship* sepenuhnya. Dalam soal *censorship* ini dimanakah hendak diletak tahap yang boleh diterima *self-censorship*, *parental censorship*, *peer*

copyright, group censorship, governmental censorship atau *societal censorship*, Yang Berhormat adalah pendukung yang mana satu.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Tuan Yang di-Pertua, soalan Tuan Yang di-Pertua satu yang menakutkan [*Ketawa*] tetapi pandangan saya *censorship* diri sendiri ataupun *self-censorship* ialah yang baik sekali. Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa filem tersebut iaitu *The Last Passion* dibenarkan tunjuk di Morocco, Tunisia, Turkey, Lubnan and juga Emiriah Arab Bersatu. Saya bukan seorang Kristian tetapi jika nampaknya saya ingin menonton wayang tersebut saya kena pergi ke Singapura. Tindakan tersebut seperti..

Tuan Yang di-Pertua: Atau pergi ke negara Islam seperti Morocco .

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Jauh sikit Tuan Yang di-Pertua, yang murah sekali Singapura, itu tambahan. Tindakan seperti yang akan dilaksanakan dianggap sesuatu yang terbelakang ataupun mengundur, *retrogressive* dengan izin.

Saya merayu kepada pihak kerajaan melebarkan fikiran dan membenarkan filem *The Last Passion* ditayangkan secara bebas tanpa apa-apa sekatan atau syarat-syarat.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan supaya Yang Berhormat dengar. Kalau dia tidak dengar, sekali lagi kuat sedikit; kalau dia tidak dengar juga, itu dia sengaja pura-pura tidak dengar kerana tidak mahu memberi laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya lihat seakan-akan Yang Berhormat ini sudah menyaksikan filem itu. Oleh yang demikian, dia menyaksikan di Singapura, di Morocco itu soal lain, tetapi saya ingin tahu kalau sekiranya telah menyaksikan di mana tempat-tempat Yang Berhormat dapati maknanya kira-kira pihak penapis filem boleh, jika benar, tidak dibenarkan ditayangkan di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih, sahabat saya Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, saya belum menonton filem tersebut, tetapi mengikut laporan ataupun *review* di surat-surat khabar yang kena dipotong atau digunting hanya pertunjukan adegan-adegan sengit sahaja tetapi yang lain tidak ada apa-apa, oleh kerana ini berkenaan kehidupan Nabi Isa.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan sistem pentadbiran melalui undang-undang ataupun *Rule of Law*, dengan izin, di negara kita bergantung kepada Parlimen berdemokrasi, badan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua: Parlimen berdemokrasi atau demokrasi berparlimen?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: [*Ketawa*] Demokrasi berparlimen, itu betul ya? Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Demokrasi yang mempunyai Parlimen.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Demokrasi yang mempunyai.....

Tuan Yang di-Pertua: Atau demokrasi berparlimen.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: *Parliamentary democracy*, dengan izin .

Tuan Yang di-Pertua: That's right.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Badan Kehakiman atau *Judiciary*, dengan izin, pihak pendakwa dan perkuaman. Di sini saya ingin memberi tumpuan kepada pihak pendakwa yang melambangkan sebagai Jabatan Peguam Negara dan disenaraikan di dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua. Ini adalah satu institusi yang penting dan imejnya harus dikekalkan sebagai satu yang tulus dan ikhlas, tanpa dipengaruhi oleh sesiapa pun.

Di dalam satu temu duga khas dengan Yang Berbahagia Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Abdul Ghani Patail pada 25 Julai di surat khabar *New Straits Times*, beliau telah menerangkan dengan teliti masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak Jabatan Peguam Negara semasa menjalankan tugasnya. Di sini saya berharap orang awam faham dan menghargai bahawa Jabatan Peguam Negara harus menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang, garis panduan-garis panduan dan syarat-syarat yang sedia ada.

Seperti contoh, Jabatan Peguam Negara akan meneruskan langkah-langkah pendakwaan hanya dengan mempunyai bukti-bukti tertentu dan dengan peluang yang baik, lebih kurang 90% untuk mendapatkan hukuman positif ataupun *conviction*, dengan izin. Mereka tidak boleh mendakwa tanpa bukti-bukti atau bukti-bukti yang lemah atau dengan keadaan yang tidak menentu atau main-main sahaja. Ini perkara yang serius dan tidak boleh mengikut sentimen popular atau selaras dengan persepsi orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menghargai dan menerima bahawa lebih mudah mempertahankan satu kes daripada mendakwa. Oleh kerana pihak pembela

ataupun *defence*, dengan izin, hanya ingin menunjukkan bahawa ada sedikit sahaja kesangsian atau keraguan *doubt*, dengan izin, di dalam hujah-hujah pihak pendakwa dan kes tersebut akan dibuang. Tugas pihak Jabatan Peguam Negara bukan senang.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga satu penglihatan atau persepsi bahawa Peguam Negara mengamalkan pendakwaan terpilih, *selective prosecution*, dengan izin. Saya percaya bahawa ini tidak benar dan tidak berasas. Jika ada bukti yang dapat meyakinkan tentu mereka akan menjalankan kes. Ramai orang percaya bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa memutuskan yang besar dan luas, *discretionary power*, dengan izin. Ini juga tidak betul. Seperti yang dikatakan dahulu pelaksanaan pendakwaan boleh dijalankan hanya mengikut undang-undang dan garis panduan yang sedia ada *and not on the Attorney-General's whims and fancies*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara juga menafikan beliau membuat perjanjian bahawa ada orang-orang terkenal yang akan didakwa, disyaki melakukan rasuah. Sebagai Peguam Negara, ini dianggap salah, beliau hanya mengatakan jika sesuatu kes dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara, mereka mesti membaca dan menyiasat fakta-fakta yang diberi dan kemudian membuat keputusan jika kes tersebut dapat dijalankan. Tidak boleh menjanjikan apa-apa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan adalah tanggungjawab Peguam Negara dan tiada sesiapa lagi. Beliau harus mengikut undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan. Beliau tidak mendapat arahan daripada mana-mana pihak dan tidak menerima arahan. Inilah tugasnya. Peguam Negara hanya boleh membaca sebuah fail dan memutuskan jika boleh atau tidak boleh mendakwa. Jika Peguam Negara tidak berpuas hati dengan fail, beliau boleh memberitahu kepada pihak polis bahawa mereka tidak dapat meneruskan kes dan meminta membuat siasatan lagi.

Peguam Negara adalah juga Ketua Penasihat Undang-undang kepada kerajaan termasuk perkara-perkara awam ataupun *civil matters*, dengan izin, dan terpulang kepada pihak kerajaan jika mereka hendak mengikut nasihat tersebut atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap penglihatan atau persepsi rakyat di atas Peguam Negara bukan sesuatu yang negatif atau kurang memuaskan. Saya berharap juga tugasnya nampak tanpa berat sebelah atau *bias*, dengan izin, dan orang-orang awam menghargai semua yang dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara dengan mengambil kira halangan-halangan yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian dan juga dengan keyakinan bahawa semua peruntukan tambahan yang diminta akan digunakan dengan bijaksana untuk kepentingan rakyat. Saya mohon menyokong dengan sepenuhnya rang undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Nampaknya ramai Ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya minta Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas AlHabshee untuk berbahas dan disusuli dengan Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak dan seterusnya Yang Berhormat Datuk Yaakob.

11.36 pagi.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas AlHabshee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua (2003) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat perbekalan tambahan sudah menjadi satu tradisi untuk kita bahas serta membincangkan pada setiap tahun. Peruntukan tambahan diperlukan setelah pelbagai kajian dan penyelidikan menyeluruh telah dijalankan mencakupi semua bidang, faktor dan kementerian yang diambil kira untuk mengurus serta membangunkan negara dengan lebih cekap, efisien untuk kesejahteraan rakyat.

Pertama, saya ingin menyentuh mengenai dengan peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri yang berjumlah RM208,724,680 dan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri, ini seperti yang boleh kita lihat iaitu Jabatan Audit, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah iaitu BPR.

Kita melihat BPR telah menerima peruntukan sebanyak RM3,378,900, ini adalah diharapkan dapat membantu BPR melipatgandakan usaha dalam membanteras jenayah rasuah yang merugikan negara. Kita melihat pada awal tahun ini BPR telah melaksanakan tugas dengan cemerlang, dengan membawa mereka yang mengamalkan amalan rasuah ke muka pengadilan, tidak kira di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya amalan telus dan jujur dalam BPR seperti inilah yang patut dicontohi oleh mana-mana jabatan. Kita merasa bangga dengan kecekapan yang dipamerkan oleh BPR dan berharap agar prestasi ini dapat diteruskan demi memegang amanah agama, bangsa dan negara. Perkhidmatan Awam seperti SPA, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam masing-masing menerima RM3,100,000, RM26 juta dan RM170 juta perlu memastikan sistem yang cekap dan mesra pelanggan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan segala dasar dan strategi pembangunan negara.

Dalam hal ini, perkhidmatan awam mesti terus berusaha mengurangkan kerenah birokrasi dan mengkaji semula semua peraturan dan tatacara untuk mempercepatkan urusan dengan pihak awam. Langkah ini akan memudahkan peniaga berurusan dengan kerajaan di samping mengurangkan kos pengendalian mereka dan seterusnya menjadi negara lebih kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin telah menyentuh tentang ganjaran untuk Lennard Lee. Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya utarakan bahawa baru-baru ini, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara, satu pertandingan *World Championship Formula* di Portugal pada 22 dan 24 Julai iaitu tiga, empat hari yang sudah, telah diadakan di Portugal yang mana Malaysia telah menghantar lebih kurang 13 peserta iaitu kanak-kanak yang berusia antara 8 hingga 16 tahun. Ini adalah kali yang pertama, Malaysia menyertai pertandingan ini.

Alhamdulillah ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, mereka yang pergi telah berjaya merangkul dua pingat emas, dua perak dan dua gangsa. Untuk saya, ini satu pencapaian yang cukup baik, walaupun mereka adalah anak-anak yang berumur 8 hingga 16 tahun. Apa yang ingin saya perkatakan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pemergian mereka adalah untuk mengharumkan nama negara kita Malaysia. Kita yang terlibat menganjur pertandingan ini telah menasihati anak-

anak ini bahawa apabila mereka menang jangan mengharap apa-apa ganjaran, kerana mereka seperti rakyat Malaysia juga, pergi untuk mengharumkan nama negara kita, tetapi kalau kerajaan hendak beri, itu terpulang kepada kerajaan.

Sebagai rakyat Malaysia, saya amat berharap janganlah ini menjadi satu tradisi yang semestinya, sekiranya seseorang warganegara berjaya mengharumkan nama negara, mereka mengharap ganjaran. Jadi, pemergian mereka ataupun apa yang mereka lakukan adalah tidak ikhlas. Jadi, saya harap ambillah contoh kanak-kanak yang berumur 8 hingga 16 tahun, mereka pergi, mereka berjaya menjadi juara di peringkat dunia tetapi mereka tahu bahawa mereka balik, mereka hanya gembira sebagai rakyat Malaysia mengharumkan nama negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengharap bahawa mana-mana pihak yang kita lihat, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin semalam bahawa seperti Datuk Azhar Mansor, Datuk Abdul Malik, apabila mereka berjaya, dapat ganjaran, rumah, duit, sehingga dapat gelaran Dato'. Ini telah memberi kepada setiap rakyat Malaysia apabila mereka hendak melakukan sesuatu, mereka memikirkan ganjaran. Ini satu masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya berharap di Dewan yang mulia ini dapat kita melihat bahawa menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia, apa yang kita lakukan adalah demi negara kita. Slogan '*Malaysia Boleh*' kadang-kadang kita luahkan, '*Malaysia Boleh*' tetapi bila kita balik, kita berjaya, kalau tidak dapat sesuatu daripada kerajaan, kita marah. Jadi, saya amat berharap apa jua pertandingan yang dimasuki oleh rakyat Malaysia di peringkat antarabangsa, apabila mereka berjaya janganlah membuat satu ukuran bahawa kerajaan mesti memberi ganjaran.

Sudah cukuplah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jumpa, beri tahniah, itu satu penghormatan yang besar, takkan kita sudah berjaya merintang Selat Inggeris, mula-mula Datuk Abdul Malik sudah buat, Lennard Lee sudah buat, jadi saya khuatir tiga, empat ratus rakyat Malaysia akan cuba sebab ada ganjaran. Jadi, saya harap dengan apa yang saya utarakan hari ini, jangan ada mana-mana pihak mengharap apa-apa ganjaran kerana mereka berjaya mengharumkan nama Malaysia.

Sepatutnya mereka harus berbangga tinggal di negara Malaysia yang mana.....

Tuan Zainal bin Rampak: Minta Laluan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya memang tertarik hati apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat, sungguh ikhlas sekali. Jadi, kita lihat daripada mereka yang telah berjaya, tidak begitu ikhlas. Kalau kita hendak fikirkan, hendak beri Datuk, hendak beri gelaran, hendak beri ganjaran, banyak yang telah membawa kejayaan, rakyat Malaysia yang telah membawa kejayaan demi kepentingan negara. Kalau kita hendak beri, beri semua - jangan hanya *selected*, dengan izin, setengah-setengah orang.

Jadi, saya berharap kepimpinan juga jangan ambil kesempatan untuk mendapatkan populariti, beri hadiah dan sebagainya. Ini harus diberhentikan dengan serta-merta dan keikhlasan dengan jujur hendaklah ditunjukkan oleh rakyat bahawa kejayaan yang diperolehi seperti mana kata Yang Berhormat tadi, demi untuk kepentingan bangsa dan negara kita. Saya memang amat bersetuju, apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat, saya menyokong penuh 101%.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jadi sekiranya kita mempunyai keikhlasan, maka apa yang kita lakukan untuk negara, apa yang kita buat untuk negara sudah menjadi tanggungjawab kita selaku rakyat Malaysia. Seperti yang saya katakan tadi, kita duduk dalam keadaan negara yang cukup aman, kita dapat segala-galanya, kita hendak keluar malam pun kita tidak takut, bukan seperti negara-negara lain yang menghadapi peperangan dan sebagainya. Jadi inilah sebagai rakyat Malaysia, balasan yang kita buat, yang kita harumkan nama negara kita sepatutnya kita jangan mengharap apa-apa ganjaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang mana suntikan tambahan sebanyak RM68,440,000 perlu memastikan bahawa rakyat termiskin juga diberi tumpuan dan keutamaan supaya nasib mereka sentiasa terbela, harus memastikan rakyat berpendapatan rendah mampu mendiami rumah yang lebih selesa. Maka program membina rumah kos rendah dan juga sederhana wajar diteruskan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat rumah setinggan sifar menjelang 2005.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pertahanan juga, sebanyak RM174,532,700 telah diperuntukkan dan saya rasa Perbelanjaan Mengurus Tambahan diperuntukkan ini adalah wajar. Peruntukan ini amat bertepatan dan ketikanya kerana pada masa ini negara mengharungi era globalisasi yang hebat di mana untuk

memperlengkapkan persediaan negara menghadapi situasi tersebut, keselamatan tanah air harus dipertingkatkan dan menjadi agenda utama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini juga sejajar dengan peningkatan teknologi canggih di dalam dunia persenjataan di mana setiap anggota keselamatan harus melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu dan teknik menggunakan senjata berteknologi tinggi untuk menjaga kesejahteraan negara yang tercinta dan perkara ini perlu dititik beratkan supaya apabila berlaku perkara yang di luar dugaan, kita juga lebih bersedia.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita terharu dengan rayuan bantuan kewangan bagi mereka yang tidak mampu membiayai rawatan penyakit kronik. Kos rawatan biasanya tinggi dan tidak tertanggung oleh mereka yang berpendapatan rendah sementara sumbangan orang ramai pula tidak mencukupi. Atas keprihatinan dan kemanusiaan maka kerajaan bekas pimpinan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengumumkan dana sebanyak RM100 juta pada pengumuman Bajet yang lepas untuk tujuan tersebut, yang disediakan untuk keluarga pesakit kronik yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan.

Langkah yang bijak ini dijanakan pula oleh peruntukan tambahan kepada Kementerian Kesihatan yang berjumlah RM528.862,200. Peruntukan tambahan ini diharapkan dapat menaikkan taraf hospital-hospital kerajaan dan bagi membeli kelengkapan perubatan yang sangat diperlukan untuk merawat penyakit kronik di mana pesakit tidak perlu menjalani rawatan di luar negara mahu pun di hospital swasta. Ini adalah sejajar dengan tenaga pakar-pakar doktor yang ada di Malaysia. Tiada gunanya kita mempunyai kepakaran jika teknologi perubatan yang ada tidak secanggih mana.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini juga usaha kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai hab atau pusat kepada pengeluaran makanan halal serantau dan sedunia, di sini saya melihat memang benar seperti yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa perusahaan pengeluaran makanan halal adalah satu *facet* murni yang dapat meningkatkan lagi pendapatan kita dalam sektor pertanian makanan di samping menjadi satu legasi kepada nama Malaysia sebagai pengeluar sumber makanan asli yang tersohor.

Dalam konteks ini saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kita mengambil pendekatan yang berhati-hati dan tegas dalam pelaksanaan program

pembangunan industri makanan halal ini, berhati-hati kita kena lihat terlebih dahulu keupayaan kita sendiri di dalam merealisasikan tuntutan pembangunan industri ini. Apakah kita mempunyai cukup bekalan makanan mentah seperti ternakan dan tumbuhan yang mencukupi? Apakah kita mempunyai teknologi dan kesetandingan dengan negara lain dalam bidang pemprosesan makanan halal dan sejauh manakah usaha digarap untuk meningkatkan kualiti makanan halal negara atau menepati pelbagai piawaian antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, kita kenalah berupaya untuk mengukur baju di badan sendiri, kena sanggup mengakui kelemahan kita, barulah saya rasa kita mampu untuk menapak ke hadapan. Kita tidak boleh hanya melihat akan potensi baik dalam industri ini tanpa melihat akan keperluan sokongan yang padu kepada industri ini. Pertama sekali saya ingin melihat kita mempunyai strategi pembangunan yang betul, termasuklah di dalam teknologi dan tenaga kerja mahir yang tahu akan selok-belok industri makanan halal bertaraf dunia. Kita tidak mahu Malaysia mengeluarkan makanan halal tetapi rakyat kita sendiri masih membeli daging halal yang dibekalkan oleh negara luar seperti Sepanyol, Brazil, Australia dan juga New Zealand. Mengapakah mereka mempelopori industri ini sedangkan Malaysia yang merupakan sebuah negara Islam contoh masih jauh kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah negara-negara ini telah menetapkan satu plan pembangunan industri makanan halal dengan mengenal pasti sektor yang boleh dikuasai dan meningkatkan kualiti di dalam tatacara pengeluaran mereka. Itulah rahsia kejayaan negara lain yang wajar kita pelajari.

Keduanya pula, saya ingin melihat kita menumpukan usaha ke dalam bidang yang kita mempunyai kelebihan, terutama dalam penyediaan makanan separuh masak atau masakan yang halal. Usaha syarikat tempatan seperti Brahim dan Adabi di dalam pengeksporan makanan siap halal wajar kita jadikan satu pengajaran akan pencarian kepada *niche* yang boleh menjadikan kekuatan kita. Kita mungkin boleh mengeluarkan daging halal dan seumpamanya tetapi kita kenalah memastikan kualiti pembungkusan dan *packaging* serta imej produk ini boleh diterima, disukai oleh warganegara asing.

Untuk itu piawaian makanan yang halal yang digunakan oleh kerajaan perlulah dirombak terutamanya untuk menerima piawaian antarabangsa yang lebih ketat dan menyeluruh. Hanya dengan cara ini barulah produk buatan Malaysia akan dikenali, dihormati dan mendapat tempat di hati pengguna seluruh dunia. Seterusnya kita

kenal bersikap tegas dalam pelaksanaan pembangunan industri makanan halal kerana kerajaan tidak boleh hanya melihat pada memperbanyakkan syarikat pengeluaran makanan halal tanpa meneliti pelan pembangunan mereka.

Produk yang ingin dipasarkan dan tumpuan pasaran atau *target market* produk tersebut, kita mendapati kini syarikat pengeluar makanan halal sudah mula tumbuh seperti cendawan selepas hujan di seluruh negara. Ini satu petanda baik tetapi kerajaan kenal memastikan syarikat-syarikat ini benar-benar menumpukan dan mampu mengeluarkan makanan yang halal dengan *packaging* yang boleh diterima negara luar. Contohnya Jepun, sekiranya mereka sekadar mengeluarkan makanan halal, akhirnya kualiti produk mereka hanyalah digunakan di dalam negara maka usaha kerajaan akan tertambat di muara, tersekat di tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan pandangan kerajaan untuk menggunakan industri kampung di dalam pengeluaran makanan halal ini. Cuma saya ingin tahu apakah strategi kerajaan dalam memastikan teknologi dan kualiti yang digunakan untuk menghasilkan makanan halal oleh industri kampung berupaya untuk bersaing dengan negara luar.

Kita tidak mahu usaha gigih petani dan keluarga mereka hanya akan berakhir dengan kegagalan dan kerugian yang akan menyusahkan pula hidup mereka. Saya mohon penjelasan akan kaedah dan teknologi moden yang akan digunakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kapasiti dan kualiti pengeluaran industri kampung untuk menyokong industri makanan halal negara. Bagaimanakah pula dengan latihan dan penyelidikan teknologi ini nanti? Siapakah yang akan membayar dan menanggung kosnya?

Berkisar kepada sokongan inilah, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat secara makro akan usaha membangunkan industri makanan halal negara. Kita tidak patut menumpukan semua usaha di dalam negara kerana kita mungkin mempunyai masalah kekurangan bekalan bahan mentah. Malah saya merasakan mungkin berlaku masalah kepada alam sekitar negara ini sekiranya kita terlalu menumpukan usaha ke arah penternakan bahan mentah untuk industri di dalam negara. Bayangkanlah nanti akan akibat kepada rakyat terutamanya yang tinggal di kawasan penternakan. Tidakkah nanti kesihatan mereka akan terganggu pula?

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan adalah lebih baik untuk kita menggunakan rakan-rakan ASEAN kita sebagai ladang penternakan bagi makanan

halal negara. Maksud saya, kita wajar mencontohi Singapura, misalnya, yang biarpun tidak mempunyai keluasan tanah tetapi boleh membangunkan industri makanan mereka sendiri. Bagaimana? Dengan menempatkan pusat penternakan mereka di negara jiran termasuklah di Johor.

Bagi Malaysia, Indonesia, Laos, Thailand, malah Vietnam boleh kita jadikan ladang penternakan kita. Kita boleh membangunkan negara-negara ini juga menerusi perkongsian usaha menternak haiwan yang akan disembelih dan disimpan dalam peti sejuk di sana. Ianya akan membuka peluang pekerjaan dan satu sumber ekonomi kepada negara tersebut. Ini tidaklah bermakna Malaysia sudah hilang kerja. Hasil penyembelihan ini masih dikira bahan mentah dan perlulah diproses untuk dibungkus dan dipasarkan ke seluruh dunia.

Di sini kita akan mendapat peluang untuk menerpa dalam *high end* pasaran, dengan izin, dan menggunakan teknologi tinggi dan mengeluarkan makanan yang bernilai tinggi. Ini akan memberi ganjaran yang lebih besar kepada negara di samping membuka peluang kepada rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

11.58 pagi.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut serta ingin untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Tambahan Kedua untuk tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mulakan perbincangan saya daripada jadual yang telah disediakan berkaitan beberapa kementerian dan jabatan yang berkenaan daripada yang paling bawah sekali iaitu Kementerian Sumber Manusia kerana Kementerian Sumber Manusia adalah merupakan kementerian yang paling dekat dengan profesion atau kerjaya saya dan kewajipan saya sebagai pemimpin kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan ini adalah perlu memandangkan beberapa fakta yang saya kira perlu diambil tindakan oleh kementerian bagi mempertingkatkan lagi kerja, tugas dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi

melindungi kaum pekerja sambil mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan yang menjadi teras kepada perkembangan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya juga telah bercerita berkenaan isu bersabit dengan gaji minimum dan isu berkenaan dengan Skim Penamatan Perkhidmatan yang mana ianya merupakan kriteria yang paling penting bagi melindungi kaum pekerja iaitu pendapatan tetap dan juga isu bilamana mereka yang tersebut ditamatkan pekerjaan mereka dan syarikat yang melaburkan modal mereka di negara ini meninggalkan negara kita tanpa membuat bayaran.

Saya dan rakan-rakan saya dalam pergerakan kesatuan sekerja telah melaungkan perkara ini dan meluahkan hasrat kita serta mencadangkan sejak beberapa lama dahulu. Kalau gaji minimum sejak tujuh tahun lalu, begitu juga dengan Skim Penamatan Perkhidmatan lebih daripada tujuh tahun. Namun demikian, kementerian masih lagi tidak mengambil tindakan sewajarnya dan masih menolak atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan kementerian berpendapat bahawa khususnya bagi gaji minimum, kata kementerian biarlah *market process* menentukan atau pasaran menentukan.

Ini tidak dapat diterima oleh kaum pekerja khususnya kerana mereka ingin untuk memastikan jaminan pendapatan yang ada dalam kualiti hidup, dalam masyarakat penyayang dan dalam usaha mereka untuk membangunkan masyarakat kekeluargaan dan kehidupan mereka seharian di kalangan keluarga.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kadangkala begitu terhina pergerakan kesatuan sekerja. Terhina kerana bilamana kita mencadangkan kebaikan untuk kepentingan kaum pekerja seperti gaji minimum dan Skim Penamatan Perkhidmatan bagi menjaga kepentingan mereka ditolak sama sekali oleh pihak kerajaan, bukan sahaja majikan tetapi kerajaan sendiri menolak untuk diambil kira dan dipertimbang dengan begitu serius bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan.

Tetapi bilamana majikan mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan seperti mewujudkan satu skim yang dinamakan *Productivity-Linked Wages System*, kerajaan dengan serta-merta mengambil perhatian yang berat dan memanggil pihak persatuan majikan dan juga kesatuan sekerja berbincang dan ingin mencadangkan supaya dasar ini dapat dilaksanakan.

Ini seolah-olah, Tuan Yang di-Pertua, kami kaum pekerja seperti anak tiri dalam keadaan suasana sedemikian bila pandangan kami yang begitu objektif, yang begitu

baik, untuk jangka panjang, untuk kepentingan kaum pekerja negara kita ini, kerajaan tidak memandang serius dan mengambil tindakan yang wajar untuk dipertimbang dan dilaksanakan.

Tetapi bila majikan membuat sesuatu cadangan seperti mana yang telah saya jelaskan itu, *Productivity-Linked Wages System*, kerajaan dengan serta-merta mengambil tindakan seperti petang esok saya telah dijemput oleh Kementerian Kewangan untuk mengadakan dialog dengan persatuan majikan dalam *pre-budget discussion* iaitu cadangan yang dikemukakan supaya wujudnya *Productivity-Linked Wages System*.

Kerajaan selalu menyatakan perlunya negara kita ini untuk bekerja khususnya meningkatkan produktiviti mereka di semua peringkat termasuk kakitangan awam dan juga kakitangan swasta, sedangkan daripada statistik yang telah saya jelaskan semalam dan saya ingin bacakan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa pagi ini, *Report Highlight* yang telah dikeluarkan oleh *Malaysian Productivity Performance 2002*.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan dalam bahasa Inggeris. "*In 2002, Malaysia productivity growth of 2.5 % exceeded debt of Italy -1.4%, Japan 0.7%, German 0.9%, United Kingdom just 1%, France 1.1% and Hong Kong -5.5%, nevertheless Thailand, Singapore and South Korea achieve high growth 4.5%, 4.2% and 3.5% respectively.*" Then, Malaysia, katanya, merupakan negara yang dianggap yang *growthnya* 2.5%. Jadi, dengan lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, produktiviti kita telah meningkat, kita boleh bersaing dengan negara yang lain

Mengapa masih lagi pihak-pihak yang berkenaan ingin untuk mewujudkan produktiviti-produktiviti *link wages system*. Ini akan melibatkan tekanan kepada kaum pekerja dan kenaikan gaji yang dinikmati oleh kaum pekerja hari ini akan ditentukan oleh pihak majikan mengikut produktiviti mereka masing-masing. Jadi itulah persoalannya kepada saya mengapa keadaan sedemikian harus wujud dan mengapa kerajaan selalu memikirkan kepentingan majikan melebihi dari kepentingan pekerja, sedangkan pekerja sendiri telah meningkatkan produktiviti mereka dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Ogos 1996, kita telah memperkenalkan, iaitu bila mana tiga pihak, tiga penjuru; kerajaan, majikan dan pekerja mengadakan perbincangan mengenai satu sistem yang telah diamalkan oleh negara kita ini sejak beberapa lama dahulu, bahawa kita mewujudkan *guideline on wages reform system*,

dengan izin dan kita telah bersetuju kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam penentuan gaji dan sebagainya dan meningkatkan produktiviti. Tuan Yang di-Pertua, sistem yang ada sekarang selain daripada perjanjian bersama, selain daripada *quality*wujudnya kenaikan yang ditentukan mengikut besar atau kecilnya sesebuah syarikat dan melalui perundingan secara demokratik dan bebas telah diadakan di antara pihak majikan dengan pekerja.

Kita juga mewujudkan satu sistem insentif yang dinamakan komisen ataupun TRIPS System bagi mempertingkatkan produktiviti kaum pekerja dan menaikkan pendapatan syarikat. Dengan ini keuntungan yang diperolehi akan dinikmati oleh semua pihak. Mengapa kita harus memperkenalkan satu sistem yang sudah ada, yang cukup baik, yang telah diterima pakai dan dijalankan dengan begitu baik dan peningkatan produktiviti meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia harus lebih sensitif macam mana mencari jalan isu-isu yang telah dikemukakan oleh pihak Pergerakan Kesatuan Sekerja. Umpamanya dari segi soal, kes-kes perbicaraan Mahkamah Perusahaan yang tertangguh, yang hampir sekarang ini 2,000 cases masih lagi tertangguh. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, soal pembuangan kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan yang tidak dapat diselesaikan. Walaupun hakim Mahkamah Perusahaan bertambah dari masa ke semasa, kadangkala setengah daripada hakim ini dipinjamkan daripada AG Chambers iaitu Peguam Negara. Mereka ini merupakan transit buat sementara waktu sama ada dua tahun, bila mana mereka mendengar sesuatu kes dan mereka dinaikkan pangkat, dipindahkan dari menjadi hakim dan akhirnya kes ini ditangguhkan. Bila seseorang hakim baru dilantik dan ia akan diulang semula tarikh pendengarannya. Ini akan memakan masa dua, tiga atau empat tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita bayangkan seorang pekerja yang telah dibuang kerja dan setelah proses melalui perundingan damai diadakan, tidak mencapai penyelesaian dan kes ini dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Sebelum dirujuk, Kementerian Sumber Manusia harus menapis semula laporan tersebut dan bila dirujuk ke mahkamah, memakan masa yang begitu lama. Saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, sistem ini harus diubah dengan serta-merta.

Saya mencadangkan sewaktu Timbalan Menteri Sumber Manusia menjawab soalan saya atas sistem yang sedemikian, saya telah mencadangkan kenapa tidak kita

lantik Suruhanjaya Perhubungan Perusahaan iaitu *independent person*, orang yang bebas, yang mempunyai pengalaman, yang boleh mendengar kes-kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kes buang kerja ini begitu *simple*, bukan kes melibatkan undang-undang dan sebagainya, *not legal interpretation involved*, dengan izin dalam untuk mengendalikan kes-kes tersebut, *straight forward case*, tuduhan yang dibuat oleh syarikat, adakan suruhanjaya, melantik lebih banyak suruhanjaya seperti mana yang dilakukan oleh Australia serta negara-negara maju yang lain, melantik suruhanjaya sedemikian, mendengar kes-kes berkenaan, *dispute off* atau selesaikan dengan secepat mungkin. Kalau kita boleh buat satu jangka, *frame time*, seseorang pekerja yang telah dibuang kerja dan ingin mendapatkan penyelesaian dari segi tindakan yang telah dilakukan oleh syarikat atas kes yang berkenaan, *we take a frame, may be*, besar kemungkinan dalam masa tiga bulan, kita buat satu jangka kes ini harus diselesaikan dan pekerja yang berkenaan boleh tahu nasib mereka sama ada akan balik kerja ataupun tidak ataupun dibayar pampasan.

Dalam masa yang sama, majikan juga tahu sama ada pekerja ini akan balik atau tidak dan tempat kekosongan pekerja tersebut bila mana ia dibuang akan diisi oleh orang baru. Ini akan menyelaraskan perjalanan syarikat dan dalam masa yang sama, kita dapat menyelesaikan kes-kes buang kerja sedemikian dalam masa yang begitu singkat. Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya kira harus diambil berat oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah soal janji yang telah dibuat oleh Menteri Sumber Manusia. Sudah banyak kali saya bertanya di dalam Dewan ini, di luar Dewan, dalam perundingan dengan kementerian melalui perundingan tiga penjurong iaitu isu bersabit dengan Sabah Labour Ordinance dan Sarawak Labour Ordinance, dengan izin di mana kedua-dua ordinan ini tidak sama dengan Akta Kerja yang ada di dalam negara kita seperti *maternity protection*, perlindungan wanita bersalin tidak termaktub dalam Sabah dan Sarawak Labour Ordinance, jadi mereka ini dikecualikan dan tidak menikmati seperti mana wanita-wanita yang bekerja di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang kita harus fikirkan. Sebagai rakyat Malaysia, sepatutnya pindaan ini harus dibuat begitu lama dahulu. Kerajaan harus peka sebagai Menteri Sumber Manusia yang bertanggungjawab atas kaum pekerja, harus mengambil tindakan dengan serta-merta meminda akta ini. Kita telah berunding, saya ingat barangkali sama juga dengan isu yang saya bangkitkan, isu gaji minimum,

isu skim penamatan perkhidmatan, sehingga hari ini belum lagi kedengaran bil-bil yang berkenaan dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Walaupun dalam mesyuarat pada bulan Mei yang lepas, Menteri Sumber Manusia berjanji, katanya dia akan membentangkan pindaan kedua-dua akta; Sabah dan Sarawak Labour Ordinance ini dan memasukkan *provision* atau perbekalan yang ada dalam Akta Kerja Semenanjung dalam kedua-dua ordinan berkenaan pada bulan Julai, iaitu sidang yang berjalan ini. Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya bila saya lihat tidak ada pindaan yang dikemukakan, Akta Sabah dan Sarawak Labour Ordinance.

Pada hari Sabtu yang lepas, saya ke Sarawak untuk menghadiri satu perhimpunan pekerja dan pekerja wanita banyak bertanya kepada saya, apa sudah jadi atas pindaan yang Menteri janjikan, sama ada pindaan tersebut akan dibentangkan pada Julai ini? Saya menjawab, "Saya tidak melihat bil yang sedemikian dibentangkan". Saya tidak tahu, di mana tersekat. Kata Menteri Sumber Manusia pada Mei yang lepas katanya satu, *one part* perkataan dalam akta tersebut iaitu tidak dipersetujui oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak. Saya menyatakan, kalau itulah *part* yang tidak bersetuju, saya tidak tahu perkataan apa, sama ada dari segi interpretasi, ayat dan sebagainya. Kenapa tidak dicari jalan penyelesaian oleh kerana perkara ini telah begitu lama dan begitu serius. Rakyat dan pekerja-pekerja Sabah dan Sarawak menanti-nantikan pindaan ini untuk dibentangkan bagi mereka menikmati faedah-faedah seperti mana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja Semenanjung terutama sekali kalangan wanita-wanita yang akan melahirkan anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon sekali dalam Dewan yang mulia ini, wakil daripada kerajaan, Kementerian Sumber Manusia dan juga Menteri sendiri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Dua tahun yang lepas bila saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini bersabit dengan belanjawan, isu-isu yang saya bangkitkan atas perjalanan, atas dasar buruh, pentadbiran Kementerian Sumber Manusia dan cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan dalam ucapan belanjawan pada dua tahun lepas.

Saya tidak diberikan jawapan langsung. Katanya diberitahu Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu persoalan, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak tidak perlu diberikan jawapan. Saya pada ketika itu merasa amat dukacita. Yang Berhormat Dato' Haji Noh bangun dan memberikan

penjelasan katanya bahawa dipastikan supaya kementerian yang berkenaan memberikan jawapan.

Saya harap kali ini apa yang saya jelaskan ini, itu sebab dua, tiga hari yang lepas saya bangun toleh ke belakang, saya tengok sama ada atau tidak kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mencatatkan perkara ini dan tidak semestinya, saya hormat pegawai kerajaan yang duduk depan dan belakang mencatat dan sebagainya tetapi lebih baik, lebih molek Tuan Yang di-Pertua, kalau di Dewan ini Menteri yang berkenaan hadir sama oleh sebab kita tahu sesuatu kementerian mempunyai Menteri, mempunyai Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, bermakna tiga orang yang bertanggungjawab dalam satu-satu kementerian. Takkan semuanya tidak senang, takkan semuanya *busy* belaka Tuan Yang di-Pertua. Seorang mesti ada *rotation*. Yang Berhormat datang ke Dewan ini mendengar hujah-hujah, pandangan yang konstruktif yang dikemukakan oleh Ahli Dewan untuk diambil kira dan diberi jawapan, diberi pandangan oleh kerana, kami adalah suara yang kami wakili ialah suara seluruh rakyat Malaysia tidak mengira di mana kami datang dan sebagainya.

Itu yang saya kuarir dalam ucapan ini saya tidak mahu melihat lagi bila jawapan diberikan katanya tidak perlu diberikan jawapan. Jadi seolah-olah saya berdiri dalam Dewan ini sama ada setengah jam atau satu jam, saya hanya membuang masa untuk melafazkan perkataan, dicatatkan dalam *Hansard*, saya tidak mendapat jawapan yang positif. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini harus ditukar, diperbetulkan oleh pihak kementerian itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu Sabah dan Sarawak *Labour Ordinance*, saya juga ingin untuk membangkitkan isu bersabit dengan tindakan-tindakan sesetengah majikan yang anti kepada kesatuan sekerja, yang anti kepada kepimpinan kesatuan sekerja. Saya telah membangkitkan isu yang kita panggil, yang kita namakan dalam bahasa Inggeris dengan izin, *Union Busting* iaitu berlaku beberapa buah syarikat seperti saya sebut MISC – Perkapalan. Kalangan eksekutif syarikat tersebut menubuhkan sebuah kesatuan. Dari penubuhan kesatuan Tuan Yang di-Pertua, dibenarkan dalam Artikel 10 Perlembagaan dalam negara kita juga membenarkan rakyat kita menubuhkan persatuan, kesatuan atas pilihan mereka sendiri.

Seksyen 9 Akta Perhubungan Perusahaan juga membenarkan pekerja tersebut menubuhkan kesatuan atas pilihan mereka sendiri. Bila eksekutif MISC ini

menubuhkan kesatuan, empat orang pemimpin, Presiden, 3 pegawai lain termasuk seorang Bendahari ditukarkan ke Melaka Alam untuk tempat Latihan Perkapalan Sea Farers. Setelah tiga hari dihantar surat bertukar ke sana, kemudian surat datang semula ditukarkan ke Kuala Terengganu pula.

Tuan Yang di-Pertua, *you can imagine hardship* yang ditekan kepada rakyat kita, pekerja yang hanya menjalankan tanggungjawab yang ada dalam undang-undang negara kita menubuhkan kesatuan yang halal, didaftarkan oleh Pendaftaran Kesatuan Sekerja, mereka ini ditekan, dianiaya oleh pihak pengurusan.

Begitu juga dengan sebuah syarikat di mana Pegawai Eksekutif Coca-Cola Sdn. Bhd., itu biasa kita dengar, memang nama Coca-Cola ini popular. Presidennya dibuang kerja kerana satu kesalahan yang kecil. Dalam proses undang-undang Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang pekerja – pemimpin kesatuan kalau dibuang kerja, kesnya masih belum *disposed off* dengan izin, belum selesai di Mahkamah Perusahaan dan sebagainya, maka dianya kekal sebagai Presiden tetapi beliau dinafikan hak oleh pihak syarikat untuk mewakili kesatuan dalam mana-mana perundingan. Ini menyalahi undang-undang. Dan segala-galanya Tuan Yang di-Pertua, kami telah buat laporan di bawah peruntukan Seksyen 8 Akta Perhubungan Perusahaan, membolehkan pihak kementerian mengadakan penyiasatan, tindakan dan sebagainya terhadap tindakan majikan yang melanggar hak kebebasan berserikat oleh pekerja.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini setahu saya, saya dah lama menjadi Presiden MTUC ini, saya dah lama berjuang untuk kesatuan, sejak dari peruntukan diperkenalkan tahun 1969, pindaan dibuat pada 1981, tidak ada seorang majikan telah dibawa ke tengah, diambil tindakan oleh pihak kementerian atau pelanggaran seksyen yang berkenaan.

Jadi ini menyebabkan kaum pekerja hilang kepercayaan, hilang keyakinan terhadap tindakan-tindakan yang harus dijalankan oleh kementerian bagi melindungi kaum pekerja, hak mereka Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap terdapat kelemahan-kelemahan yang wujud dalam kementerian ini sendiri. Ianya harus diperbetulkan, diperbaiki dan sebagainya.

Kemudian isu hari ini Tuan Yang di-Pertua, isu pekerja-pekerja asing. Saya melihat ini sebagai satu fenomena yang begitu serius. Ditafsirkan jumlah pekerja asing yang berada di dalam negara kita yang masuk secara halal 1.7 million dan tidak

termasuk mereka yang datang secara haram kerana mencari peluang pekerjaan, mencari rezeki di negara kita. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kerajaan, saya tidak tahu sama ada dari segi kedudukan politik dan sebagainya, menandatangani Perjanjian *Memorandum of Understanding* (MoU). Banyak negara seperti Pakistan, Sri Lanka, India, Bangladesh, Burma, Vietnam dan sebagainya dan bilamana kita bertanya, katanya ini hanya *Memorandum of Understanding*.

Kalau *Memorandum of Understanding* telah ditandatangani, jadi dengan lain perkataan, kita sudah buat komitmen untuk membenarkan pekerja di negara yang berkenaan masuk ke negara kita. Dalam masa yang sama kita mendengar suara majikan menyatakan bahawa mereka tidak dapat pekerja tempatan untuk bekerja dalam sektor negara ini.

Saya ingin mengambil satu perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam syarikat *Good Year*, setengah dari kita menggunakan tayar *Good Year*. *Good Year* di Shah Alam Tuan Yang di-Pertua, pekerja biasa – pekerja rakyat tempatan memohon kerja tidak diberikan peluang tetapi pekerja lain – pekerja asing masuk bekerja dalam sektor tersebut lebih kurang 60 orang. Permohonan pekerja tempatan seramai 56 orang telah ditolak oleh pihak syarikat katanya tidak ada kosong, sedangkan pekerja asing dibawa masuk bekerja dalam syarikat tersebut.

Ini berlaku di banyak syarikat Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di *Good Year*. Dalam masa yang sama bila kesatuan bertindak terhadap syarikat yang membawa pekerja asing masuk bekerja dalam syarikat tersebut, pemimpin kesatuan dibuang kerja, diambil tindakan disiplin. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, seramai 8 orang pekerja telah dibuang bekerja. Ianya akan berterusan *anti-union – Union Busting*, lima darinya pemimpin kesatuan, tiga ahli biasa, seorang pekerja ditahan kerja selama 6 bulan digantung tanpa tali Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi perkara ini.

Ada sesetengah syarikat Tuan Yang di-Pertua, *Electronic Company* pekerja wanita hendak memohon kerja, katanya peluang pekerjaan dibuka, bila pekerja wanita datang memohon kerja katanya, “Apa *qualification* kamu. Adakah kamu mempunyai *Degree*?” Kata pekerja wanita itu, “Saya datang minta kerja hendak menjadi Machine Operator. Kalau saya diperlukan Degree, lebih baik saya memohon jawatan yang lebih tinggi.” Ini yang berlaku. Helah ini dibuat semata-mata bagi meyakinkan kepada pihak

kerajaan bahawa rakyat negara kita ini tidak mahu bekerja, memilih kerja dan ingin mereka mendapatkan kelulusan supaya boleh membawa masuk pekerja asing bekerja dalam syarikat yang berkenaan. Tidakkah sesuatu tindakan pemantauan yang begitu ketat harus dilakukan, Tuan Yang di-Pertua?

Pekerja Malaysia bukan memilih kerja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin, laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zainal di atas laluan yang diberi. Saya kira perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat agak begitu serius kerana daripada maklumat yang kita terima memang sekitar anggaran 1.7 juta orang pekerja yang dianggap sah dan yang tidak sah hampir satu juta. Jadi bayangkan berkeliaran hampir dua juta orang lebih pekerja asing di negara kita.

Jadi taktik ini, strategi ini diambil kesempatan oleh pihak-pihak swasta sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan apakah kerajaan ataupun pihak kementerian bercadang supaya semua pihak syarikat swasta melaporkan keperluan tenaga-tenaga kerja mengikut kategori dan mungkin daripada maklumat yang diperolehi oleh kementerian, kita boleh menghebahkan kepada pekerja-pekerja tempatan kita agar di mana ada permintaan kepada syarikat-syarikat agar mereka boleh disalurkan kepada syarikat-syarikat swasta daripada pelbagai helah, taktik dipergunakan oleh syarikat swasta semata-mata untuk menidakkan, memberi peluang kepada anak-anak tempatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Baru-baru ini kita dengar kementerian mula untuk bertindak bagi memastikan syarikat tersebut memohon secara bersendirian, tidak melalui ejen pekerjaan mereka tetapi ini tidak dapat menentukan sama ada permintaan tersebut tulen ataupun benar kekurangan tenaga kerja. Kadangkala Yang Berhormat, masalahnya sindiket wujud di kalangan pengusaha-pengusaha syarikat. Kita boleh nyatakan *selling in human being* – penjualan tenaga manusia. Syarikat ini mempunyai *link*, dapat permohonan, dapat pekerja ini, dijual kepada syarikat yang lain. Ini yang kebanyakannya berlaku sekarang ini

Kita tahu keadaan ini dan kita telah melaporkan kepada kementerian supaya mengambil tindakan tetapi malangnya proses yang hendak dijalankan begitu *slow*.

Saya ingin tahu sama ada kementerian mempunyai kakitangan yang cukup. Jadi saya mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam jika sekiranya kakitangan tidak cukup dalam kementerian berkenaan, ianya hendaklah ditambah bagi membolehkan pemantauan, *enforcement* dapat dilakukan dengan serta-merta dan

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Mansor.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tadi mendengar di luar sekejap satu kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Zainal. Saya hendak bertanya, *Good Year* yang menolak permohonan pekerja 56 orang tadi dan mengambil pekerja asing, saya hendak tahu yang ditolak itu pastinya daripada bangsa Malaysia dan dari keturunan apa? Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, majoritinya Yang Berhormat dari kalangan bumiputera. Kami ada *list* nama-nama mereka dan kami telah kemukakan kepada kementerian permohonan-permohonan pekerja yang berkenaan seramai 56 orang. Siap, *complete* dengan nama, *detail* mereka dengan penuh. Bukti telah jelas tetapi Tuan Yang di-Pertua, kementerian masih berdiam diri. Jadi, saya telah digesa oleh rakan-rakan saya oleh sebab mereka tidak lagi mahu melihat keadaan yang tidak adil ini berlaku. Maka saya ingin menjelaskan bahawa kalau tidak keterlaluan, saya akan melancarkan satu tindakan yang begitu serius Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak melancarkan satu tindakan memboikot tayar *Good Year*.

Oleh sebab segala proses perundingan, segala proses tindakan tidak berjalan, tidak bergerak, *what choice* dengan izin, kepada kita semua hendak mempertahankan kepentingan kaum pekerja, jadi tidak ada jalan. Saya akan menggerakkan, melancarkan pada 6 Ogos depan ini atau bulan depan iaitu memboikot penggunaan tayar itu. Besar kemungkinan *very drastic* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita tidak ada *choice* yang lain.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, soal tuduhan majikan mengatakan pekerja Malaysia ini selalu sangat memilih. Tuan Yang di-Pertua, pekerja Malaysia bukan memilih kerja. Sudah banyak kali saya tegaskan mereka tidak memilih kerja. Mereka sanggup untuk bekerja di mana juga. Tapi masalahnya ialah soal gaji. Mereka memilih gaji. Pekerja asing yang masuk diberikan rumah, diberikan air percuma, api percuma dan sebagainya semua ada. Tetapi pekerja Malaysia dengan pendapatan yang begitu kecil menanggung keluarga mereka, menanggung kehidupan mereka,

anak mereka, kenderaan, makanan, persekolahan dan sebagainya. Cukupkah dengan pendapatan sedemikian? Sebab itulah mereka memilih untuk mendapatkan kerja yang boleh memberikan pendapatan yang lebih untuk menanggung keluarga mereka. Ini satu senario yang harus kita fikirkan bersama bagaimana cara kita hendak menolong anak watan, pekerja di negara ini. Jangan seolah-olah kita ini seperti kata pepatah Melayu “kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana saya hendak mencelah lagi. Apa pandangan Yang Berhormat, mungkin di pihak kesatuan mempunyai maklumat yang lengkap dari segi jumlah tenaga kerja di pihak swasta kerana saya sering kali agak tersinggung dan mungkin saya tetapi mewakili ramai masyarakat luar bandar dan dalam bandar yang tidak berpeluang bekerja di swasta.

Saya juga tersinggung apabila sering kali wujudnya ungkapan yang menganggapkan dipihak kerajaan ada diskriminasi. Jadi peluang untuk bekerja kepada golongan-golongan yang tidak mampu ataupun kerana warna kulit untuk menjuruskan mereka berkhidmat di pihak swasta sering kali didalangi berbagai-bagai strategi antara lain yang seperti mana yang dibangkitkan oleh Senator.

Jadi kalau boleh Yang Berhormat Senator agar perkara ini tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak kerana mempersoalkan jumlah perkhidmatan awam dimonopoli oleh golongan bumiputera. Kenapa tidak mempersoalkan dipihak swasta yang ribuan jawatan-jawatan penting tidak diberi peluang dengan strategi yang tidak etika, non *ethical* dari segi prinsip pengambilan tenaga kerja dengan syarat-syarat yang memang sebagaimana Yang Berhormat sebutkan sekarang ini kita *impulsekan* dengan kebolehan berapa bahasa yang boleh diucap.

Jadi secara *indirectly*, secara halus, secara fatal Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta pihak persatuan nyatakan sebenarnya jumlah pekerja-pekerja di pihak swasta mengikut kategori agar wujud kesangsian dipihak yang sentiasa mempertikaikan perkhidmatan awam dimonopoli oleh satu kalangan sahaja. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat Datuk Yaakob saya kira statistik yang telah kami kumpul belum begitu mencukupi dalam proses tindakan kami dan

cadangan Yang Berhormat memang satu cadangan yang baik. Saya ingin membuat cadangan sebelum Datuk Yaakob bangun.

Memang saya tahu bukan sahaja dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah bekerja dalam kilang-kilang. Seperti yang kita tahu kebanyakannya di kilang-kilang ini bumiputera yang bekerja. Wanita-wanita yang datang dari luar bandar bekerja. Dalam jawatan yang tinggi dalam syarikat swasta Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua kita lihat wujudnya perbezaan yang begitu ketara di antara yang bukan bumiputera dan bumiputera.

Kalau saya ingin jelaskan saya ingat barangkali kebanyakan mereka ini, saya bukan perkauman tapi *the fact*, saya hendak nyatakan, di kalangan syarikat swasta mereka kalangan bumiputera hanya berjawatan paling tinggi, saya menyatakan, Pengurus Besar Perjawatan dan *top decision makers* dengan izin Tuan Yang di-Pertua bukan bumiputera. Kadangkala kalau tidak keterlaluan Yang Berhormat Datuk Yaakob saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua, *sometime* orang bumiputera *they make them to be alive more less* dengan izin, saya ada *office boy, to shuttle* di antara syarikat dengan kerajaan, *it is not reflect at all*. Komposisi. pengiktirafan, *qualification* kepakaran bumiputera dalam bidang-bidang tertentu.

Jadi saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua atas isu yang sama. Oleh kerana kita dapat melihat kementerian tidak dapat menyelesaikan perkara ini, satu perkara yang begitu serius, yang besar dan telah berlarutan, kita tidak sanggup melihat satu hari kelak banyak rakyat negara asing akan berhijrah ke negara kita dengan cara halal dan haram, bila dia masuk sekali *never go out*.

Kadangkala kita dapati mereka ini serupa dengan rakyat Malaysia, sama ada daripada Bangladesh, India, Indonesia, Filipina ataupun Burma dan sebagainya. Kita *worry* dari segi keselamatan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya satu *commission* dilantik. Suruhanjaya dilantik mengkaji segala-gala proses ini. Dibentuk, dibuat kajian dan dikeluarkan sebagai satu dasar yang tepat, sempurna, konstruktif dan dijadikan sebagai satu *guideline* kepada Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Dalam Negeri terhadap kemasukan pekerja-pekerja asing.

Kita telah dapat melihat bagaimana keadaan berlaku di Jerman. Kita telah dapat melihat keadaan berlaku di France, Switzerland. Kita harus mempelajari dari

keadaan-keadaan yang sedemikian bagi membolehkan kita tidak terjebak seperti mana yang berlaku di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan sekalian, satu perkara lagi ialah soal dengan wujudnya globalisasi, satu fenomena baru telah menjadi isu yang begitu ketara kepada kita iaitu pengurangan tenaga kerja, iaitu dengan menggunakan kontrak sistem, *outsourcing*, konon-kononnya meninggikan produktiviti syarikat dan membolehkan syarikat beroperasi memberikan perkhidmatan penting.

Kita tahu memang betul syarikat ingin melihat keuntungan diperolehi mereka dalam perniagaan mereka. Kita tidak nafikan dan pekerja juga mempunyai sikap sedemikian ingin melihat syarikat supaya berkembang, mempunyai keuntungan dan akhirnya keuntungan yang di perolehi hendaklah juga diagih-agihkan kepada pekerja yang telah menyumbang kepada kemajuan syarikat itu sendiri.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dengan tindakan yang sekarang ini, *contracting*, *outsourcing* dan sebagainya ianya akan mengeruhkan keadaan, menafikan peluang pekerjaan di kalangan rakyat negara ini. Yang menjadi malang Tuan Yang di-Pertua pada pekerja-pekerja ini mereka diberhentikan waktu umur 45 tahun ke atas dan ia letakkan di bawah sistem VSS iaitu sistem persaraan baru *Voluntary Separation Scheme*.

Jadi kepada pekerja ini bila berhenti 45 tahun, jumlah pampasan yang dibayar berapa lama mereka hendak hidup Tuan Yang di-Pertua? Berapa lama boleh menanggung keluarga? Terpaksa mereka mencari pekerjaan. Kepada mereka ini kalau kita nyatakan terlalu tua untuk mencari pekerjaan dan terlalu awal untuk dibersarakan. *To old to look for a job to young to retire*.

Ini satu sistem yang tidak harus dilakukan. Kalau negara Amerika Syarikat boleh dibuat. Itu pun di Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua banyak *opposition* kalangan kesatuan sekerja berlaku kerana *outsourcing* sedemikian. Pada negara kita yang baru membangun kita belum sampai ke tahap negara maju. Kita masih lagi bersikap untuk menolong rakyat di kalangan orang miskin, kenapa sistem sedemikian dibenarkan wujud dalam negara kita. Dalam bank, syarikat perdagangan dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya fikirkan kerajaan harus memikirkan dengan serius dengan begitu *aggressively* bagi menjamin kepentingan kaum pekerja setiap rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah Kementerian Sumber Manusia. Saya ingin untuk menyentuh dua tiga kementerian dalam isu ini. Satu dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Semalam saya telah bercakap dengan panjang lebar topik yang sama tapi hari ini saya hendak mencadangkan selain daripada apa yang telah dilakukan kita berasa begitu bangga dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi menarik pelabur-pelabur asing melaburkan modal di negara kita.

Tetapi dalam masa yang sama saya ingin menyatakan kita melihat banyak industri-industri sekarang mula untuk berhijrah ke negara lain. Jadi saya ingin mencadangkan dalam Dewan ini supaya kementerian kalau belum bertindak dan memikirkan cadangan saya, itu satu. Apakah tindakan yang diambil oleh MITI untuk memberi khidmat nasihat kepada pengurusan syarikat MNC (*Multi-National Corporation*) yang sedang beroperasi di negara ini supaya menghormati undang-undang pekerjaan dari segi pembayaran berkanun kepada pekerja syarikatnya sekiranya berhasrat memindahkan operasi, *relocated* syarikat tersebut ke negara lain yang perlu memberhentikan pekerja mereka.

Hari ini mereka tidak berbuat demikian kebanyakannya. Tutup pintu, lari. *Fly over night*, lari meninggalkan satu kesan yang buruk kepada negara kita. Rakyat tertanya-tanya, kaum pekerja tertanya-tanya. Kedua, adakah kementerian di dalam misi-misi perdagangannya ke luar negara dan rasilahnya menekankan bahawa gaji bukanlah faktor penentu utama dalam perniagaan sesebuah syarikat tetapi kestabilan politik, produktiviti pekerja Malaysia mempunyai daya produktiviti yang tinggi setanding dengan Jepun, Korea serta keharmonian perhubungan persatuan yang wujud dalam negara kita.

Adakah kementerian berhasrat Tuan Yang di-Pertua, membuka lebih banyak kawasan perdagangan bebas (FTZ) seperti Sabah dan Sarawak dan sebagainya serta menawarkan insentif-insentif pelaburan lebih menarik bagi menggalakkan kemasukan lebih banyak syarikat MNC ke negara ini bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan bukan rakyat asing.

Adakah kementerian memantau perilaku dan amalan syarikat MNC ini bagi mengelakkan eksploitasi dan penindasan ke atas pekerja tempatan dari segi syarat-syarat pekerjaan memandangkan terdapat sesetengah MNC yang mengambil pekerja

asing dengan alasan untuk mengurangkan kos perbelanjaan tapi sebaliknya apa yang berlaku tidak seperti mana yang dinyatakan oleh pihak syarikat.

Adakah Kementerian mempunyai sebarang anjuran pelaburan FPDI ke negara ini dan misalnya untuk lima atau sepuluh tahun yang akan datang serta apakah langkah-langkah proaktif Kementerian bagi terus menggalakkan FPDI berasaskanimbangan antara jumlah import dan eksport ke negara-negara di mana kita menarik mereka melabur dalam negara kita.

Ini satu cadangan yang saya kira Kementerian harus memikirkannya dan dalam masa yang sama satu dasar sepadu harus dipertimbangkan di kalangan-kalangan negara-negara ASEAN khususnya. Tidak *pinching* dengan izin iaitu syarikat negara ASEAN yang lain pelabur asing negara kita melabur di negeri mereka masing-masing satu dasar sepadu harus diwujudkan.

Oleh kerana ASEAN merupakan satu rangkaian perkongsian perpaduan dari segi soal politik tapi lebih kepada ke arah kompromi atas ekonomi dan juga kesefahaman serantau dalam kestabilan keharmonian dan sebagainya. Jadi ini satu perkara yang saya fikir kerajaan dan Kementerian harus memikirkan perkara ini.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah soal Kementerian Kesihatan. Kita telah mendengar kenyataan telah dibuat penyakit HIV, Tibi dan sebagainya telah bertambah di negara kita dan ini saya kira datangnya daripada orang-orang luar, bukan rakyat negara kita sendiri. Balik semula kepada pekerja asing yang bekerja. Hari ini kita mendengar banyak restoran yang memohon supaya mereka dibenarkan membawa pekerja asing bekerja di dalam restoran-restoran. Kadangkala kita tengok, saya kadangkala masuk ke restoran itu, Yang Berhormat Datuk Yaakob, saya tidak sanggup makan, saya keluar daripada makan di situ kerana keadaan yang tidak begitu selesa dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan harus memantau perkara ini dengan serius iaitu mengadakan pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa di mana-mana premis-premis restoran yang menggaji pekerja-pekerja asing di dalam restoran-restoran mereka. Dalam masa yang sama, saya juga ingin berucap dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain rumah, semalam saya sudah bercerita, saya hendak satu lagi saya hendak wujudkan dalam kenyataan saya atas Kementerian yang berkenaan, iaitu soal Majlis Tempatan dan Dewan Bandaraya dan sebagainya yang membenarkan kelab-

kelab malam dibuka sampai tiga pagi, empat pagi, lima pagi, sampai sembilan pagi pun ada. Orang pergi kerja masih kelab malam lagi beroperasi di sesetengah tempat. Saya tidak tahu. Tetapi, negara lain seperti Jepun, Tuan Yang di-Pertua, kelab malam di sana sampai pukul 11.00. Kelab persendirian pun sampai pukul 11.00. 11.00 malam *close shop*, habis. Dengan ini, pekerja akan balik bekerja dengan keadaan begitu sihat dan tidak jadi pergaduhan.

Hari ini, selepas pukul satu, pukul tiga, pukul empat, pukul lima, ini melibatkan banyak perkara yang kurang sihat berlaku dalam negara. Kita sebenarnya jangan memikirkan dari segi soal perkembangan ekonomi dari segi untuk menarik pelancong-pelancong lain masuk. Kalau kita tengok yang ada dalam kelab malam bukan pelancong asing, bukan orang Arab. Orang Arab lebih-lebih dia pergi makan di restoran. Yang ada anak tempatan, berlaku pembunuhan, pergaduhan dan sebagainya.

Criminal cases ini berlaku. Begitu juga saya lihat kadangkala kedai-kedai premis jual makanan yang kita sekarang *very popular* dengan teh tarik. Kita lihat bila saya hendak *park* motokar pukul 7.00 malam, sudah tidak ada *park* lagi sudah. *Parking space* sudah diambil oleh tuan punya restoran yang meletakkan kerusi di sana sini, sudah penuh sampai tengah malam, berbaris-baris, tiga, empat, lima pagi dan sebagainya. Tidak ada kawalan. Seolah-olah tempat *car park* dia punya. Kadangkala kita hendak pergi klinik, tidak boleh *park*. Kalau orang sakit pun, terpaksa *park* jauh-jauh. Orang sakit berjalan hendak masuk klinik yang berkenaan oleh kerana tempat *car park* di mana-mana bersebelahan dengan premis restoran telah dipenuhi dengan kereta dan berlakulah keadaan yang tidak diinginkan dan tempat-tempat pergaduhan, perkelahian dan kita tahu besar kemungkinan ada perkara-perkara yang lain.

Adakah ini satu cara kita mendidik rakyat kita kalangan muda-mudi, yang banyak itu kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, budak-budak sekolah, yang masih belajar, peringkat tinggi dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya fikir kerajaan harus mengambil tindakan dengan serta-merta bagi memastikan kelab-kelab malam ini tutup pukul 11.00, pukul 2.00 walaupun restoran teh tarik Muthu ada masanya ditutup dengan serta-merta, tidak sampai kepada waktu pagi dan sebagainya. Ini harus dilakukan oleh kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Zainal bin Rampak: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin kita boleh wujud bukan kelab malam, kelab siang.

Tuan Zainal bin Rampak: Itu pun satu cadangan yang baik. Tetapi, kalau kita wujudkan kelab siang, orang tidak pergi kerja, Tuan Yang di-Pertua. Dia akan ambil *medical leave*, cuti sakit, *annual leave*, dia akan pergi kelab siang.

Timbalan Yang di-Pertua: Siang dalam erti kata bukan dalam masa bekerja.

Tuan Zainal bin Rampak: Okey. Boleh buat satu cadangan yang baik juga. Boleh kita wujudkan kalau kita fikirkan munasabah, kita boleh lakukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan iaitu Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan syarikat bas tadi, saya sudah bangun soalan tambahan bila Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat bertanya soal bas beroperasi dalam bandar raya, perkhidmatan awam dan sebagainya. Kita dapati perkhidmatan bas di dalam Bandaraya Kuala Lumpur khususnya, di mana juga tempat di Alor Setar, Dato' Haji Arzmi tidak ada sini, Tuan Wan Nordin tidak ada di sini. Yang saya tahu, dia pengusaha bas.

Keadaan suasana yang berlaku di dalam bas-bas yang berkenaan. Selain daripada kita memikirkan untuk mengadakan subsidi kepada pengusaha-pengusaha bas, saya terlihat di luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan syarikat-syarikat beroperasi dengan baik, mengadakan bas-bas yang bagus, *air condition*, tepat masanya, mengurangkan kesesakan lalu lintas, jalan raya, tidak seorang bawa motokar masing-masing. Adakan perkhidmatan yang baik, kerajaan harus mengadakan subsidi yang lebih bagus. Umpamanya JC bas dikecualikan daripada cukai.

Jadi, Kementerian Kewangan saya ingat boleh mengambil perhatian dan juga cukai-cukai yang lain. Dengan ini, syarikat bas boleh membeli bas yang baru, kita hadkan beberapa bas, tidak melebihi daripada 10 tahun atau kurang 10 tahun, mesti ganti bas yang baru dan bas boleh beroperasi dengan baik dan rakyat boleh selesa dengan pembayaran tambang yang murah ke sana ke sini tadi.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Usahawan dan Koperasi juga harus menimbangkan janganlah bagi banyak permit lagi. Hari ini, saya tengok masing-masing bagi permit terlalu banyak. Tumbuhnya seperti cendawan. Kalau bas ekspres daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke Kota

Bharu, kalau dahulu satu, tambah dua, tambah tiga, sekarang saya ingat 10 bas, sedangkan penumpangnya begitu juga, tidak bertambah.

Mereka sering berkongsi. Akhirnya, sesetengah syarikat terpaksa, Yang Berhormat Datuk Yaakob, gulung tikar dan kebanyakannya bumiputera. Konon kita hendak menolong bumiputera. Tetapi, kita bukan menolong bumiputera, kita matikan bumiputera. *We don't help them*. Adakan konsesi, adakan konsortium, satukan mereka. Minat untuk menubuhkan sebuah syarikat, tubuhkan, satukan mereka, *pull all the sources* dengan kewangan dia, adakan bas yang canggih, yang baik dan sebagainya. Ini akan dapat menolong mereka dalam usaha mereka untuk mewujudkan perniagaan.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, soal *haulage industry*, saya bercakap ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana saya ini hendak cakap sebagai majikan tetapi oleh kerana saya ini pemimpin. Kadangkala bila bas ini lingkup, tutup, gulung tikar bantal, pekerja hilang pekerja, yang menjadi masalah kepada saya. Orang akan berjumpa dengan saya. Mereka kena buang kerja. Isu yang akan cuba diperbahaskan semula, terpaksa saya perjuangkan.

Jadi, dalam masa yang sama sambil saya memikirkan isu-isu kaum majikan dan sebagainya, isu kaum pekerja juga menjadi tanggungjawab kepada saya. Seperti di *port*, Tuan Yang di-Pertua, *haulage*. Dahulu kita tahu *haulage*, Kontena Nasional, MISC, syarikat perkapalan Multimodal, The Perdana beroperasi, *the big one*, lima syarikat berjalan dengan baik. Pendapatannya bagus. Pekerja yang menjadi ahli kesatuan saya dapat bonus yang tinggi, dua bulan, tiga bulan, mereka suka hati dengan pendapatan itu. Hari ini, mereka terpaksa bersaing dengan penubuhan kalau saya tidak silap barangkali 56 ataupun 86 permit telah dikeluarkan. Bila mana mereka beroperasi, tidak sampai tiga bulan, lingkup, tutup habis. Kita tidak menolong mereka. Yang lama pun akan tutup.

Jadi, bagaimana keadaan ini akan berlaku? Kenapa tidak diawasi, dikaji, difikirkan dengan baik sejauh mana kita menolong ahli perniagaan, kita menolong pekerja dan kita menolong negara dari segi pendapatan ekonomi negara kita. Kenapa tidak ini difikirkan dengan mendalam? Kita tidak harus memikirkan dari soal isu politik, hendak jadi popular dan sebagainya. Kita bagi permit dan saya ingat barangkali ini sudah jauh tinggal ke belakang, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang kita hadapi, persaingan negara kita dengan negara maju, sejauh mana kemajuan harus diperolehi,

sejauh mana kita dapat menolong rakyat kita, tidak kira sama ada dia datang dari majikan ataupun pekerja dan rakyat biasa. Ini yang harus kita fikirkan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan kawan-kawan sekalian, pandangan yang saya kemukakan ini adalah pandangan ikhlas, konstruktif dan saya berharaplah kepada pihak kementerian supaya dapat memikirkan perkara ini.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu rakan saya di sebelah saya Yang Berhormat Puan Jaya Partiban selalu bertanya dengan saya soal isu bersabit dengan peruntukan Ahli-ahli Dewan Negara. Banyak kali kita cakap. Kita cuma diberikan RM100,000 untuk tiga tahun, sedangkan tanggungjawab kita begitu besar.

Kita mewakili rakyat dari Perlis ke Johor Bahru, dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Pada saya, orang di Sarawak pun datang minta bantuan kepada saya. Minta beli buku *library* dan sebagainya. Boleh minta saya belikan satu komputer, masjid dan sebagainya. RM100,000 untuk tiga tahun seorang Ahli Dewan Negara, mana cukup, Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*] Wujud perbezaan begitu besar di antara kita. Dewan Rakyat RM500,000, kita dapat RM100,000 untuk tiga tahun, kadangkala kita hendak bahagi-bahagi sana sikit, sana sikit - tugas kita. Pembahagian ini bukan untuk peribadi, untuk kepentingan kita tetapi semata-mata kita hendak menaikkan imej kerajaan itu sendiri. Kalau kita bagi kepada seorang, kepada surau, kepada masjid, kepada rumah anak yatim piatu, bukan atas nama kita tetapi atas nama kerajaan, atas nama negara. Kenapa tidak difikirkan? Kenapa kita ini Timbalan Yang di-Pertua *Upper House*, Dewan tertinggi. Dewan Rakyat *Lower House*, dari segi protokol *why?* Kenapa *Lower House*, bawah kita dapat lebih, *Upper House* dapat kurang? Kita tidak dapat terima ini sebagai satu pindaan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Zainal bin Rampak. Barangkali ini kali yang kedua atau kali yang ketiga saya bangkitkan. Adakah Tuan Zainal tahu bahawa beberapa Ahli Dewan Negara ini, *Upper House* ini tidak dapat satu sen daripada yang RM100,000 itu, satu sen pun tidak dapat. Kami juga didatangi oleh orang-orang seperti yang disebutkan oleh Tuan Zainal. Orang Sabah datang, orang Sarawak datang, orang Thailand pun datang ke rumah kita. Jadi, bagaimana agaknya pendapat Tuan Zainal kalau sudah Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan yang tertinggi sekali dalam Malaysia ini sudah dilakukan diskriminasi yang sedemikian rupa? Jadi bagaimana pandangan Tuan Zainallah sebagai pejuang, majikankah, pekerjakah,

kalau ini masih berlaku juga dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen tadi? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Senator Tuan Zainal menjawab, saya hendak tambah sedikit sahaja, mungkin memberi ilham kepada Yang Berhormat iaitu dari segi peruntukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi. Saya memanglah bersimpati dengan rakan-rakan kita dalam Dewan Negara dan termasuk juga di Dewan Rakyat. Saya ingin menjadikan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri sebagai seorang wakil yang memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, kerana pandangan, komen sentiasa menunjukkan sifat-sifat konstruktif, membina kepada kerajaan. Tetapi, saya cukup sokong cadangan Yang Berhormat untuk kita beri peruntukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, dengan syarat masuklah Barisan Nasional. *[Tepuk]*
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, "orang berbudi, kita berbahasa". Sebagai seorang bapa, kalau ada anaknya sentiasa memberi masalah kepada bapa, tikam bapa dari belakang, memfitnah bapa, apakah anak itu akan kita memberi layanan yang serupa dengan anak-anak yang lebih berbudi bahasa? Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Kalau boleh saya minta laluanlah kerana saya.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Mansor.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak menjawab ataupun mengulas lebih lanjut, saya ingin memberi pandangan saya sedikit untuk pertimbangan Yang Berhormat Tuan Zainal dan Dewan. Perkara ini banyak kali dibangkitkan. Barangkali tidak perlulah saya rasa kita menyatakan kerana perkara ini untuk makluman Yang Berhormat semua, di dalam perhatian Kelab Senator yang mana kita akan bawa sendiri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa tidak perlulah kita panjangkan perkara ini di dalam Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa sudah cukup. Yang Berhormat, boleh sambung pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak sila sambung ucapan.

2.32 ptg

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berhenti rehat Tuan Yang di-Pertua, saya telah diujahkan dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri dan soalan tersebut telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob, saya kira tidak perlu saya jawab dan penjelasan pula telah diberi oleh Datuk Mansor. Kalau bertanya *personally* sebagai pemimpin persatuan, saya memperjuangkan semua hak tidak kira siapa tetapi malangnya Ahli Dewan Negara ini tidak ada kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mendengar Yang Berhormat bersungut tadi terhadap kehadiran Yang Berhormat Menteri, ini pun Yang Berhormat Menteri sudah datang.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, terima kasih saya ingat barangkali ini kali pertama saya berjumpa dengan Tan Sri Nor setelah beliau dilantik memandangkan pada bulan lepas seketikanya saya tidak ada, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana hadir bersama-sama kita pada petang ini. Khususnya saya banyak membincangkan isu bersabit dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu bersabit dengan perlantikan Ahli Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua di mana ini ada dua bahagian, satu yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong, satu lagi dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Kebiasaannya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, kita dilantik dua penggal, penggal pertama dan penggal kedua kita merasai selama enam tahun. Apabila enam tahun, besar kemungkinan waktu habis enam tahun, macam saya inilah. Saya sudah hampir enam tahun, yang duduk di sini bercakap *on the way exist out* daripada Dewan Negara tetapi Yang Berhormat ada lagi. Kemudian bila mana kita bersara kita akan dapat *full pension*. Tetapi bila yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri, itu terpulang

kepada budi bicara khususnya menteri besar buat *recommendation*, sama ada dipilih atau tidak dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berasa bangga kerana kali ini kita dapat melihat banyak kalangan pemimpin-pemimpin wanita, di kalangan UMNO, MCA, MIC telah duduk dalam Dewan ini dan saya yakin jumlahnya bukan 30% tetapi besar kemungkinan akan menjangkau lebih 60%. Kebanyakan mereka ini telah pun berkhidmat kepada masyarakat, kepada parti dan juga kepada pihak-pihak tertentu begitu lama sebelum mereka ini dipilih ataupun dilantik menjadi Ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan Undangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ini bukan sahaja bercakap sebagai seorang pemimpin kesatuan kerja, tetapi saya memperjuangkan nasib kaum pekerja tetapi kadang-kala juga saya ingin melihat rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini juga diberikan satu tempat yang terbaik waktu mereka bersara. Kenapa tidak Yang Berhormat kerajaan memikir supaya jangka seseorang Ahli Yang Berhormat itu diselaraskan, tidak ada yang dilantik oleh Duli Yang Maha Yang Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan rekomendasi daripada Perdana Menteri, enam tahun, tiga dan campur lagi tiga enam, Dewan Undangan sekiranya tiga tahun. Jadi wujudnya pilih kasih di antara kalangan ahli dewan itu sendiri. Bukan itu sahaja Yang Berhormat, pada mereka yang dipilih kalau dia nasib tidak baik, saya tidak tahulah, kalau baik dengan menteri besar akan dapat enam tahun. Kalau tidak baik dengan menteri besar, dapat tiga tahun, kalau dapat tiga tahun Tuan Yang di-Pertua bermakna pencen dia hanya lebih kurang orang gaji PPRTIah, RM700 sebulan sedangkan cost of living yang meningkat dari masa ke semasa.

Mereka ini bukan habis sahaja di Dewan ini dan dengan pengalaman yang mereka ada setelah habis berkhidmat kelak, mereka akan balik ke tempat asal dan meneruskan perkhidmatan mereka untuk parti dan juga kepentingan negara dan rakyat dalam negara kita. Mengapa wujudnya perbezaan sedemikian rupa dan mengapa tidak kalau diselaraskan dengan Dewan Rakyat, jadikan *straight forward* terus-menerus lima tahun bagi membolehkan dapat *full pension* dan bila mana bersara dapat pencen yang penuh dan menggunakan ini untuk berkhidmat terus kepada rakyat dan juga masyarakat umumnya.

Jadi saya mencadangkan oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan ini dan beliau juga ahli senator dan sama juga dengan kita tetapi saya dengan beliau

besar kemungkinannya beliau akan dilantik semula untuk penggal akan datang. Saya minta supaya kerajaan menimbangkan perkara ini. Saya tidak tahu sama ada rakan-rakan saya bersetuju ataupun tidak cadangan yang saya kemukakan ini dan ini untuk kepentingan Yang Berhormat sekalian dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Perlembagaan Negara juga memperuntukkan ruang untuk Ahli-ahli Dewan Negara dipilih secara langsung dan juga memperuntukkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara dipilih bagi tiap-taip negeri, tiap-tiap negeri dibolehkan memilih tiga orang. Inilah peruntukkan-peruntukkan dalam perlembagaan yang belum dikuatkuasakan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah penjelasannya saya haraplah mereka yang dipilih melalui Kerajaan Negeri dan khususnya cadangan Dewan Undangan Negeri oleh rekomendasi daripada menteri besar supaya diselaraskan supaya tidak ada wujudnya diskriminasi di kalangan Ahli Yang Berhormat. Kita di sini yang hanya berkhidmat untuk tiga tahun sahaja dan kita tidak menikmati pencen yang sewajarnya yang harus dinikmati oleh mereka dan saya berharap kerajaan negeri akan mengambil perhatian dan boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin sebelum ada di antara kalangan kita ini yang akan tamat tempoh perkhidmatan mereka dipilih sebagai ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hendak saya sambung sedikit lagi atas ucapan saya sejak pagi tadi iaitu saya hendak kembali semula isu bersabit dengan Kementerian Pengangkutan, apa yang hendak saya jelaskan ialah soal keadaan suasana di pelabuhan barat ataupun dikenali sebagai West Port di Port Klang. Di mana kemalangan sering berlaku, pekerja banyak ditimpa kemalangan, ciri-ciri keselamatan tidak diambil kira oleh pihak yang berkuasa dan ini menyebabkan kematian, isteri kehilangan suami, anak kehilangan bapa, kehilangan mata pencarian mereka kerana kemalangan-kemalangan yang berlaku di West Port yang telah saya nyatakan.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, isu bersabit dengan keadaan kaki tangan di *West Port* daripada peringkat yang atas sehinggalah ke bawah. Komposisi kaum di negara kita tidak begitu mencerminkan keadaan komposisi kaum, itu kedudukan kaki tangan di *West Port*, tidak mencerminkan kedudukan kaum dalam negara kita. Saya melihat

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Zainal Rampak di atas laluan yang diberi. Berkaitan dengan pelabuhan *West Port* ini saya juga Tuan Yang di-Pertua mendengar beberapa aduan dan sebagai mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Zainal tadi dan boleh sedikit diberi penjelasan yang lebih lanjut dari segi kriteria pemilihan dan pengambilan tenaga kerja daripada peringkat pengurusan sehingga peringkat bawahan kerana ini adalah salah satu daripada institusi yang sentiasa ingin mendapat kepastian, apakah ianya selaras dengan dasar kerajaan mengimbangi dari segi pengambilan tenaga kerja? Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat kerana menyuarakan pandangan yang sedemikian, suara yang sama yang saya fikirkan dalam hati saya. Saya tidak tahu bagaimana kriteria ini digunakan dalam perlantikan. Saya memandang ianya kalau dibiarkan begitu sahaja keadaan tidak mencerminkan komposisi kaum dalam negara kita. Tidak sepertimana apa yang berlaku di *Norths Port*, di *Norths Port* keadaan begitu bagus dari segi kedudukan pegawai-pegawai yang mengendalikan *Norths Port* dan juga dari peringkat yang atas dan ke bawah tetapi tidak di *West Port*. Saya telah diberitahu:

- i) satu golongan kaum melebihi daripada kaum yang lain.
- ii) sekarang ini syarikat mula masukkan pekerja-pekerja asing khususnya pekerja kontrak dari India.

Ini kompelin datang dari pekerja itu sendiri yang datang berjumpa dengan saya dan saya Tuan Yang di-Pertua tidak bercakap atas dasar perkauman oleh kerana negara ini berbilang kaum, kalau hendak pun kita banyak juga orang pekerja-pekerja dan rakyat Malaysia berketurunan India yang boleh bekerja di sana, kenapa kita mengambil pekerja kontrak asing bekerja di *West Port*? Jadi ini satu perkara yang harus difikirkan oleh kerajaan bagi membetulkan keadaan ini, jika sekiranya dibiarkan berterusan saya yakin perkara ini akan lebih jauh dan kita tidak akan dapat mengatasinya.

Keadaan tidak keseimbangan dan tidak keprihatinan, pihak pengurusan *West Port* dan juga isu-isu *national*, isu-isu negara, isu-isu kepentingan rakyat dalam negara kita. Kita tahu *West Port* dan *Norths Port* merupakan dua *port* yang paling penting dalam negara kita mengendalikan kargo, kapal dan sebagainya dan juga datang kapal-kapal yang membawa barang, memunggah *loading goods* di kedua-dua *port* ini datang

dari luar. Apa kata bangsa orang lain yang mengendalikan dan keadaan situasi yang wujud di port yang berkenaan?

Jadi, saya mengambil kesempatan inilah Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ini di peringkat yang akhir dalam Dewan ini. Saya ingin untuk bercakap secara jujur dan ikhlas dan saya tidak mahu dimengertikan bahawa saya bercakap atas perkara sensitif, *it is not sensitive*. Dalam Dewan ini kita harus tulus ikhlas, terang dan jelas dan kita mempunyai fikiran yang terbuka, mencadangkan kepada kerajaan demi untuk kepentingan kerajaan dan negara kita sebagai rakyat berbilang bangsa dalam negara kita. Jadi, dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 yang dibentangkan dengan pandangan-pandangan yang telah saya jelaskan tadi.

Saya berharap pihak kementerian mengambil kira. Saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Nor Mohamed yang hadir bersama pada hari ini, kerana kita selalu bercakap Menteri tidak hadir. Beliau datang pada petang ini bersama-sama kita, satu tepukan harus kita berikan kepada beliau. [*Tepuk*] Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob Mohammad.

2.47 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang diberi kepada saya untuk membahaskan akta ini yang boleh dinamakan sebagai Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Sinniah Raju bersedia untuk bercakap selepas ini sebab Yang Berhormat berdiri. Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku juga Menteri Kewangan Satu dan tidak lupa kepada Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop yang juga Menteri Kewangan Dua. Sebenarnya kami di Dewan Negara ini amat merindui kehadiran Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu kagum dan syabas di atas pucuk kepimpinan yang mengendalikan Kementerian Kewangan, walaupun negara luar masih berhadapan dengan kekecohan ekonomi masing-masing, namun di dalam suku tahun pertama tahun ini, jika dibandingkan dengan suku tahun 2003 telah pun menunjukkan

pertambahan KDNK yang begitu positif dan mempertahankan indeks inflasi dengan 1%.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna yang hadir pada hari ini ialah salah seorang daripada pengurus utama ekonomi negara kitalah, *one of the country's principle economic managers*.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Memang latar belakang Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop tidak asing lagi di kalangan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan ketika beliau menerajui beberapa institusi ataupun jabatan, kementerian di Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menyentuh beberapa maksud bekalan iaitu daripada 21 hanya 7 sahaja dan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk membahaskan. Tetapi di sini secara umumnya saya ingin memberi pandangan iaitu berkaitan dengan sistem maklumat di seluruh agensi kerajaan, mungkin termasuk di dalam Maksud B... di dalam akta ini, iaitu berkaitan dengan sistem maklumat, sistem penyelidikan yang mana pada pandangan saya masih lagi terdapat beberapa kelemahan dari segi sistem maklumat.

Mengikut *John Naisbitt*, iaitu penulis Amerika yang menulis buku *Megatrends*, ini 15 tahun yang lalu telah pun membangkitkan isu bahawa masyarakat ataupun kerajaan ataupun kementerian yang mempunyai informasi yang lengkap akan menguasai sesuatu institusi baik kerajaan, baik syarikat. Lantaran itu dari segi kerajaan, saya meminta pihak kementerian boleh memberi keutamaan baik di dalam belanjawan, pewujudan jawatan khususnya membentuk unit ataupun bahagian penyelidikan, kerana inilah yang akan menentukan perancangan. Kalau maklumat tidak lengkap, maklumat tidak tepat menyebabkan perancangan yang dibuat sering kali terlari daripada sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tujuh maksud yang saya sebutkan tadi, saya akan baca satu persatu iaitu B.3 – Jabatan Audit, B.5 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.7 – Jabatan Perdana Menteri, B.8 – Jabatan Pengangkutan Awam, B.10 – Jabatan Peguam Negara, B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan B.38 – Kementerian Pengangkutan. Namun begitu, saya akan sentuh Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu iaitu B.7. Dari segi dasar saya ingin melahirkan sedikit pandangan untuk diambil perhatian agar soal dasar ini adalah merupakan tonggak bagi seluruh kementerian iaitu sebagaimana di dalam ucapan Ke bawah Duli Tuanku baru-

baru ini berkaitan dengan soal perpaduan, soal keharmonian kaum dan soal keselamatan negara, kerana ini adalah inti pati yang hendak dihalatujukan oleh kerajaan untuk masyarakat kita baik untuk dalaman ataupun di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, soal pokok iaitu soal ketatanegaraan dan soal kesetiaan kepada kerajaan dan negara. Saya ingin menyentuh di sini, Jabatan Perdana Menteri yang membuat dasar, kalau dilihat kepada dasar kerajaan untuk mengambil tenaga dalam pasukan polis, saya agak tertanya-tanya kenapakah pasukan polis ini kalau hendak dimonopoli, bukan. Tetapi seolah-olah telah dikehendaki mewakili hanya golongan bumiputera. Hampir 95% pasukan anggota polis hari ini yang hampir 90,000 itu terdiri daripada orang-orang Melayu. Manakala kalau ikut komposisi kaumnya, daripada 25 juta rakyat Malaysia, apakah salahnya kalau daripada 90,000 anggota polis itu, sekurang-kurangnya 50,000 orang Melayu, 30,000 masyarakat Cina, 20,000 masyarakat India dan lain-lain. Jadi, tanggungjawab untuk mempertahankan negara bukanlah hanya diberi kepada orang-orang Melayu.

Jadi, satu dasar harus difikirkan supaya wujud satu keadilan, kerana baik pasukan polis, pasukan tentera begitu juga. Seperti masalah ketatanegaraan, masalah kesetiaan kepada negara, di sinilah gambaran yang akan kita dapat lihat apakah masyarakat yang kita ada hari ini mempunyai spirit ataupun semangat kesetiaan kepada negara. Jangan memikirkan soal kewangan, soal pendapatan tetapi harus juga difikirkan soal ketahanan negara.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Jam sekejap Tuan Yang di-Pertua. Okey teruskan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob tentang isu di mana banyak daripada kaum bukan Melayu yang tidak mahu menjadi anggota beruniform dalam negara kita sama ada polis ataupun tentera. Tetapi soal yang saya hendak tanya ini oleh kerana Datuk Yaakob kata tidak nampak keadilan di situ. Keadilan dari segi siapa yang sebenarnya. Soalan saya, apakah keadilan dari segi pengambilannya atau keadilan di mana individu tertentu, kaum-kaum yang ada dalam negara kita yang tidak mengambil berat tentang perjuangan untuk mempertahankan negara ini di mana kedua-dua anggota beruniform ini sama ada tentera ataupun polis yang benar-benar bertanggungjawab untuk mempertahankan negara, sebab ayat yang digunakan tadi

tidak nampak keadilan itulah yang menyebabkan saya mempersoalkan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut tertarik dengan ucapan Ahli Yang Berhormat. Keadaan begitu di mana yang bukan Melayu tidak mewakili atau menganggotai pasukan-pasukan beruniform ini, adakah mereka tidak berminat ataupun peluang untuk kenaikan pangkat atau jawatan adalah kurang di pasukan-pasukan tersebut. Saya minta pendapat Ahli Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin saya boleh menjawab kedua-duanya sekali Tuan Yang di-Pertua. Soal pengambilan yang telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi, sebenarnya bukan soal keadilan dari segi pengambilan. Pengambilan lebih adil telah pun diberi, peluang lebih telah pun diberi, kempen secara besar-besaran telah pun diberi agar mereka tampil ke hadapan untuk melibatkan diri dalam perkhidmatan beruniform. Jadi, soal ketidakadilan dari segi pengambilan tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi soal kesedaran sebagai seorang warganegara yang taat setia kepada negara harus tampil tidak memerlukan dan saya akan campurkan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Saravanan tadi iaitu sepatutnya begitu juga anggota yang saya sebutkan tadi hampir 88,000 anggota polis, 120,000 anggota tentera, mereka masuk bukan memikirkan soal kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau dilihat daripada iklan yang keluar, baik pasukan Polis mahupun tentera, jumlah permohonan itulah yang menunjukkan sama ada wujudnya semangat untuk membantu dari kesetiaan kepada negara ataupun tidak. Soal kenaikan pangkat ini bukanlah sepatutnya dijadikan ukuran. Kalau kita jadikan keutamaan iaitu kesetiaan kepada negara sebagai *priority* utama dan saya lihat Tuan Yang di-Pertua, malang sekali kepada anggota-anggota pasukan polis dan tentera kerana mereka ini nyawanya kadang-kadang bernilai 25 sen (harga sebiji peluru) dan mereka juga kadang-kadang berhadapan dengan berbagai-bagai masalah dan saya lihat dan inilah saya minta dan saya sarankan Profesor Dato' Dr. Chin Fook Weng tolonglah cari jalan bagaimana supaya pasukan Polis, pasukan tentera diminati ataupun dipohon ataupun melibatkan ramai komposisi kaum lain juga untuk mempertahankan negara, baik dari segi keselamatan kerana apa yang kita lihat di negara kita keamanan memanglah di antara yang terbaik di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah jenayah walaupun kita tengok hari-hari liputan media cetak ataupun media elektronik seolah-olah memang terlalu banyak berlakunya jenayah. Tetapi secara terperinci mengikut peratusan, jenayah yang berlaku di negara kita adalah di antara yang terendah Tuan Yang di-Pertua dan tadi saya juga terbaca negara jiran kita dari kes jenayah rogol meningkat begitu tinggi daripada 17% kepada 70% padahal penduduknya hanya empat juta dan terkenal sebagai sebuah negara yang begitu membangun iaitu negara Singapura tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar rintihan Yang Berhormat tetapi saya sedang tunggu apakah pada pandangan Yang Berhormat sebab-sebab keadaan demikian kerana saya teringat kalau Yang Berhormat izinkan saya gunakan bahasa Inggeris "*to choose a career is to say what one expects from life*" bagaimanakah permasalahan tersebut dilihat dalam konteks ungkapan tersebut?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya tidak menafikan akan kebenaran *statement* yang dibawa oleh Tuan Yang di-Pertua. Namun begitu sebagai lumrah, sebagai manusia biasa selalunya keutamaan dari segi pendapatan kewangan itu yang diberikan keutamaan. Sebab itulah saya cuba menyarankan kepada pihak yang menggubal dasar yang menggubal dasar di Jabatan Perdana Menteri memikirkan cara bagaimana supaya wujud satu kesedaran agar di bahagian hadapan pasukan beruniform ini agar tidak mereka sentiasa berhadapan dengan untuk mendapatkan kewangan, berhadapan dengan risiko jika dibandingkan dengan masyarakat kota atau masyarakat perniagaan yang sentiasa dapat menikmati keamanan semasa membuat perniagaan atau semasa kita tidur nyenyak, malahan pihak yang mempertahankan soal keamanan seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi adalah soal pihak-pihak yang beruniform inilah yang sentiasa

Tuan Zainal bin Rampak: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti saya nyatakan, sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Seperti saya nyatakan, untuk memudahkan saya ternampak atau sesiapa saja yang sedang berucap nampak, tolong sambil bangun nyatakan ungkapan "Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan." Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi kami semua panduan-panduan yang patut kita lakukan, tatatertib dan sebagainya. Saya

ingat barangkali selama lima tahun lebih saya di dalam Dewan ini, kali pertama saya dengar Tuan Yang di-Pertua banyak kali mengambil bahagian dan memberi *guidance* juga pandangan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita semua memperjuangkan untuk meningkatkan mutu. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Yaakob, saya *last part* dengan izin pandangan Yang Berhormat Dato', saya selalu bertanya kepada bangsa-bangsa lain selain daripada orang Melayu, kenapa mereka tidak mahu mengikuti ataupun menceburkan diri dalam lapangan polis dan sebagainya, terutama sekali mereka yang mempunyai pangkat yang rendah iaitu prebet yang kita panggil. Kata mereka terutama sekali gaji terlalu sangat rendah memandangkan keluarganya.

Kalau mereka hanya menjadi penjaja, mereka boleh mendapat lebih 3 atau 4 atau 5 kali ganda daripada gaji yang dia terima. Ini menyebabkan mereka tidak begitu berminat untuk berkhidmat sebagai anggota polis dan sebagainya jika dibandingkan dengan negara jiran kita seperti di Thailand ataupun di Singapura, keadaannya berlainan. Mengapa mereka sanggup. Kenapa di sini mereka tidak sanggup?

Saya ingat barangkali kita perlu membuat kajian yang secara mendalam dan lebih terperinci jika sekiranya perlu diubah tangga gaji bagi membawa insentif kepada mereka untuk berkhidmat kepada negara bukan sahaja Yang Berhormat memberikan perkhidmatan untuk negara tetapi juga perkhidmatan kepada perut kita juga penting dan juga anak-anak kita. Terima kasih, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila jawab.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan supaya Yang Berhormat Datuk Yaakob dapat menjawab sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak minta kebenaran saya pun?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan saya kata, supaya memudahkan Yang Berhormat Datuk Yaakob menjawab sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar tadi keadaan kempen sudah dilakukan, pujukan, rayuan bermacam-macam cara untuk membawa. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk sekiranya kalau sudah segala

usaha itu tidak berjaya, tidak dapat *respond* maka selain daripada PLKN yang kita ada pada hari ini, kita balik kepada khidmat negara yang memestikan mereka ini berkhidmat selama tiga tahun dalam pasukan polis atau pasukan tentera kerana pada pandangan saya kalau kita tidak mendekati atau menghampiri pasukan itu, kita tidak jatuh cinta kepadanya.

Mungkin selepas tiga tahun mereka berada secara paksaan atas mengikut undang-undang, keinginan atau kesukaan itu mungkin jadi untuk mereka berkhidmat dalam pasukan. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab dengan lebih telus sebab Dewan ini tidak dilambung oleh ombak perhitungan politik.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas semangat yang diberikan kepada saya, insya-Allah saya akan cuba kerana ianya lahir daripada hati kecil saya dan lahir daripada rungutan-rungutan walaupun berhadapan dengan masalah oleh pihak beruniform.

Saya ingin berkongsi dengan pandangan Yang Berhormat Senator tadi dan juga Yang Berhormat Datuk Mansor berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya daripada awal tadi menonjolkan istilah kesetiaan kepada negara dan soal ketatanegaraan dan kalau persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor tadi ialah soal pendapatan ataupun dengan daya usaha telah pun dibuat kempen dan termasuk juga bahagian MCA, politik juga membantu kempen untuk menarik mereka berkhidmat dalam pasukan beruniform khususnya Polis.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, kalau dilihat mereka yang berpasukan uniform juga sememangnya ingin berniaga seperti yang lain-lain yang mana sebagai jalan pilihan keutamaan tetapi sebagai orang Melayu cintakan negara, mereka masih memberi keutamaan untuk berkhidmat dengan pasukan beruniform. Lantaran itu, kalau dilihat, kalau hendak persoalkan soal gaji bukanlah itu menjadi perkara pokok.

Saya dilahirkan dengan masyarakat kampung Tuan Yang di-Pertua. Rata-rata dari dahulu sejak sejarah dahulu tertubuhnya Rejimen Melayu ataupun di dalam berhadapan dengan zaman darurat, semasa Perang Jepun walaupun saya belum lahir lagi tetapi sejarah telah membuktikan keluarga-keluarga masyarakat luar bandarlah yang bertungkus-lumus komitmen mereka semata-mata untuk mempertahankan

negara yang tercinta. Mungkin *statemant* itu merangkumi kepada persoalan-persoalan dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya topik ini begitu menarik minat rakan-rakan yang lain saya pun tidak mengerti, mungkin ada hikmat atau perkara yang pokok yang hendak dibangkitkan. Sebab kadang-kadang soal diskriminasi sering kali begitu mudah dilontarkan seolah-olah wujud ketidakadilan dalam negara kita tetapi saya bangkitkan soal kecil ini sahaja kenapa Pasukan Polis hampir 90 ribu itu hanya dua peratus bukan terdiri daripada orang bukan bumiputera, jadi janganlah air yang tenang itu dikocakkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi kalau hendak dibangkitkan, kadang-kadang orang Melayu ini banyak bersabar. Tuan Yang di-Pertua saya lahirkan ini bukan untuk diri saya Tuan Yang di-Pertua ialah perasaan yang tercengkam, tercengkam di hati sanubari mereka yang menanggung walaupun azab untuk mendapatkan rezeki untuk menampung keluarga seperti juga masyarakat kita yang lain.

Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua dari segi dasar, soal perpaduan yang saya bangkit tadi adalah soal pokok. Jabatan Perdana Menteri hendaklah memikirkan apakah benda ini, perkara ini strategi mana yang harus digunakan informasi maklumat itulah paling penting bagi menangani strategi untuk membentuk hala tuju bagi menyelesaikan masalah sebelum perkara yang..... meletup ter..., istilah apa ya? Terbeku di dalam sebelum meletup

Tuan Yang di-Pertua: Terbuku.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terbuku, macam-macamlah itu tercengkam, terbuku. Tuan Yang di-Pertua oleh kerana Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya secara telus, terima kasih saya akan teluskan lagi, bagaimana pula Tuan Yang di-Pertua Jabatan Perdana Menteri hendaklah memikirkan ini soal kesetiaan, soal ketatanegaraan harus dibentuk di peringkat sekolah rendah, tadika atau sampai pendidikan tinggi. Berkaitan dengan mereka yang belajar di luar negara. Bermacam-macam kepakaran yang dituntut di luar negara, berbagai-bagai ciptaan *research* yang telah dibuat di luar negara. Ribuan daripada mereka ada yang terus mendapat PR di negara-negara asing. Tetapi khidmat *knowledge asset* yang ada di dalam otak mereka, pemikiran mereka seharusnya dibawa pulang untuk membangun negara kita sendiri sekiranya kita cinta kepada negara.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah pun membuat beberapa kenyataan untuk menarik mereka yang sedang berkhidmat di luar negara mempunyai kepakaran-kepakaran yang begitu canggih dari segi apa-apa teknologi, bio-teknologi dan sebagainya supaya mereka pulang dan di sinilah yang saya perkatikan soal kesetiaan kepada negara dan pihak Jabatan Perdana Menteri

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya ingat rakan sebelah saya, boleh bisik-bisik, rupanya dia hendak bercakap juga. Silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob, saya hendak sentuh sikit mengenai dengan kesetiaan yang tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi. Rakyat Malaysia sumbangkan kepada negara kita ini berbeza-beza, dia sektor-sektor yang dia hendak kerja itu, hendak buat khidmat itu berlainan sikit. Ini agak dia ada latar belakangnya, dia ada kebudayaan sendirinya itu dan juga banyak faktor yang menyebabkan sebilangan kecil bukan bumiputera di angkatan tentera dan juga di pasukan polis dan juga MCA juga hendak kempen dengan kuat supaya ramai lagi orang Cina, masuklah pasukan polis dan juga saya setuju dengan Yang Berhormat Zainal Rampak tadi yang masalah ini bukan satu yang simple, ia adalah satu masalah yang kompleks itu kena dikaji dengan mendalam macam mana hendak galakkan kaum yang lain hendak masuk pasukan polis..

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya panjang, Yang Berhormat masukkan ke dalam ucapan Yang Berhormat nanti.

Tuan Lee Sing Chooi: Yang itu yang hendak sentuhkan, mereka itu tidak ramai hendak masuk polis itu dan tentera bukan mereka itu tidak setia kepada negara itu, bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Bila giliran Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat masukkan intisari pandangan tersebut dalam ucapan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Datuk Yaakob sambung..

Tuan Chiam Yong Tee: Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya habiskan dulu. Sebelum Yang Berhormat Datuk Yaakob sambung, suka saya bagi pandangan, bagi fikiran saya segala ucapan, segala

yang diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini ialah dalam konteks *nation building* dan kita sama seperti berjuta rakyat di luar sana masing-masing dengan cara tersendiri juga terlibat dalam proses *nation building* dan selama 47 tahun kita sedikit demi sedikit mengharungi segala rintangan dalam proses *nation building*, maka anggapkanlah bahawa segala ucapan dalam Dewan yang mulia ini ialah sumbangan terhadap *nation building* supaya sikap terhadap apa yang diperkatakan sentiasa positif. Yang Berhormat sila teruskan, Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Chim Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi, mereka yang melanjutkan pelajaran di seberang laut di antara mereka yang tidak balik berkhidmat di negara kita, mungkin ada sebab-sebab yang lain contohnya mungkin tidak ada kemudahan untuk mereka membuatkan dengan izin, *research work* ataupun kekurangan tempat untuk mereka di negara lain dalam bidang masing-masing apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan tersebut. Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua saya sebutkan tadi Jabatan Perdana Menteri dari dasar untuk meninjau kembali dan dapatkan segala informasi secara terperinci mungkin boleh membuat satu dasar ataupun bertindak bagi mengatasi masalah yang pada ketika ini kita berhadapan dengan kekurangan pakar-pakar penyelidikan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa itu sahaja di bawah Jabatan Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada Jabatan Audit.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana kita tahu peranan Jabatan Audit Negara adalah tidak kurang pentingnya dari segi mengelola ataupun memantau agar sebarang penggunaan perbelanjaan yang dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit laporan daripada Jabatan Audit Negara, sepatutnya mengikut tanggungjawab Jawatan Audit Negara, setiap tahun berapa banyakkah laporan audit terpaksa dibuat untuk dibentangkan di dalam Dewan ataupun untuk dibentangkan kepada *Public Account Committee*. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sejauh manakah tunggakan-tunggakan yang masih belum dapat disiap mengikut perangkaan perancangan Jabatan Audit untuk menyiapkan laporan audit bagi setiap agensi kerajaan dan kalau tunggakan begitu banyak untuk Jabatan

Audit menyediakan laporan audit kerana setiap kali kita lihat memang agak terlambat 2002, 2001 baru kita terima. Jadi bagaimana cara supaya sistem pengauditan itu dipercepatkan adakah sebab perbekalan dokumentasi oleh pihak agensi yang disemak tidak dapat kerjasama, memanglah Jabatan Audit ini kurang disenangi oleh agensi kerajaan-kerajaan kalau nampak Jabatan Audit. Tetapi seharusnya kita memberi kerjasama yang rapat kepada Jabatan Audit kerana merekalah yang akan membantu, mengawal, menyelia tentang kebenaran setiap perbelanjaan yang dibuat oleh sesuatu agensi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah Jabatan Audit berhadapan dengan *workload* yang berlebihan, beban tugas yang banyak dan kurangnya tenaga kerja.

Menyentuh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam - B.5. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu tanggungjawab SPA di antara lainnya ialah untuk mengisi kekosongan dan di samping itu mengambil tindakan pemecatan ataupun tindakan disiplin kepada kakitangan yang melanggar syarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berkaitan dengan kumpulan, kategori perkhidmatan awam yang mana kadang-kadang itu apabila selepas waktu pejabat begitu berasak-asak keluar dari satu pejabat hampir 80%. Mereka terdiri daripada kalangan wanita. Memang ciri-ciri pemilihan kakitangan perkhidmatan awam berdasarkan kelulusan. Namun begitu, apakah ciri-ciri kriteria yang diguna pakai sekarang ini masih boleh digunakan kerana saya lihat terdapat masalah. Saya tidak mahu wujud diskriminasi antara lelaki dan perempuan, andai kata kriteria berdasarkan kelulusan, tetapi apakah boleh diberikan kelonggaran untuk mengimbangi antara lelaki dan perempuan bertugas di dalam satu-satu jabatan.

Kalau dilihat memang begitu ketara Tuan Yang di-Pertua dan soal pengambilan, SPA hendaklah memikirkan cara bagaimana agar kelebihan tenaga kerja yang mana kadang-kadang untuk mengangkat barang pun saya berasa sedih, kerana kurangnya tenaga lelaki menyebabkan yang wanita terpaksa membuat kerja-kerja lelaki, baik di stor ataupun lain-lain tugas yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat jawapan ataupun pandangan daripada bahagian SPA iaitu dari segi pengambilan tenaga kerja. Apabila berlakunya sesuatu kekosongan yang dimaklumkan atau diberitahu oleh kementerian ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam, tempoh bagi mengisi bagi sesuatu

kekosongan itu berapa lama, apakah lembaga temu duga tidak mencukupi? Kalau tidak cukup hendaklah dilantik lebih ramai lembaga temu duga kerana kekurangan tenaga kerja di jabatan-jabatan kerajaan akan menjejaskan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal B.8 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Mungkin perkara-perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah menyentuh beberapa jabatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu termasuk Bahagian Latihan, Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Perjawatan, Bahagian Pencen. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana dasar-dasar yang telah dibuat sehingga kini menyebabkan mutu kualiti, prestasi perkhidmatan awam memang dianggap cemerlang di rantau ini, malah diakui dunia sebagai negara yang mempunyai kakitangan perkhidmatan awam yang terbaik di rantau ini.

Saya ingin menyentuh Bahagian Latihan yang saya sebutkan tadi dan kalau ikut saya, peruntukan yang diberi untuk Bahagian Latihan sememangnya tidak cukup. Seharusnya ditambah lagi peruntukan lebih banyak untuk menghantar pelajar-pelajar mahupun kakitangan perkhidmatan awam ke luar negeri dan jangan kita jadikan *dollar and cent* sebagai halangan untuk menambah ilmu pengetahuan.

Sejarah Tuan Yang di-Pertua membuktikan tunggak ilmu pengetahuan pada satu ketika dahulu berada di Timur Tengah. Namun kerana pelbagai masalah telah berlaku, hancurnya suatu institusi tempat menuntut ilmu dan setelah dipindahkan ke negara-negara luar menyebabkan sehingga ke hari ini tempat untuk menuntut ilmu pengetahuan sudah pun menuju ke negara-negara lain.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar Jabatan Perkhidmatan Awam mendapat maklumat secara perbandingan kerana matlamat utama mewujudkan satu masyarakat harmoni di dalam negara kita. Kerana itu saya ingin juga mendapat tahu, di samping kita menghantar pelajar-pelajar yang datang daripada luar bandar, yang datang daripada anak-anak pasukan polis, mereka tidak mampu hendak menghantar ke luar negara, yang datang daripada anggota tentera, datang daripada penoreh getah - mereka tidak mampu. Sebab itu JPA harus menambah peruntukan untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara supaya diversifikasi wujud dari segi kepintaran anak-anak kita.

Mereka juga sebagaimana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi *nation building*, mereka juga akan menyumbang termasuk juga orang-orang Melayu, dan juga orang-orang yang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya bangkitkan di sini Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan perangkaan beberapa ramai penuntut swasta yang berada di luar negara sehingga ke hari ini, tidak kira daripada bidang-bidang pelajaran jangka pendek atau jangka panjang. Kerana ini akan menjadi ukuran perancangan kepada JPA untuk mempertingkatkan penghantaran pelajar-pelajar kita yang sedang berkhidmat tidak kira sama ada di peringkat ijazah ataupun di peringkat perkeranian juga diberi peluang untuk menimba ilmu pengetahuan di luar negara dalam kategori-kategori yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebagaimana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam hampir 800 ribu kakitangan pelbagai kategori. Saya tidak tahu sekarang ini ada *superscalenya* M1, M2, JUSA, perkeranian, Penolong Pegawai Tadbir, jurutaipnya termasuk pemandu daripada bawah harus diberi peluang kenaikan pangkat. Tidak kira kalau dia pemandu pun diwujudkan kenaikan pangkat kerana mereka 20 tahun, 30 tahun, mungkin ada pemandu tingkatan tertinggi, pemandu tingkatan kanan kerana peluang ini harus diberikan kepada mereka.

Begitu juga kategori, kerani, jurutaip, steno, pegawai tadbir biasa PTD, PTA, tingkatan kanan, semua ini kadang-kadang tertunggu-tunggu tetapi kuasa itu berada di JPA. Kita juga kadang-kadang merungut membuat perbandingan dengan swasta, kenapa swasta tiga tahun naik pangkat *Assistant Manager, Manager, Senior Manager* tetapi di perkhidmatan awam begitu *slow* kenaikan pangkat. Saya mengambil kira soal kewangan yang dipegang oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bahagian Kementerian Kewangan, tetapi buatlah perbandingan di peringkat swasta.

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua saya tidak meminta supaya gaji dinaikkan, tetapi *indicator cost of living* di negara kita sememangnya cukup baik, tidak guna gaji naik, kalau *cost of living* juga naik. Jadi, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak mungkin setuju kalau saya katakan ikut prosedur lima tahun sekali semakan gaji, saya setuju, buatlah tetapi yang pastinya kesan sampingan juga akan berlaku. Jadi, tidak ada kesudahan, naik gaji naik *cost of living*. Namun begitu pihak JPA kita yang ada kuasa cubalah..

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya tengah laju, sekejap lagi ganggu pula. Okey silakan.

Tuan Zainal bin Rampak: Bila Yang Berhormat bercerita pasal kenaikan gaji ini dan *revision* kajian gaji, saya kira lebih baik kalau diselaraskan di antara swasta dengan kerajaan dibuat pada setiap tiga tahun sekali itu lebih baik. Pada saya kalau setiap tahun lebih baik berasaskan indikator harga pasaran, harga barang-barang, itu lebih baik kalau kita boleh lakukan. Tetapi besar kemungkinan ianya begitu sedikit untuk menjangkau oleh sebab terlalu singkat dalam masa setahun. Saya kira setiap tiga tahun sekali dikaji semula diselaraskan sebagaimana yang berlaku dalam *private sector*, bagaimana pandangan Yang Berhormat. Lima tahun saya rasa lama sangat, tiga tahun saya ingat barangkali satu cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Benarkah hujah kenaikan gaji itu *inflationary*?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga sehaluan dengan Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya sebutkan tadi..

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada haluan, saya bertanya Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *I read between the line*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ya, sebenarnya soal gaji ini kalau disebut memanglah kerajaan mana pun hendak memberi gaji naik untuk semua perkhidmatan awam Tuan Yang di-Pertua. Seboleh-bolehnya kalau ikut saya dari segi hendak mencari popular Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sentiasa boleh memberikan kenaikan gaji setiap tahun. Tetapi sebagai pemimpin tertinggi negara beberapa aspek persekitaran harus diambil kira, umpamanya tidak seharusnya gaji naik, barang juga dinaikkan. Kita tengok implikasi sampingannya memang ada Tuan Yang di-Pertua dan sistem yang ada pada hari ini. Saya ingat sudah cukup baik kerana saya juga lalui pengalaman sebagai kakitangan perkhidmatan awam.

Namun yang saya fokuskan jawapan saya Yang Berhormat mungkin saya tidak berapa setuju, tetapi saya fokuskan sekarang ini tentang sistem kenaikan pangkat, kerana rata-rata maklumlah peluang kenaikan pangkat terlalu terhad dan Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Perkhidmatan Awam tidak usahlah kadang-kadang hendak menjustifikasikan sesuatu jawatan tingkatan kanan, *superscale*, kadang-kadang berbuih mulut Tuan Yang di-Pertua, maklumlah antara JPA dengan Kementerian Kewangan mengeluarkan waran tetapi cubalah, kadang-kadang

pengalaman saya kalau datang pegawai daripada pejabat daerah untuk berhadapan dengan JPA atau Kementerian Kewangan hendak mewujudkan satu jawatan, kadang-kadang strategi, mereka meminta 10 jawatan, dia tahu JPA ataupun Kementerian Kewangan akan potong 8 jawatan, tinggal dua.

Jadi, konsep ataupun *perception* ini harus dirobah, harus *justify* mengikut beban tugas, tetapi hendak tunjuk kepada JPA, hendak tunjuk kepada Kementerian Kewangan memang kami perlukan jawatan. Tetapi yang pegawai-pegawai biasalah, kadang-kadang ego masing-masing ada dan saya hargai juga JPA, dia pun *control* duit juga, tetapi secara tidak langsung, dia juga kadang-kadang marah, kenapa pangkat tidak naik. Umpamanya, jawatan kenaikan Tingkatan Biasa, tidak kiralah, doktorkah, apa-apa perkhidmatanlah, tidak kira, kastamkah, poliskah. Tetapi peluang kenaikan pangkat itu yang saya maksudkan di sini agar wujud satu insentif di kalangan pekerja-pekerja perkhidmatan awam, baik di Parlimen ini pun saya tengok tanggungjawabnya cukup berat.

Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya jawatan Speaker, jawatan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga dikaji. Bukannya mudah, wakil-wakil ini datang daripada seluruh negara. Harus dilihat *scale* yang diberi kalau dibandingkan dengan CEO swasta sampai RM40 ribu, RM50 ribu, padahal Tuan Yang di-Pertua, tengoklah duduk sehari 2 jam, 3 jam boleh duduk, kemudian *concentrate*, kemudian beri pandangan, *then* boleh *fit*, dan boleh membuat keputusan dengan tepat, saya akui. Jadi, kerana itulah JPA semaklah balik Bahagian Perkhidmatan Awam ini. Ini Menteri Kewangan ada di sini, kita sudah menang cemerlang dalam Pilihanraya Umum Kesebelas, jadi tunjuklah. Kita bukan hendak boros, Tuan Yang di-Pertua, tetapi *to justify* dengan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Perjawatan. Bahagian Perjawatan, saya sentuh secara *indirectly*, Tuan Yang di-Pertua, hendak wujud jawatan ini amat sulit, macam Bahagian Pinjaman Perumahan, saya bentangkan dalam bajet saya, yang saya bahaskan baru-baru ini. Saya telah maklumkan terdapat 14,000 kes tertunggak yang tidak boleh diselesaikan di Bahagian Perundangan, dan 14,000 kes ini melibatkan berbilion ringgit. Sepatutnya dapat dikutip, tetapi kerana kekurangan tenaga, pada pendapat sayalah.

Oleh kerana itu Bahagian Perjawatan cubalah, tengok strategi, bagaimana untuk - kalau dia benar-benar perlu jawatan, ambil, bagi dia buat, macam JPJ,

berkerumun staf, hendak makan pun tidak ada masa. Jabatan Imigresen, Jabatan Tanah dan jabatan-jabatan yang banyak *collect* hasil kepada kerajaan. JPJ umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, sebulan dia *collect*, waktu saya dahulu, RM200 juta sebulan, yang mendatangkan hasil, tetapi orang hendak pergi bayar, hendak beri duit pada kerajaan menimbulkan pelbagai masalah.

Jadi, kerana itu Bahagian Perjawatan ataupun Kementerian Kewangan, tengok jabatan-jabatan yang *collect* hasil, Jabatan Kastam, beri jawatan, jangan beri ada masalah dari segi orang hendak datang beri duit kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Susah sangatkah hendak beri duit kepada kerajaan itu?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Susah, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya sedih - hendak beratur, *queue* hendak pergi bayar, RM500, RM2,000, RM3,000....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri duit pun kena beratur?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, pakai nombor, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang in sudah mudah sedikitlah, tetapi karenah birokrasi yang harus kita lihat dan Jabatan Perkhidmatan Awam harus pantau balik, macam mana supaya kita yang datang, rakyat datang hendak beri duit kepada kerajaan ini biar dia senyum. Kalau boleh beri dia minum teh tarik secawan, seboleh-bolehnya, tetapi *impossible*. Kalau saya, saya buat macam itu. *[Ketawa]* Tetapi ialah ini supaya *message* ini kita jangan ada kuasa, kadang-kadang kita juga merungut, JPA merungut, tengok kawan-kawan kita dapat kereta sebiji di swasta.

JPA merungut tetapi dia orang yang memegang kuasa, Bahagian Perjawatan, Bahagian Perkhidmatan yang *control* naik pangkat. Kenapa gunakan satu *perception* yang berbeza agar jangan kita ada kuasa ini tunjuk, maklumlah kementerian-kementerian hendak minta jawatan, kadang-kadang takut, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu, dia orang takut JPA, takut dengan *Treasury*, dari segi hendak justifikasi minta. Macam Parlimen pun saya tengok tanggungjawab berat, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya ingat berilah keutamaan terutama di Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Jawatan Setiausaha saya tidak tahu, pangkat apa, tetapi pening kepala dia apatah lagi berhadapan dengan baru-baru ini, satu rang undang-undang hendak kena tolak, tidak pernah dalam sejarah. Jadi, benda-benda macam itu, Jabatan Perkhidmatan Awam kena fikir, tengok balik di Parlimen sendiri dan tengok balik di jabatan-jabatan yang

mana yang memberi hasil banyak kepada kerajaan, jangan dok tekan tanya macam-macam, dia tidak boleh hendak jawab kadang-kadang.

Begitu juga dari segi jabatan-jabatan, saya tengok di sini Jabatan Hasil Dalam Negeri sudah diswastakan, insya-Allah hasil pun sudah makin banyak sebab dia sudah dapat tenaga yang cukup, pergi ikut sampai ke rumah. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan lagi? Ada lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau rasa tidak berapa sedap hendak dengar, ingatkan saya, saya berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti saya katakan tadi, segala yang diperkatakan dalam Dewan ini dianggap sebagai proses *nation building*, sumbangan kepada proses *nation building*.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang Bahagian Jabatan Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bangga kerana saya pun berhadapan dengan rakan-rakan daripada diplomat-diplomat yang datang, kita sentiasa ada pertemuan dan mereka *of course* dari segi bukan politik mereka mengakui kehebatan, ketelusan, keneutralan, integrasi, soal integriti Jabatan Peguam Negara kita. Mereka masih mempertahankan walaupun ada negara kerana kepentingan politik mempersoalkan Jabatan Peguam Negara, katanya pilih kasih dan sebagainya.

Jadi, kita sebagai penggubal undang-undang, dan mereka yang cuba melaksanakan apa yang kita luluskan, saya ucapkan syabas kepada Jabatan Peguam Negara di bawah Tan Sri Abdul Ghani Patail, walaupun pelbagai kata-kata sinis, tohmahan dari luar negara dan dalam negara, namun prinsip dasar tetap dipegang oleh Jabatan Peguam Negara.

Jadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Jabatan Peguam Negara sehingga Jun 2004, berapakah jumlah kes jenayah mengikut kategori yang belum dapat dibuat pendakwaan. Andai kata kekurangan pegawai-pegawai pendakwa, jadi Jabatan Perkhidmatan Awam harus lihat kembali untuk memberi satu justifikasi agar kes-kes pendakwaan jangan pula diperkatakan lambat.

Kerana memang sesuatu kes itu perlu mendapat satu keputusan yang cepat oleh mana-mana pihak baik swasta, baik masyarakat kampung, baik masyarakat

dalam bandar. Soalnya sesuatu peristiwa atau sesuatu insiden jenayah harus mendapat keputusan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tentang Jabatan Peguam Negara juga, apakah ianya ada kaitan dengan jumlah Hakim atau Majistret yang tidak cukup untuk mendengar kes-kes pendakwaan. Andai kata ianya berkaitan harus juga ditinjau supaya pengisian, penambahan, pengwujudan jawatan-jawatan yang saya sebutkan tadi harus diberi pertimbangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tertarik dengan ucapan Datuk Yaakob di atas Jabatan Peguam Negara, di mana beliau kata, kekurangan pegawai ataupun pegawai-pegawai pendakwa di jabatan tersebut. Apakah Yang Berhormat Datuk, kalau ada satu cadangan di mana Jabatan Peguam Negara boleh mengambil secara sementara peguam-peguam dari sektor swasta untuk mendakwa bagi pihak kerajaan ataupun menjadi *crown prosecutor* untuk mengatasi masalah kekurangan *staff* di jabatan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di negara mana kaedah tersebut diguna pakai?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Kalau tidak salah saya, Tuan Yang di-Pertua *you can correct me*, di United Kingdom pun ada juga sistem ini.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Dato' Dr. Vijayaratnam. Walau apa pun cadangan, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan beban tugas, sekiranya dasar kerajaan membenarkan, saya rasa saya setuju. Namun apa-apa pun, soal syarat ataupun dasar kerajaan hendaklah diambil kira sebelum sesuatu tindakan dibuat. Saya harap sudah terjawab soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebagaimana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, peranan PBT antara lainnya amat penting kerana jabatan-jabatan inilah, di peringkat Majlis Daerah Tempatan, adalah yang paling bawah berhadapan dengan masyarakat di peringkat

akar umbi di kawasan pedalaman kerana tanggungjawab PBT adalah juga merangkumi masyarakat-masyarakat berbagai-bagai kaum di daerah masing-masing.

Saya sering tertanya-tanya mengenai masalah yang wujud di Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan. Inilah yang kadang-kadang implikasinya, tempiasnya, ketidakcekapan, keborosan, rasuahnya, kelambatan birokrasi meluluskan sesuatu permohonan umpamanya, perumahan tergendala di situ. Jadi, PBT di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah kalau boleh, kalau hendak dikatakan istilah yang boleh dipakai, *reengineering*, kalau perlu, terpaksa buat semula kerana harapan kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ialah untuk melihat *delivery system* itu lebih berkesan, lebih memberi makna kepada pelanggan-pelanggan yang berhadapan ataupun sentiasa mengharapkan bantuan daripada PBT untuk melaksanakan sesuatu, baik projek ataupun dari segi kemudahan-kemudahan yang diperlukan sebagai seseorang manusia.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan perancangan perumahan. Kalau dilihat kadang-kadang tidak ada satu penyelarasan dasar mewujudkan perumahan di serata negara. Umpamanya, perumahan kos rendah dan kos sederhana dibina di kawasan yang tidak diperlukan menyebabkan rumah-rumah tersebut terbengkalai ataupun tidak dibeli ataupun tidak diminati menyebabkan kerugian. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan jumlah projek perumahan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini yang telah dilesenkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada pemaju-pemaju perumahan. Daripada jumlah tersebut, berapa unitkah yang telah dibina mengikut kategori – rumah banglo, rumah teres dua-tingkat, rumah teres satu-tingkat, kondominium mewah dan rumah sederhana, dan daripada jumlah tersebut, kalau boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan nyatakan bagi kategori rumah banglo, berapa banyakkah yang dibeli oleh pembeli mengikut ras; bagi rumah dua-tingkat, siapa yang beli; rumah kos sederhana siapa pembelinya, dan saya percaya kementerian boleh mendapat maklumat ini kerana kuasa ada untuk memperolehinya daripada pemaju-pemaju perumahan. Indikator ini akan dijadikan bahan perancangan kerana banyak juga perancangan yang dibuat kadang-kadang tidak memenuhi sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sentuh berkaitan dengan Butiran B.39 – Kementerian Pengangkutan. Kita memang sering kali diumumkan melalui media cetak dan media elektronik berkaitan dengan kemalangan jalan raya yang pada satu ketika saya dimaklumkan Malaysia adalah di antara negara yang tertinggi berhadapan dengan kemalangan jalan raya. Jadi, Kementerian Pengangkutan cubalah fikirkan bagaimana cara yang terbaik. Saya percaya macam-macam strategi harus digunakan dan kita juga berhadapan dengan pemandu-pemandu yang terdiri daripada berbagai-bagai warna kulit, berbagai-bagai bentuk budaya dan berbagai-bagai latar belakang termasuk daripada negara asing.

Jadi, sememangnya begitu complicated masalah yang harus dihadapi oleh kementerian dan saya lihat mungkin salah satu caranya ialah biasanya melalui kelulusan JPJ untuk mendapatkan lesen dan sebagainya, cara penulisan dan sebagainya tetapi dari segi penguatkuasaan, Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya bangkitkan di sini iaitu pemandu-pemandu ...

Tuan Yang di-Pertua: Izinkan saya mengganggu Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sebut penguatkuasaan. Dalam pengetahuan saya, terdapat strategi serampang tiga mata iaitu strategi 3-E iaitu *Enforcement, Education, Engineering*. Tetapi nampaknya di dalam negara kita yang paling ditekankan ialah berkaitan *enforcement* semata-mata, kadang-kadang *bad engineering* pun ada juga.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Tuan Yang di-Pertua, memang saya sangat bersetuju, saya akan pergi kepada *area* tersebut, Tuan Yang di-Pertua, iaitu *enforcement*. Yang pertama tadi saya sebutkan memanglah agak begitu lemah, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf kerana terdapat sekitar 7 juta kenderaan yang ada di jalan raya dan tidak kira setakat mana yang lalu ataupun putaran pemandu tentang laluan-laluan yang dilalui dan dari segi *enforcement* ini saya lihat perkara-perkara penting ini berlaku juga di *highway* di bandar-bandar, Tuan Yang di-Pertua, dan saya tengok di pihak JPA dan Kementerian Kewangan, kalaulah Kementerian Pengangkutan ataupun jabatan-jabatan JPJ tidak membuat, jadi sebagai pihak yang berada di peringkat atas, cubalah bantu wujudkan lebih banyak lagi jawatan-jawatan bahagian penguat kuasa kerana kalau saya hendak tengok ini ada implikasinya, impaknya kepada pelancong.

Saya rasa memang sedih, satu soal yang selalu dilakukan oleh pemandu-pemandu teksi di lapangan terbang umpamanya, tetapi terima kasihlah kerana sudah ada pengumuman, sudah ada kaunter tentang teksi-teksi yang harus diambil oleh

pelancong namun yang saya merasa hairan masih ada lagi pemandu-pemandu tanpa izin berkeliaran. Mereka inilah yang mencemarkan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua: Soal *enforcement* atau soal *education*?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya akan pergi kepada *education*. Yang ini berkaitan *enforcement* dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya *interrelated, very close*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sebenarnya hubung kaitnya terlalu rapat. Dan *education*, Tuan Yang di-Pertua telah pun sebutkan tadi, memang betul Tuan Yang di-Pertua, dari segi macam mana Kementerian Pengangkutan melaksanakan untuk memberi panduan, memberi didikan, memberi pengajaran kepada pemandu-pemandu melalui sistem persekolahan memandu tidak cukup. Apakah peranan Kementerian Pengangkutan hendak mendidik, memberi pengajaran kepada pemandu, dan bukan sahaja pemandu ...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar laluan sahaja.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sebab fasal teksi agaknya. Jadi menyentuh perkara teksi ini, saya pun ingin tahulah, mungkin Yang Berhormat ada maklumat, adakah Kementerian Pengangkutan memberi pendidikan kepada pemandu-pemandu teksi supaya mengambil penumpang di tempat yang sepatutnya sebab walaupun kita ada *taxi stand* tetapi kita tengok amalan pemandu-pemandu teksi di ibu kota ini khususnya, mereka mengambil penumpang di mana-mana sahaja. Jadi, bagi penumpang yang baik, yang beratur di tempat menunggu teksi kadang-kadang mereka terpaksa *compete*, berlawan dengan orang yang menunggu di tepi jalan yang menyekat teksi daripada awal lagi. Minta pandangan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas persoalan yang dibangkitkan tadi. Ini ada kaitan dengan *education* sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sentuh tadi, memang saya ingin nyatakan di sini soal mendidik itu belum diberi prioriti oleh kementerian.

Untuk mendapat lesen memanglah ada sekolah memandunya, ada "*do and don't*"nya, yang boleh dan tidak boleh, tetapi pada praktikalnya apa yang berlaku apabila kita bandingkan bandar raya Kuala Lumpur atau bandar-bandar lain, Tuan

Yang di-Pertua, karakter pemandu itu, macam kita kakitangan kerajaan mungkin agak sabar dan sopan. Tetapi tidak terlepas juga ada yang emosional, hendak kejar *punch card*.

Pemandu-pemandu yang dari kategori-kategori kontraktor atau pembina-pembina bangunan, mentalitinya, kemudian warganegara asing, mentalitinya. Jadi, semua ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hendak mendidik bukannya mudah sebab kalau di US mungkin mudah, dia ada dua sahaja, dia ada hitam dan cerah. Tetapi di Malaysia ini, sudahlah macam-macam warna dan macam-macam budaya, tetapi campur aduk dengan yang daripada luar negara ini pun membuat masalah dari segi wujudnya kemalangan yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat beralih daripada soal mendidik ini (*education*), kita perhatikan selalu ditekankan seolah-olah kita mahu bagi takut. Mengapa tidak kita bagi malu lebih daripada bagi takut?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa memang cukup menarik pandangan Tuan Yang di-Pertua dan kementerian juga harus lihat satu pandangan Tuan Yang di-Pertua tadi itu, adakah hendak menggunakan rotan, hendak mengenakan saman atau hendak gantung lesen sebab satu strategi yang baik ataupun cara memberi celaan memalukan pemandu lebih berkesan.

Jadi, saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, ada kategori-kategori yang perlu menggunakan rotan, ada kategori-kategori yang kalau *senior civil servant* ataupun top CEO, kita guna cara yang memalukan, memang dia cukup takut. Soalnya, kementerian harus lihat berapa banyak kemalangan berlaku daripada kategori yang datangnya dari *background* yang berbeza-beza – yang rakus, yang bergaduh, *temper* atau emosional.

Waktu pergi *test* dengan JPJ, Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak. Pengalaman saya waktu itu cukup takut, cukup hormat kepada JPJ. Tetapi bila sudah lepas, lulus dan dapat lesen, dia jadi penyayang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah perkara-perkara yang harus diambil kira.

Saya sebut di awal tadi, saya minta penyelidikan atau analisa hendaklah diberi keutamaan kerana salah maklumat atau informasi, buat sistem macam mana pun, tidak kena sasarannya.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati oleh kerana saya datang daripada Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan. Isu sedemikian

memang selalu kita hadapi terutama sekali pemandu-pemandu bas dan lori yang berjalan jauh. Kita dapat melihat kemalangan berlaku selalunya pemandu-pemandu yang masih muda, yang baru memiliki lesen.

Maklumlah bila orang ini baru dapat lesen, saya begitu juga dahulu, bila dapat lesen saya akan lari kuat. Pada saya, *life doesn't matter*. Cuma hari ini lain, esok lain Kita dapati mengapa tidak Kementerian Pengangkutan mengenakan syarat, terutama sekali kenderaan awam seperti lori dan sebagainya, apabila diberikan lesen tidak semestinya mereka boleh memandu kenderaan berat dan mereka disekat umurnya supaya mereka lebih berpengalaman dalam suasana atau situasi yang menghendaki beliau memikir dengan rasional daripada emosional. Itu satu perkara yang harus ditekan oleh Kementerian Pengangkutan.

Keduanya, Yang Berhormat Datuk Yaakob, iaitu soal pemandu-pemandu asing yang masuk ke negara kita untuk bekerja, terutama sekali lori-lori yang membawa tanah angkut yang kita panggil selalu sebagai "lori hantu" sebab sistem kerja itu adalah sistem komisen, sistem trip menyebabkan mereka ini bawa lori dengan cepat dan laju, tidak kira nasib orang lain dan tidak kira siapa memandu, asalkan mereka dapat mencapai kepada satu tahap komisen yang tinggi untuk pendapatan yang tinggi. Ini satu perkara yang berlaku.

Memang saya bersetuju, waktu pergi ke PUSPAKOM dan JPJ, dia mahu turut dan sebagainya, tetapi bila dapat lesen, dia memandu....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup panjang, Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Jadi masalah. Itu satu perkara yang saya ingat kementerian harus fikirkan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zainal. Memang saya setuju, Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat. Memang itulah hakikat yang berlaku. Begitu juga pemandu-pemandu bas yang berlaku kemalangan seperti bas pelancong. Di antara puncanya kerana komisen dan kerana hendak trip lebih tanpa mengira soal mengantuknya dan pihak pengusaha tidak tahu hal, dia hanya tahu dapat trip berapa, dia dapat keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak takut mati atau tidak malu langgar tata tertib?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mereka itu tidak takut mati atau tidak malu langgar tatatertib?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Sebenarnya dia tidak takut mati, dia tidak malu.

Tuan Yang di-Pertua, soal *education* juga yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, saya hendak *elaborate* sedikit lagi, iaitu peranan Kementerian Pengangkutan dari segi mendidik dengan berbagai-bagai kriteria pemandu sebenarnya belum lagi sampai ke sasaran yang dianggap baik.

Jadi, kalau boleh, Menteri Kewangan ada di sini, dalam bajet yang akan datang, minta peruntukan *education to educate* bukan kata pemandu-pemandu ini kena panggil *especially* yang perdagangan yang Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak sebutkan tadi itu supaya dipanggil sebulan sekali atau tiga bulan sekali.

Pemandu-pemandu teksi ini, Tuan Yang di-Pertua, kena panggil selalu, JPJ kena panggil. Kemudian latihkan. Dia ada *blacklist* nombor yang selalu keluar. Kalau pemandu-pemandu yang selalu buat kesalahan itu, gunakan seperti yang Tuan Yang di-Pertua sebut tadi, takutkan dia dengan berbagai-bagai cara.

Kemudian tentang gunakan media untuk mendidik pemandu dan juga orang yang lalu-lalang pun kena didik juga. Dia tidak bawa kereta, tetapi duduk di tepi jalan pun dia nahas juga, Tuan Yang di-Pertua. Ini berlaku. Jadi, pendidikan oleh Kementerian Pengangkutan hendaklah diberi keutamaan dari segi iklan-iklan dalam radio dan televisyen hendaklah diperbanyakkan. Memang kalau ikut *airtime* itu yang kena bayar, kalau perlu bayar, bayarlah. Tetapi kalau Kementerian Penerangan punya, cubalah gunakan platform *government* dengan *government* supaya pendidikan ini jangan pula RTM caj Kementerian Pengangkutan kerana mesejnya boleh begitu berkesan secara menyeluruh kepada pemandu.

Kemudian bagi mereka yang kadang-kadang duduk dalam pasar, duduk dalam bangunan, tidak dengar iklan-iklan *government* ini, tidak tengok TV, gunalah radio. Kemudian tidak juga berkesan, keluarkan makalah-makalah, gunakan surat khabar Tamil dan Cina, keluarkan macam-macam. Inilah cara mendidik. *Education* ini ada macam-macam pendekatan boleh dibuat, Tuan Yang di-Pertua, kerana nyawa tidak ada nilai. Jadi, kerana itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selalu, kadang-kadang sedih dan tertekan apabila...

Puan Safinah bini Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan, saya pun penat. *[Ketawa]*

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam ruang Yang Berhormat bercakap berhubung dengan pendidikan pemandu yang menjadi tumpuan kepada Yang Berhormat ialah pemandu yang laju. Tetapi bagaimana pula dengan sikap pemandu yang memandu perlahan yang lebih bawah daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin sebab mereka tidak malu halang orang.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya. Jadi, dok *havoc* pula. Maksudnya kalau kita keluar daripada rumah kita, kita sudah *set time* untuk kita sampai ke satu tempat itu pada masa yang tertentu kerana ada seseorang itu *block* di tengah jalan, jadi ke tempat kita hendak menuju itu jadi lewat sampai. Dan saya nampak satu *trend*, ada pemandu-pemandu daripada jabatan kerajaan yang tertentu seperti JKR, minta maaf, kita boleh lihat bahawa pemandu-pemandunya, kalau tadi lori bawa tanah dia hendak kejar trip, tetapi lori JKR yang bawa pasir ataupun batu ini, dia kalau boleh perlahan, lagi dia boleh perlahan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Satu tidak takut, yang satu lagi tidak malu. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab penjelasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, pemandu yang memandu dengan perlahan. Ada dua kategori, Tuan Yang di-Pertua. Satu tidak malu dan satu tidak takut.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mereka yang baru lulus, mendapat lesen memandu yang terpaksa memakai "P" selama enam bulan, ada juga yang setahun, dua tahun. Walaupun enam bulan sebenarnya tidak membawa apa-apa erti, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka telah pun memandu kenderaan di jalan raya. Jadi kategori yang pertama ini mereka yang bersopan santun, yang baik, yang takut malu. Jadi mereka inilah yang kadang-kadang mereka mematuhi peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di *highway*, dia tidak tahu setelah menjalani latihan dengan JPJ, laluan mana yang harus perlahan dan laluan mana yang terus laju mengikut kelajuan yang dihadkan manakala bagi mereka yang memandu secara perlahan, memberi halangan-halangan kepada pemandu-pemandu yang lain, sememangnya itu bergantung kepada ciri-ciri, karakter budi pekerti masing-masing.

Kita berhadapan dengan pemandu yang sedemikian rupa, baik di jalan sempit atau di jalan yang lebih luas. Namun begitu....

Tuan Yang di-Pertua: Potong *queue* pula, tidak takut atau tidak malu?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Dua-dua, Tuan Yang di-Pertua, itu dua-dua. Jadi kita sebagai pemandu, ciri yang paling utama ialah kesabaran. Baik macam mana sekalipun apabila kita berhadapan dengan lori pasir yang berat, kita kena sabar. Kalau kita berhadapan dengan orang yang memandu secara penyangak, kita juga kena sabar. Jadi itulah salah satu ciri kalau di jalan raya, kalau semua orang amalkan kesabaran, insya-Allah, perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi tidak akan begitu lebih teruk daripada apa yang telah berlaku.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Kesabaran ini datang dari perut ibu atau perlu dipelajari?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ini Ustaz boleh jawab. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita lihat orang yang bersopan-santun dan bersabar ini yang menjadi mangsa, itu persoalannya. Jadi, memang kita tidak nafikan bahawa sabar itu baik dan sopan santun itu baik. Tetapi banyak yang saya diberitahu, bahawa oleh kerana mereka terlalu sabar maka mereka menjadi mangsa.

Dari segi pendidikan, saya lihat terutama sekali, minta maaf orang Melayu, dia tidak jaga waktu. Ini saya sendiri cuba, setiap kali saya hendak keluar daripada Kuala Lumpur ini, misalnya hendak pergi ke Seremban, jadi saya peruntukkan satu jam setengah untuk sampai ke Tol Sungai Besi. Kalau saya hendak keluar ke Pulau Pinang kena lalu Sungai Buloh dan Rawang, jadi saya peruntukkan satu jam. Itulah kesabaran yang saya cuba atur dan saya rasa pendidikan ini perlu juga kita perkenalkan, kita dedahkan kepada pemandu-pemandu yang boleh.....

Tuan Yang di-Pertua: Itulah saya tanya tadi, kesabaran itu datang dari perut ibu atau dipelajari?

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Baik. Kadang-kadang ibu boleh juga mendidik anak dia dan anak dia pula meniru emak bapa dia. Kalau ibu bapa dia menunjukkan banyak tidak sabar, kemudian dipindahkan kepada anak dia, lalu dia pun jadi tidak sabar pula. Boleh jadi ia datang dari keturunan atau perut ibu dan kadang-kadang melalui pendidikan secara praktikal yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan

masyarakat itu boleh memberikan pengajaran kepadanya, bukan sekadar memalukan sahaja. Tadi disebut fasal rotan, boleh memalukan. Tapi rotan yang dijalankan sekarang ini tidak memalukan kerana dia bukan disebut di tengah orang ramai, disebut di tempat yang tersembunyi, dalam jel misalnya, siapa yang tahu? Dia tidak malu dan dia keluar buat lagi macam itu. Jadi inilah soalan yang saya hendak kemukakan kalau ada jawapan-jawapan yang baik daripada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Senator Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri. Sememangnya perkara yang dibangkitkan ini begitu lumrah, begitu menyeluruh, Tuan Yang di-Pertua, dan pelbagai kriteria dan faktor persekitaran harus diambil kira dan saya ingin sentuh sedikit lagi soal *enforcement* daripada JPJ, Kementerian Pengangkutan yang mana jenayah-jenayah sering kali berlaku, dibuat angkara oleh pemandu-pemandu teksi yang mana majoriti pada malamnya kita lihat dipandu oleh mereka yang sepatutnya tidak layak memandu tetapi oleh kerana memajak teksi, memajak perमितnya dan dibawa oleh mereka yang kadang-kadang tidak begitu sopan dan berbudi bahasa, pakaiannya dan ada juga *drug addict* yang memandu di tengah malam.

Jadi, pihak Kementerian Pengangkutan ini janganlah sampai berlakunya sesuatu insiden yang menyayat hati atau berlaku *criminal* jenayah yang dibuat oleh pemandu-pemandu ini baru hendak bertindak. Saya sebenarnya masih meminta agar *enforcement* ini diperhebatkan kerana pemandu-pemandu ini terancam apatah lagi mereka.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa mengganggu Yang Berhormat buat sementara sebab Yang Berhormat berucap mengenai Kementerian Pengangkutan namun persoalan yang timbul di sini melibatkan juga Kementerian Kerja Raya sebab 3E tadi ialah *Enforcement, Education and Engineering*. Kadang-kadang kita lihat banyak simpang pun direka bentuk dengan cara yang paling tidak selamat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya saya pun setuju juga kerana Timbalan Menteri pun ada seorang jurutera yang mahir. Jadi, pandangan Tuan Yang di-Pertua itu memang sedikit tempias, JKR kena ambil perhatianlah terutamanya bila jalan yang cantik, kadang-kadang berlopak-lopak atau dikorek-korek. Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, kita ada Timbalan Menteri

Pengangkutan, seorang jurutera yang mahir, beliau akan jadikan sebagai satu komen yang membina agar hubung kait dengan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya hendaklah lebih rapat lagi kerana kenderaan yang dipandu, dijaga oleh Kementerian Pengangkutan, jalan raya juga dipantau oleh Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi tentang pemandu-pemandu yang sebelah malam ini, risikonya memang besar, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan perhebatkan kerana saya lihat termasuklah pemandu-pemandu pelancong tengah malam. Sebenarnya mereka ini tidak

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya hujah saya pun sampai ke penghujung untuk diganti oleh sahabat-sahabat saya yang lain.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kewangan kerana begitu sensitif, begitu prihatin dan berhati-hati dalam menangani masalah pancaroba dunia dengan gangguan-gangguan, tekanan ekonomi antarabangsa, namun negara kita hari ini di bawah pimpinan Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan juga Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan seluruh jentera Kementerian Kewangan, syabas dan tahniah patut diberi kerana kita lalui zaman dan tempoh yang begitu meleset tetapi rakyat kita masih boleh bergelak tawa jika dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya turut menyokong Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun rasa pelik kerana setiap isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi, katakan Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan ada. Apabila disebutkan Kementerian Kerja Raya, Timbalan Menteri Kerja Raya timbul, jadi satu keadaan yang saya kira amat bernasib baik, untung Yang Berhormat Datuk ya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Sinniah a/l Raju.

4.05 ptg.

Tuan R. Sinniah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Akta Perbekalan Tambahan. Perbekalan tambahan yang dimaksudkan untuk menanggungkan belanja perkhidmatan beberapa agensi kerajaan. Ini adalah amat sesuai untuk memastikan keberkesanan agensi-agensi berkaitan.

Peruntukan yang tinggi untuk beberapa kementerian kritikal seperti Kementerian Kesihatan amat dialu-alukan kerana peruntukan ini akan membolehkan kementerian tersebut menyediakan perkhidmatan yang sempurna bagi masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi penting yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2004 pada akhir tahun lalu adalah menguatkan lagi agenda sosial dan masyarakat penyayang, bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan ini, saya ingin memberi penekanan di sini bahawa untuk melaksanakan strategi tersebut, beberapa agensi kerajaan perlu berganding bahu bagi memastikan peningkatan dalam kualiti hidup masyarakat.

Usaha ini termasuk menyediakan pendidikan, kemudahan awam, perumahan, kemudahan kesihatan, persekitaran dan peluang pekerjaan serta perniagaan yang mencukupi dan mampu ditanggung oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan miskin. Strategi ini hanya akan mencapai keputusan yang dikehendaki sekiranya kementerian-kementerian serta agensi berkaitan bersifat lebih berkesan dan cekap. Dalam pelaksanaannya, saya ingin memberi pandangan kepada beberapa isu yang mungkin perlu dikaji oleh agensi berkaitan.

Contohnya, penyediaan perumahan berkos rendah untuk golongan berpendapatan rendah sebahagian besarnya tidak menyediakan kemudahan awam yang diperlukan atau sepatutnya disediakan termasuk kemudahan pengangkutan, padang permainan, dewan serta kawasan untuk pembinaan rumah ibadat. Saya dengan segala hormatnya memohon kepada kerajaan supaya menyediakan peruntukan tambahan kepada agensi berkaitan supaya mereka boleh memastikan

bahawa keperluan awam, perumahan, golongan miskin tidak diabaikan atau dipinggirkan.

Isu kedua yang ingin saya nyatakan di sini adalah keperluan latihan kemahiran untuk remaja yang lemah dalam pendidikan, yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah dan miskin. Sekiranya mereka tidak diberikan latihan atau peluang alternatif, mereka mungkin akan terjebak dalam aktiviti anti-sosial kerana mereka mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif disebabkan kurang pemerhatian dan tekanan yang tinggi. Walaupun terdapat banyak institut latihan kemahiran kerajaan di negara kita tetapi institut-institut ini jarang mengenal pasti masalah golongan sasaran yang sebenarnya.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada kerajaan supaya menyediakan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Manusia untuk mengenal pasti pelajar-pelajar lemah yang berisiko tinggi di peringkat sekolah lagi dan menggalakkan mereka menyertai latihan kemahiran. Usaha ini bukan sahaja akan mengurangkan jumlah remaja yang terjebak dalam kegiatan jenayah, tetapi turut akan menyediakan pekerja mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh sektor industri pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon kepada kerajaan supaya menyediakan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya kementerian ini boleh menyediakan perkhidmatan yang lebih cemerlang bagi pelbagai masalah sosial yang menular dalam masyarakat kita. Lebih banyak program pembangunan sosial di peringkat keluarga dan masyarakat perlu diadakan bagi menangani masalah golongan ini. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi kerajaan menimbangkan kembali peruntukan yang disediakan untuk agensi ini terutamanya dalam masalah membasmi penagih dadah. Menetapkan agenda sosial hanya akan tercapai sekiranya agensi-agensi kerajaan bersatu dan berganding bahu secara menyeluruh.

Oleh yang demikian saya memohon kepada kerajaan supaya meningkatkan perbekalan perkhidmatan yang disediakan untuk agensi-agensi yang terlibat dalam usaha pembangunan sosial. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh.

4.11 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004, di mana akta ini memohon kebenaran mengeluarkan wang berjumlah RM18,988,403,497 mengikut Akta A1175 dan Akta A1203. Melihat kepada Jadual yang dibekalkan terdapat 14 buah kementerian yang memohon perbelanjaan tambahan dan pertamanya saya ingin menyentuh dengan Maksud B.34 iaitu Kementerian Kesihatan yang merupakan kementerian yang kedua terbanyak. Yang pertamanya ialah Kementerian Kewangan – RM17 bilion dan Kementerian Kesihatan memohon hampir RM529 juta.

Jadi daripada permohonan itu adalah untuk perbelanjaan kepada kempen TAK NAK! – Kempen Anti Merokok iaitu RM20 juta yang sasarannya ialah kepada remaja, kerana kita melihat kepada lingkungan umur yang ditunjukkan di situ ialah 15 tahun, 18 tahun. Dan kita melihat bahawa dalam Kempen Anti Merokok iaitu TAK NAK! Ini kita nampak ia merupakan satu kempen kerana ada *billboard* yang diletakkan di jalan-jalan dan saya rasa sepatutnya *billboards* ini juga diletakkan di tempat-tempat awam seperti tempat-tempat perkelahan, di pasar-pasar yang mana di sana terkumpul begitu ramai juga anak-anak muda kita, remaja-remaja kita.

Sehubungan dengan itu juga saya hendak mengetahui adakah berpadanan dengan diletakkan *billboards* ini sebagai satu usaha untuk mencegah remaja-remaja kita daripada merokok. Apakah tidak pendidikan kesihatan juga dilaksanakan supaya mesej anti merokok ini sampai kepada sasaran tadi. Yang ini saya lihat boleh kita laksanakan di Kementerian Kesihatan itu sendiri kerana ada unit Bergeraknya – Mobile Unit. Kalau kita gerakkan Mobile Unit, melihat kepada keperluan-keperluan semasa.

Katalah pada ketika ini kita gerakkan Kempen Anti Merokok, jadi Mobile Unit kita itu hendaklah bergerak ke tempat-tempat awam, memberi penerangan, penjelasan, membuat pameran dan sebagainya. Ini maknanya akan lebih berkesan kepada sasaran-sasaran kita. Dan kemudiannya Tuan Yang di-Pertua, dalam ...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Puan Safinah binti Jusoh: Sila.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin memberikan sedikit pandangan tentang kempen merokok yang diperkatakan oleh Yang Berhormat. Tidakkah Yang Berhormat memandang bahawa sebenarnya kempen merokok ini seolah-olah kita 'mencurahkan air ke daun keladi' kerana kita berusaha dengan *billboard* dan sebagainya tetapi perokok-perokok langsung tidak menampakkan keinsafan kepada mereka, sedangkan kerajaan buat kempen ini adalah untuk menjaga kesihatan mereka.

Selain dari itu Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kempen TAK NAK! Kepada rokok ini dimulakan di dalam kawasan Parlimen kita. *[Ketawa]* Dan kita mengharapkan kepada Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Parlimen, bermakna bermula daripada Dewan yang mulia ini, kita bawa ke kawasan kantin dan lobi Parlimen supaya ia merupakan satu kepimpinan ataupun contoh kepimpinan melalui teladan yang dibuat kepada pembuat-pembuat dasar kerajaan. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu isu yang *passionat* telah dengan izin, bagi saya, isu rokok ini dan saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, memang di Parlimen inilah sepatutnya dimulakan kempen-kempen tersebut. Dan sekurang-kurangnya bagi menghormati mereka yang tidak merokok itu Tuan Yang di-Pertua, kita adakanlah dalam kantin itu satu seksyen '*Non-Smoking Section*' dan '*Smoking Section*' dengan izin, supaya nampak kita ini ada memberi penghargaan kepada orang-orang yang tidak merokok. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih di atas pandangan dan juga pertanyaan daripada kedua-dua Yang Berhormat kita dan semuanya daripada wanita. Saya sangat setuju apabila disebut bahawa Kempen Anti Merokok ini, kita mulakan di peringkat yang tertinggi iaitu di Parlimen ini sendiri dan sangat-sangatlah kita minta supaya disegerakan. Dipisahkanlah tempat merokok dengan tempat yang tidak merokok, lebih-lebih lagi premis Parlimen ini sendiri pun premis yang berhawa dingin. Jadi merokok itu amatlah tidak bersesuaian di tempat yang berhawa dingin, nanti habis rokok-rokok dia melekat di pakaian kita. Kita yang tidak merokok pun terkesan dengan asap rokok.

Benarlah sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah tadi, iaitu pendidikan antimerokok ini memang kita seharusnya perembangkan pendidikannya. Mungkin daripada rumah sendiri – pendidikan daripada ibu bapa, contoh teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa merokok, sudah tentu anak tidak segan silu untuk merokok. Kita juga sebagai ibu bapa melihat kawan-kawan yang didekati oleh anak-anak kita melihat *peer groups ini* – kawan-kawan serakan ini kalau yang merokok, lama-kelamaan anak kita juga terheret untuk merokok.

Seterusnya dalam Kertas Perintah 15A Tahun 2004 iaitu nombor 24 tentang pembayaran untuk Maksud 34 iaitu yang pertama untuk pembayaran elaun bertugas atas panggilan. Yang kedua ialah tentang bayaran untuk elaun insentif klinik selepas waktu pejabat, yang mana kedua-dua bayaran ini sebelum daripada ini kita tidak pernah mendengarnya lagi. Bagi saya ini merupakan suatu pembaharuan dan ini akan memberikan satu rangsangan, satu motivasi kepada pegawai-pegawai perubatan kita supaya apabila ada *on-call* – panggilan untuk bertugas itu, hendaklah kita maknanya bersegera *attend*, bersegera untuk melayani pesakit-pesakit yang datang di masa luar daripada waktu pejabat atas dasar mereka ini datang kerana dalam keadaan kecemasan.

Sehubungan dengan klinik selepas waktu pejabat ini, adakah ianya dari segi pelaksanaannya adakah dilaksanakan dibuka diamalkan oleh semua klinik. OPD, di hospital dan di klinik-klinik di mukim-mukim ataupun di daerah-daerah. Itu saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, daripada itu ialah Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri yang berhubung dengan pengurusan polis yang permohonannya adalah sebanyak RM75 juta untuk emolumen.

Sehubungan dengan itu, saya sangat senang hati apabila dalam soalan lisan saya bertarikh pada 26 Julai 2004, dua hari yang lalu berhubung dengan kod peraturan pakaian Polis Diraja Malaysia (PDRM) 1954 untuk membenarkan pakaian menutup aurat kepada anggota polis wanita Islam. Jadi, di sini syabas saya ucapkan kepada pihak kementerian kerana telah meluluskan pakaian seragam polis wanita dengan pemakaian tudung dan pihak PDRM sedang dalam tindakan untuk melaksanakan keputusan ini.

Jadi ini adalah merupakan satu berita yang menggembirakan kepada anggota-anggota polis wanita Islam yang mempunyai kesedaran untuk mengamalkan tuntutan Islam tidak kiralah di mana sahaja mereka berada dan ketika mana sahaja mereka berada lebih-lebih lagi sewaktu menjalankan tugas. Cuma dalam perkara ini kita mengharapkan soal kebenaran diberikan kepada polis-polis wanita Islam ini untuk memakai tudung tidak dihalang oleh pegawai-pegawai atasan, oleh *immediate* bos mereka, Insya-Allah.

Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: *[Bangun]*

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Safinah. Saya tertarik tentang isu pakaian kepada kakitangan awam ini. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya peraturan yang begini bagus dikenakan kepada semua kakitangan awam yang beragama Islam khususnya sekali gus mendidik mereka ke arah menghayati ajaran Islam yang sebenar yang mengarahkan semua wanita Islam menutup aurat sebab ini adalah perkara hukum dalam Islam.

Sekiranya arahan ini diberi kepada semua kakitangan awam bukan sahaja yang beruniform tetapi juga kepada kakitangan yang lain dan kepada orang-orang yang bukan Islam supaya berpakaian sopan, sekali gus ini mengelakkan gangguan seksual di tempat kerja. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

Puan Safinah binti Jusoh: Saya berpandangan memang itulah yang sepatutnya menjadi tanggungjawab seseorang yang menganut agama Islam itu menyempurnakan tuntutan Islam iaitu menutup aurat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud P.14 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Adalah diberitahu di sini bahawa RM68 juta telah dipohon untuk perbelanjaan bagi melaksanakan program kebersihan untuk membendung mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit.

Di sini kita boleh menjimatkan perbelanjaan sebab di kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya kita ada Jawatankuasa Rukun Tetangga, Jiran Tetangga, JKK, Rela dan persatuan-persatuan perumahan itu sendiri. Apa kata kalau digabungkan tenaga-tenaga mereka ini digerakkan ada usaha daripada pihak-pihak ini untuk mengadakan kempen kesedaran menjaga kebersihan tempat-tempat tinggal, berusaha menjaga kebersihan dengan cara gotong-royong di mana sedikit-sebanyak

dengan cara tidak langsung juga selain daripada kawasan itu bersih ia juga dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum dan kenal-mengenal di antara jiran tetangga.

Walaupun begitu, saya minta penjelasan mengenai penyakit yang dihadapi. Apakah jenis penyakit yang memerlukan perbelanjaan sebanyak RM68 juta itu? Pada Kertas 15A Tahun 2004 juga pada nombor 28 iaitu Maksud P.44 Kementerian Penerangan yang mana di sini didapati bahawa hampir 83% iaitu RM38.2 juta diperlukan untuk membiayai bayaran sewa dan juga cukai perkhidmatan Telekom.

Jadi apa perkara yang disewakan, adakah ini atas sewa tunggakan dan sebagainya, saya minta penjelasan dan juga yang selebih itu adalah untuk sempena dengan Sukan SEA di Vietnam. Kementerian Penerangan membuat pembayaran, apakah tidak dapat di *cover* oleh syarikat-syarikat iklan dalam kita membuat liputan untuk Sukan SEA di Vietnam itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.45 dan juga B.07 saya nampak ada pertindihan Skim Latihan. Bagi B.45 Skim Latihan Graduan menelan belanja RM70 juta dan bagi B.07 ialah Program Peningkatan Kemahiran Siswazah juga adalah di bawah Skim Latihan Graduan sejak 2001. Jadi apakah ini tidak merupakan pertindihan kerja atau program dan kita lihat kita banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk memberi latihan dan juga kemahiran kepada siswazah-siswazah dan graduan-graduan kita membekalkan kepada mereka ini kemahiran-kemahiran dalam IT dan sebagainya.

Saya hendak tahu sejauh manakah selepas mereka ini mengikuti dan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran ini mengenai sifat-sifat *enterprising*, berani diri untuk memulakan sendiri apa-apa jenis perniagaan. Sekurang-kurangnya membuka *cyber cafe*, syarikat percetakan ataupun kedai-kedai alat tulis. Sebab saya bertemu dengan beberapa orang graduan kita yang sudah lama kita tidak bertemu dengan mereka dan apabila kita tanya di mana mereka ini, mengikuti Skim Sangkut katanya dan sekarang ini buat apa, dia kata sedang menunggu peluang untuk mengikuti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI).

Walaupun kita memberikan kepada mereka ini latihan-latihan dan dedahkan mereka ini dengan latihan-latihan tetapi masih lagi tertanam di hati mereka ini untuk menunggu peluang memasuki perjawatan di dalam kerajaan.

Jadi, cubalah di samping kita memberikan latihan kepada mereka juga kita mesti memberikan motivasi kepada mereka ini keberanian untuk berdikari. Cuba kita *set*, kita *establish* diri kita ini dalam bidang-bidang perniagaan sesuai dengan kemahiran yang diberikan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang boleh saya sumbangkan dalam membahaskan Perbekalan Tambahan Kedua ini dan dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Mansor dan diikuti oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Sila bersedia selepas ini.

4.31 ptg.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua (2003) 2004 ini menjurus kepada Perbelanjaan Mengurus dan sebahagian besarnya dibelanjakan kepada emolumen, latihan, imbuhan tambahan, peningkatan kemahiran dan bermacam-macam lagi. Ringkasnya dibelanjakan ke arah melicinkan lagi pergerakan jentera pelaksanaan kementerian-kementerian yang terlibat khususnya jentera kerajaan bagi keselesaan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya wang ini sebahagian besarnya telah pun dibelanjakan dengan baik dan sempurna mengikut perancangan. Tentulah harapan kita juga harapan rakyat sekian jumlah wang yang telah dibelanjakan itu akan membawa sekian jumlah juga pulangan hasilnya kepada rakyat jelata, sekurang-kurangnya dalam bentuk perkhidmatan yang dijangkakan dan yang diharapkan. Seperti jugalah bagi sesuatu pelaburan yang sentiasa diharapkan akan mendatangkan keuntungan, begitulah harapan rakyat apabila wang mereka dilaburkan menerusi agennya iaitu pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk menyentuh kesemua kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini, tetapi memadai bagi saya menyatakan sesuatu bagi kementerian-kementerian yang ada hubung kait secara langsung dengan keperluan asas rakyat untuk kita kongsi bersama seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kementerian-kementerian ini

berkait rapat dengan keperluan asas rakyat iaitu kesihatan, keselamatan dan keselesaan. Kementerian-kementerian lain pun penting juga, bukannya tak penting kepada rakyat kerana semuanya juga ada kait mengait. Kalau disebut sekalipun kita tidak akan dapat, kalau saya sentuh semua kementerian pun barangkali kita tidak akan dapat mendengar jawapannya kerana yang akan menggulung perbahasan kita ini hanya satu kementerian sahaja iaitu Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahului dengan Kementerian Kesihatan, bagi Maksud B.34 iaitu di antara penerima tambahan yang agak besar juga jumlahnya, iaitu RM528.862 juta semata-mata untuk elaun dan Kempen Anti Merokok. Tetapi saya tak sebutlah pasal anti merokok itu dahulu, taruh belakang. Dengan jumlah yang agak besar itu tentulah kita mengharapkan tambahan sumbangan khidmat yang cukup, yang baik dan yang memuaskan. Mungkin juga dengan elaun-elaun yang ada itu akan dapat memberi rangsangan dan komitmen kepada para doktor, kakitangan dan sebagainya yang bilangan mereka di kementerian ini sememangnya kurang untuk menangani masalah pesakit yang semakin ramai hari ini.

Rakyat negara kita bertambah dari tahun ke tahun, tidak termasuk pendatang asing dengan izin ataupun tanpa izin yang jumlahnya berjuta juga. Tetapi walaupun jumlah pesakit pun kian bertambah dengan pertambahan penduduk itu tadi, namun bilangan anggota kakitangan dan doktor di kementerian ini tidak bertambah mengikut nisbah pertambahan jumlah pesakit-pesakit itu. Makanya hari ini bermacam-macam rupa virus yang melanda rakyat negara kita menjadikan bilangan kadar pesakit bertambah lebih ramai dari dahulu. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan kekurangan jumlah hospital awam yang benar-benar diperlukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham hospital tidak termasuk dalam peruntukan ini kerana ianya di bawah Anggaran Pembangunan, tetapi Kementerian Kewangan ambillah perhatian. Apabila Kementerian Kesihatan mengusulkan untuk pertambahan hospital di seluruh negara. Rata-rata kini hospital awam yang ada di negara kita sudah tidak selesa lagi, sudah tidak lagi sesuai untuk diduduki dengan baik. Bukan sahaja kekurangan prasarananya yang terdapat di hospital-hospital, suasana *condusive*, dengan izin, yang boleh mengubat jiwa pesakit, bahkan tempatnya sudah menjadi sempit dan terhimpit. Wad-wad yang sepatutnya boleh menampung sekian jumlah pesakit, kini terpaksa menampung jumlah hampir dua kali ganda ramainya dari keadaan yang sebenar, yang boleh ianya menampung. Ruang legar, ruang laluan,

sudut dinding kesemuanya diisi dengan katil-katil tambahan. Ini tidak selesa bukan sahaja kepada pesakit, malahan kepada anggota kakitangan hospital dan doktor-doktor itu untuk menjalankan tugas mereka.

Bangunan hospital yang sedia ada tidak dapat lagi untuk diperbesarkan. Mungkin ada halangan dan kekurangan kawasan, luas kawasan dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama apabila kita tidak dapat memperbesarkan hospital yang sedia ada, hospital-hospital baru pula tidak dapat dibina, sedangkan rakyat dan yang tak rakyat semakin bertambah ramainya di kawasan itu dan kawasan persekitaran yang tidak ada hospital awam, dalam masa yang sama jumlah para doktor dan kakitangan pun kurang. Kekurangan itu berlaku sama ada mereka meninggalkan perkhidmatan ataupun pengambilan yang baru terlalu perlahan, atas sebab-sebab yang kita tidak faham.

Kalau keadaan begini berterusan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bayangkan bagaimana dalam keadaan tempoh sepuluh tahun lagi. Ada daerah dan bandar-bandar baru dengan mempunyai kependudukannya yang sepatutnya layak dibina sebuah hospital awam di kawasan itu, tidak juga dibina hospital. Kita ambil satu contoh yang hampir dengan kita, iaitu Bandaraya Shah Alam yang dikatakan bandar raya bestari. Ribuan bilangan kilang besar, sederhana, kecil dan kilang-kilang *backyard*, dengan izin, terdapat di kawasan itu. Ratusan ribu penduduk, penuntut institusi pengajian tinggi, pendatang asing yang dengan izin dan tanpa izin sudah berpuluh tahun kawasan ini dibangunkan tetapi masih juga sehingga hari ini tidak mempunyai hospital awam.

Walaupun terdapat hospital swasta dua atau tiga yang begitu canggih di kawasan Shah Alam ini, tetapi saya tidak fikir ia dapat dikunjungi oleh penduduk-penduduk yang rata-rata saya ambil kira lebih kurang 70% daripadanya berpendapatan rendah dan sederhana.

Namun demikian saya tidak nafikan di kawasan Shah Alam ini mempunyai Pusat Kesihatan Kecil. Pusat Kesihatan Kecil memanglah ada, tetapi hanyalah mampu untuk menampung mereka yang membuat lawatan untuk sakit-sakit ringan yang tidak perlu menghadapi rawatan yang lebih lanjut.

Hospital swasta yang ada kalau kita ambil contohnya, saya sendirilah pernah duduk untuk dirawat selama lima hari, ambillah bilik yang sederhana kerana barangkali

saya tidak mampu, itu pun bilnya selepas lima hari saya kena membayar lebih kurang RM3,500.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa masalah Yang Berhormat Datuk ini?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Apa masalah Yang Berhormat Datuk masuk hospital ini?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Adalah sedikit, Tuhan berikan saya barangkali untuk kesedaran. Saya terima itu sebagai satu nikmat. Jadi, apa yang cuba saya bayangkan, keperluan hospital begitu mendadak, itu saya cerita pasal Shah Alam. Barangkali banyak bandar lain dan kawasan-kawasan lain kalau hendak dikira macam Shah Alam begitu ramai penduduknya, yang ada hospital awamnya yang paling dekat ialah Klang.

Kalau hendak pergi ke Klang barangkali daripada Shah Alam, tengok keadaan. Ia boleh mengambil masa daripada 20 minit ke satu jam. Nasib tidak baik, satu jam. Nasib baik 20 minit. Kalau isteri yang mengandung hendak bersalin, barangkali takut dia bersalin dalam kereta. Itulah keadaannya.

Yang paling hampir lagi ialah di Petaling Jaya. Inilah saya rasa yang selalu kita harapkan, yang selalu rakyat harapkan, satu keselesaan yang perlu kita sediakan sebagai kerajaan ialah tempat untuk mereka kunjungi apabila ditimpa malang dan sakit.

Saya ingin mencadangkan untuk jangka pendek, kalau ada lagi anggaran tambahan mengurus dan pembangunan, walaupun kita tidak membincangkan anggaran tambahan pembangunan supaya digunakan untuk meramaikan lagi para doktor, para kakitangan untuk mengendalikan bukan sahaja hospital-hospital yang akan dibina, mungkin dibina dalam tempoh masa yang agak lambat lagi barangkali, saya tidak tahu tetapi meramaikan para doktor ini dan kakitangan perubatan di pusat-pusat kesihatan kecil yang sepatutnya dapat dibina dengan lebih banyak lagi. Ia akan dapat membantu kesesakan pesakit-pesakit luar ini daripada mengasak dan mendesak di hospital-hospital seperti Klang.

Ini perkara nyata, boleh kita lihat hari ini kalau kita pergi ke Hospital Klang dan dalam hal yang sama, saya pun tidak tahu banyak yang kita telah dengar seperti yang saya katakan tadi, virus-virus yang melanda negara hari ini sama ada ia dibawa oleh orang lain, orang luar ataupun ia sudah menjadi satu *cycle*, dengan izin ia akan

datang kembali seperti penyakit batuk kering yang sudah lama kita tidak dengar dan penyakit-penyakit merebak yang lain, penyakit-penyakit berjangkit yang merebak. Ertinya, diberikan tumpuan dan keutamaan kepada perkara-perkara kesihatan kerana rakyat yang sihat akan dapat menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali seperti yang saya katakan keadaan kekurangan doktor dan para anggota kakitangan perubatan ini didapati begitu banyak yang diperlukan di seluruh negara, di antara yang harus kita lihat dan harus diberikan tekanan oleh pihak kerajaan ialah untuk meramaikan mereka ini lagi supaya dapat memberi perkhidmatan yang *first class*, dengan izin kepada rakyat. Dengan prasarana, keadaan dan suasana yang ada dikatakan *first class facility* dalam negara kita, tetapi ada sedikit kekurangan di sini dan di sana yang harus kita berikan perhatian.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkata dengan adanya anggaran perbelanjaan tambahan yang diperuntukkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang berupa *emolument*, imbuhan, elaun tambahan dan sebagainya akan dapat memberikan satu pulangan seperti yang diharapkan juga oleh semua pihak dari segi perkhidmatan yang akan diberikan oleh kakitangan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, khususnya kita bercakap pasal Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Memanglah segala yang dilakukan itu untuk kita mendapatkan satu pulangan yang baik dan kita berharap demikian tetapi dalam masa yang sama, kita melihat kerana kita tidak ada mempunyai kandungan yang khusus baginya apakah imbuhan perbelanjaan, imbuhan tambahan, elaun tambahan untuk siapa? Sebab di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini bukan hanya Polis Diraja Malaysia, ada jabatan-jabatan lain, tetapi hari ini apa yang kita perkatakan, banyak yang telah diperkatakan ialah berkenaan dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Memanglah tidak dinafikan di dalam satu organisasi yang besar walaupun dipanggil profesional memang terdapat beberapa 'kambing hitam', beberapa orang yang 'kelapa busuk' memang kita tidak dapat nafikan. Tetapi kita mengharapkan sesuatu dapat dilakukan bersama bukan hanya oleh kerajaan, ia harus dikongsi bersama oleh rakyat. Bukanlah semua tohmahan, penudingan jari itu ditujukan kepada

satu pihak sahaja. Untuk kita mencapai satu keadaan, untuk mendapat satu pasukan yang berwibawa dan baik ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Kita ingin mengubah sikap anggota-anggota pasukan, kita ingin mengubah keadaan dengan tertubuhnya Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Pasukan Polis Diraja Malaysia. Mungkin dengan segala cadangan, pandangan dan juga aduan, pembedaan yang akan dilakukan, akan dapat mengubah keadaan dan suasana pasukan itu sendiri. Tetapi adakah ia akan berjaya hanya apabila kita mengubah sikap di satu bahagian sahaja.

Maksud saya perubahan sikap itu bukan hanya menjadi tanggungjawab satu pihak untuk kita mendapat kejayaan, untuk kita memikirkan, merasakan keselamatan dalam negara ini, perubahan sikap itu harus berlaku, keseluruhannya daripada segi sikap pihak kerajaannya sendiri, jabatannya, anggotanya terus kepada rakyat.

Kalau kita mengubah sikap satu pihak sahaja, pihak yang lain kita tidak ubah sikapnya barangkali kita menyelesaikan masalah ini untuk jangka masa pendek sahaja tetapi tidak jangka panjang. Sebab itu saya selalu mengatakan dalam hal kita mahu keadaan pembaikpulihan pasukan polis ini kita melihatnya secara menyeluruh, memanglah Suruhanjaya Diraja Pembaikpulihan Pasukan Polis ini mendengar pandangan semua pihak. Menemu duga, berjumpa dan menimbang segala cadangan dan pandangan yang diberikan, tetapi kadang-kadang kita kena fikir juga bahawa sanya pasukan itu sendiri, anggota itu sendiri mempunyai satu skop yang kadang-kadang kita tidak dapat hendak mendengarnya kerana adanya barangkali didikan itu sendiri yang tidak akan meluahkan segala-galanya, jadi kita tidak dapat.

Sebab itu saya kata baiklah, kita dengar semua pandangan, kita ambil semua cadangan daripada semua pihak, tetapi kita ambil kira juga dalam hal yang sama kita harus memikirkan rakyat juga perlu berubah. Kerana saya selalu berkata bahawa sanya polis dan rakyat itu polis hak rakyat, rakyat itu hak polis, bersama-sama bekerja. Polis itu kepunyaan rakyat, rakyat itu tanggungjawab polis. Kalau ada kerjasama dalam semua hal ini, insya-Allah, kita akan mendapat satu keadaan dan suasana yang lebih *conducive* dan lebih maju dan lebih berjaya untuk kita terus menjana pembangunan negara kita.

Jadi takkanlah hanya kerana ada sedikit tambahan yang diperuntukkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini kita akan mengharapkan perkara-perkara yang selalu dipertuduhkan kepada polis akan tidak berlaku lagi, polis akan menjadi

lebih baik, lebih bagus. Jadi, saya rasa dalam hal ini kita harus ambil kira banyak faktor. Jadi, bahagian ini saya rasa cukuplah setakat itu sahaja yang barangkali ada kaitan dengan saya.

Kemudian saya hendak pergi kepada Kementerian Perumahan ini bagi Maksud B.14 yang diperuntukkan RM68.440 juta bagi Kebersihan, Membendung Merebaknya Penyakit Yang Berjangkit dan sebagainya khusus kepada emolumen juga ataupun elaun tambahan, imbuhan tambahan dan sebagainya iaitu untuk menguruskan.

Berkait rapat dengan perkara kesihatan yang saya sebutkan sebentar tadi, tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga ada hubung kaitnya, sekurang-kurangnya kalau saya ambil satu bahagian sahaja daripadanya ialah mengenai kebersihan.

Kementerian Perumahan bertanggungjawab kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Perbandaran, kalau kita ambil subjek kebersihan memang luas, tetapi saya hendak ambil satu sahaja daripada yang banyak segi kebersihan ini, saya hendak ambil pasal tandas sahaja, tandas awam. Ini amat mendukacitakan kita, tandas-tandas awam di bawah pengawalan, di bawah pengawasan Majlis Tempatan atau Majlis Daerah atau Perbandaran sangat mendukacitakan.

Saya tidak tahu kenapa. Kalau hendak katakan peruntukan untuknya bagi menentukan kebersihan itu saya rasa itu tidak menjadi masalah. Kalau kita hendak katakan dari segi kakitangannya pun barangkali pun tidak ada masalah sebab kebanyakan tandas-tandas awam ini walaupun di bawah kawalan, kawal selia Majlis-majlis Daerah, Majlis Tempatan atau Perbandaran, selalunya diberikan tender, kontrak untuk orang luar mencuci itu.

Tetapi kalau kita pergi di merata tempat kebanyakan, janganlah datang pagi-pagi, pagi-pagi barangkali dia bersih, kita datang agak pukul 10.00 atau pukul 12.00, kita tengok keadaan, amat menjijikkan. Bukan sahaja menjijikkan kepada kita yang boleh mendatangkan penyakit, ianya juga memalukan lebih-lebih lagi dengan kita menerima berjuta pelancong setiap tahun. Kalau kita biarkan pelancong-pelancong banyak yang kita bercakap, selalunya perkara yang tidak lupa tidak tinggal daripada kata-kata pelancong ialah kebersihan tandas awam, saya tidak tahu kenapa tidak dibuat, tidak boleh dibuat.

Kalau kita lihat, kalau kita berjalan daripada utara ke selatan, selatan ke utara mengikut *highway* PLUS, kita akan jumpa banyak pusat, banyak tempat R&R, Rawat

dan Rehat (*Rest and Recreation*) dan kalau kita lihat tandas-tandas di R&R ini, saya rasa kita boleh duduk minum kopi bersempang di dalam tandas-tandas itu kerana bersihnya tandas-tandas itu.

Kenapa mereka boleh *maintain*, macam mana mereka menyelenggarakan. Ianya juga tandas awam tetapi saya amat, dengan izin, amat *impress* dengan kebersihan tandas-tandas awam di sepanjang lebuh raya ini. Ianya tidak, katakanlah peralatannya tidaklah begitu canggih, ianya menggunakan alat-alat yang tradisional, menggunakan manusia juga untuk membersihkannya.

Memang budaya kita di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bila ke jamban itu budaya basah, tidak macam setengah-setengah negara di sebelah Barat, tandas itu ialah budaya kering pada mereka, semua main sapu-sapu; kita tidak, dia kena cebok-cebok, ia budaya basah. Kalau budaya basah tidak boleh tidak kita harus menggunakan tenaga manusia juga dan kita mempunyai banyak tenaga manusia. Ini satu perkara yang sepatutnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil kira secara serius kerana ia ada hubung kait kepada ekonomi negara dengan menerima jutaan pelancong setiap tahun.

Sebab itu banyaklah barangkali eksperimen yang dijalankan untuk membawa tandas awam yang diletakkan di tengah pekan yang boleh dimasukkan wang siling untuk dia beroperasi, berfungsi. Kadang-kadang bila masuk ke dalam itu masukkan wang siling, buka pintunya dia ada nyanyi-nyanyi dulu dalam itu, seronok hendak buang air, ada berbunyi muzik, lepas itu kita keluar dia pun siram sendiri.

Tetapi malangnya rakyat kita sikapnya masih tidak berubah, vandalisme itu adalah satu keseronokan, paling lama boleh tahan tandas awam seperti itu barangkali satu bulan, dua bulan. Selepas itu ianya akan menjadi gajah putih, memang tidak boleh jadi. Kalau di sebelah Eropah kita lihat bandar-bandar besar jamban-jamban, minta maaf, tandas-tandas awam seperti ini amat popular.

Saya pun kadang-kadang seronok masuk dua tiga kali saya masuk kerana lagunya itu sedap didengar. Tidak apalah saya berbelanja 20 pound kalau dekat London, masuk dia buka sahaja pintu, dia ada muzik dahulu, dia menyanyi dahulu. Dia basuhkan dahulu tempat itu, kita pun buang air, selepas itu nanti dia siram sendiri, selepas sekiranya rasa hendak mendengar lagunya sekali lagi masuk semula, tidak membuang air pun tidak mengapa, hendak mendengar lagu sahaja. Begitu

seronoknya tetapi tandas-tandas awam ini dipelihara, dijaga, dikawal bersama oleh rakyat.

Jadi, berbalik kepada negara kita ini, yang penting saya katakan tadi kebersihan tandas awam, kita lupakan apa yang kita hendak bawa daripada luar untuk diletakkan di tengah bandar, buat bangunan-bangunan yang statik, yang tidak boleh hendak disepak, diterajang oleh vandalisme ini sampai dia tumbang. Kalau bangunan batu itu susahlah sedikit, paling tidak pun, paling buruk pun diconteng-conteng tidak mengapalah. Tetapi kadar pembersihannya haruslah dilakukan secara manual juga untuk kita mendapatkan kepastian bahawasanya ianya bersih dan betul-betul bersih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Mengenai dengan perkara kebersihan tandas ini, saya teringat cerita anak saya Datuk, bagaimana dia tahan hendak membuang air di sekolah, kerana keadaan tandasnya yang begitu menjijikkan. Jadi, apa pandangan Datuk kalau kebersihan tandas ini kita mulakan di sekolah, tandas di sekolah itu kena bersih, kena jaga dahulu. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya setuju, barangkali kita kena rotan dahulu Guru Besarnya dengan Pengerusi PIBG. Kerana kalau sekiranya ianya dilakukan tentulah Pengerusi PIBG dan pentadbiran sekolah itu iaitu Pengetuanya akan mengambil berat. Saya amat bersetuju, saya belum sampai hendak ke sekolah itu tadi, tetapi Yang Berhormat sudah bangkitkan, memang saya katakan. Itu kita bercerita tentang tandas awam di bandar, di pekan. Maka saya sebenarnya hendak sampai ke situ, ke sekolah ini, barangkali minta maaf bercakap, saya tidak pergi ke semua sekolah tetapi saya ambil *sampling* beberapa sekolah yang saya pergi tidak ada satu sekolah pun yang mempunyai tandas yang diselenggarakan dengan sempurna.

Kalau dari sekolah lagi sudah bermula macam itulah perangainya, jangan salahkan murid, kita kena salahkan pendidik-pendidik di situ, tidak mendidik murid-muridnya untuk menjaga bersama-sama menggunakan tandas itu dengan baik dan dengan disiplin yang betul., supaya apabila dia besar dia akan membawa disiplin itu bersama ke alam maya, untuk mereka mempraktikkannya. Tetapi itulah masalahnya,

kadang-kadang kita cakap macam ini banyak yang berfikir, ah! Ini perkara remeh, perkara kecil, tidak perlu kita mengambil satu sikap keseriusan perkara ini. Tetapi pendidikan yang kita lakukan, makanya tahun demi tahun murid-murid yang keluar sudah bertambah besar itu akan membawa budaya yang sama daripada sekolahnya ke alam nyata, alam dewasanya.

Selepas itu kita hendak salahkan siapa? Di dalam tandas sekolah itu sendiri kita akan melihat pelbagai dan bermacam-macam lukisan, lukisan yang indah, lukisan yang baik, lukisan yang berguna, lukisan yang lucu. Jadi, macam mana, inilah yang hendak dikatakan, kalau kita tidak bermula dari rumah bagaimana kita mahu melaksanakan, hendak menjaga sebuah negara. Itulah sebabnya kaitannya balik kepada perubahan sikap, tidak dapat kita hendak membendung, membentuk keadaan mereka yang sudah tua-tua ini. Dia tidak boleh hendak menerima lagi, macam Yang Berhormat sahabat saya tadilah yang anti merokok tadi, sudah tua-tua dah, suruh jangan merokok..

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat Datuk berkenaan dengan kebersihan tandas di sekolah itu, saya juga bertanya kepada Pengetua sekolah, dia cakap tandas mereka itu boleh menjadi bersih dan bil airnya akan menjadi sangat besar yang melebihi apa yang diberikan oleh kerajaan. Ini adalah kerana peruntukan kerajaan itu untuk bil-bil air untuk menjaga kebersihan itu adakah mencukupi ataupun itu adalah salah satu sebab untuk menjaga tandas supaya bersih. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Kadar bayaran air di sekolah-sekolah tidak serupa dengan di rumah, ia rendah tetapi itu kita tidak boleh menjadikan alasan. Kalau ianya tidak cukup minta, kalau tidak dapat cari cara lain. Itu sebab saya kaitkan tadi, kalau kita hendak rotan bukan sahaja Pengetua itu kita rotan, kita rotan Pengerusi PIBG. Itu sebab kaitannya, kedua-dua ini harus dipertanggungjawabkan, Pengerusi PIBG mewakili semua ibu bapa, anak-anak yang bersekolah di situ. Kalau dia tidak dapat untuk menggembelng tenaga seluruh ibu bapa di sekolah itu tidak usah menjadi Pengerusi PIBG jawatan..

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta maaf mengganggu sedikit sahabat saya Datuk Mansor. Oleh kerana saya pun tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat di atas sikap orang Malaysia dan saya percaya sikap ini bukan sahaja di tandas awam tetapi sikap ini pun kurang memuaskan di beberapa tempat lain, di mana harta awam ataupun *public property*, dengan izin dijamin seperti telefon awam ataupun barang-barang hiasan di taman-taman rekreasi, alat-alat permainan kanak-kanak dan sebagainya. Apa komen Yang Berhormat Datuk.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita ada Timbalan Menteri Kewangan Kedua yang hadir bersama-sama mendengar. Sekurang-kurangnya ianya akan masuk dalam ingatannya, lain kali kalau semua hendak menghantar bajet itu, hendak menghantar *proposal* semua itu dia akan teringat, ini kebersihan sikap macam manakah, apa hendak buat, pihak kementerian lain kata macam mana Tan Sri duit tidak cukup, tidak apa, kita tambah. Itu yang kita harapkan beliau sendiri yang mendengar. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. tadi itu saya bersetuju, tetapi sebelum saya pergi kepada Yang Berhormat Dr. saya hendak menghabiskan komen fasal duit bil air tadi.

Saya tidak percaya alasan tandas di sekolah itu tidak bersih kerana takut membelanjakan wang banyak kerana menggunakan air untuk membersihkan. Kerana itu pun bukan satu alasan untuk tidak membersihkan tandas. Ianya lebih kepada sikap keprihatinan pendidik-pendidik itu sendiri, siapa yang hendak dipertanggungjawabkan, siapa yang akan bertanggungjawab untuk pergi menyelia, mengawal, memeriksa tandas-tandas ini barangkali sejam sekali, tidak ada. Barangkali kerja itu hina untuk ..

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sekejap, sekejap sahaja. Barangkali kerja untuk pergi memeriksa kebersihan tandas sejam sekali oleh seorang guru yang diarah barangkali rasanya hina untuk melakukannya, kerana dia guru, dia pendidik. Siapa yang di harapkannya tukang kebun. Tukang kebun hendak pergi mesin rumput, hendak pergi memotong pokok, tetapi tukang kebun juga disuruh pergi membersihkan tandas.

Tuan Osman bin Bungsu: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Nanti kejap, minta maaf. Jadi pendeknya, ringkasnya, saya rasa itu bukan alasan tetapi lebih kepada sikap. Ini kita cerita dua sahaja sikap.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: [*Bangun*]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sekejap Yang Berhormat, sekejap, saya jawab dahulu yang Yang Berhormat Dr. ini. Sikap di sekolah ya, sekarang sikap di tempat awam, sikap rakyat kita hari ini. Kenapa ia jadi begitu hari ini, kita tidak tahu. Ini yang perlu kita perhati, kita lihat, kita kaji, macam mana kita mahu mengubah sikap ini. Saya pernah bercakap dengan seorang aktivis masyarakat yang terkenal, Yang Berbahagia Tan Sri Lee Lam Thye.

Apabila saya duduk bersebelahan dengannya ketika perasmian Maktab Polis di Cheras, dia bercakap dengan saya, dia kata, "Datuk macam mana sekarang rakyat kita". Ayat yang sama ini juga digunakannya apabila dia *appeared* dalam rancangan isu di TV Malaysia baru-baru ini. Kenapa rakyat kita hari ini banyak yang menjadi tidak penyabar, banyak yang sikap ganas, banyak yang tidak macam dahulu, tidak ada sopan santun lagi? Kenapa jadi macam ini? Dia tanya saya.

Saya kata, "Maaflah, saya tidak ada berkelulusan untuk mengenal pasti kenapa ia jadi begitu". Tetapi, saya kata, kemungkinan, oleh kerana kemajuan begitu bagus di negara kita dengan pemakanan yang baik dan di dalam pemakanan-pemakanan itu begitu banyak *additives* yang dicampurkan menjadikan kita ini begitu ganas hari ini. Tidak tahulah. Kita tidak makan pucuk kayu lagi sudah, macam dahulu-dahulu. Saya katalah, begitukan.

"Yalah", dia kata, kalau dia naik kereta, dia hendak masuk kiri, dia tidak payah bagi signal, dia masuk, *Chewww* dia masuk begitu sahaja. Hendak masuk kanan, dia masuk kanan, lampu merah dia lepas sahaja, katanya, begitulah. Apa yang dikatakan oleh Tan Sri Lee Lam Thye itu memang benar, saya sendiri melihatnya. Kadang-kadang kita ikut satu kereta daripada belakang, kita ingat dia jalan terus juga, rupanya dia hendak masuk ke kiri. Kita pun menjajar-jajar dibuatnya di belakang. Ha! Inilah keadaannya.

Begitu juga lampu merah. Sampaikan ada orang yang mengatakan kepada saya, dia kata, "Barangkali Datuk kena bawa ke dalam Dewan ini untuk diluluskan undang-undang supaya kereta-kereta tidak payah pakai *signal light* sudah." Orang tidak pakai *signal light* ini. Dengan tidak adanya *signal light* itu mungkin harga kereta

lebih murah sedikit. Ha! Sampai macam itu. Ramailah rakyat ini sudah jadi bosan dengan keadaan.

Manusia yang membuat kereta ini, dia tidak pakai *signal light* sudah, dia hendak masuk kiri, masuk kiri, masuk kanan, masuk kanan. Dan, katanya, "Kenapa kita hendak berbelanja begitu banyak wang dengan *traffic lights* yang ada di jalan ini. Kalau tidak ada *traffic light* kan baik". Saya kata, "Nanti *accident*." "Mana ada *accident* kalau tidak ada *traffic light*. Semua berhati-hati, bila sampai simpang itu, pembawa kereta semua berhati-hati. Dia tengok kiri, dia tengok kanan, tidak ada baru dia jalan. Lagi baik." Katanya. "Kerajaan selamat duit, tidak ada bayar *traffic light*."

Kadang-kadang saya fikir, ia juga, jarang yang saya lihat *accidents* yang berlaku di kawasan-kawasan yang ada *traffic light* tetapi *traffic light* itu tidak berfungsi kerana semua orang berhati-hati. Tetapi, perkaranya, perkara yang saya hendak sebut di sini ialah berbalik kepada sikap manusia. Saya sebenarnya ada *target* saya kepada Menteri Kewangan ini. Apakah yang harus dilakukan oleh kerajaan? Perbelanjaan yang semacam mana yang kita harus belanjakan? Dari segi *giganticnya* untuk kita melakukan satu perubahan sikap, bukan perubahan minda, dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta kita semua mengadakan satu perubahan minda. Saya sekarang ini perubahan sikap, berbalik kepada sopan santun yang kita nikmati selama ini.

Memang benar hari ini, sebab itu banyaknya berlaku kes rogol, kes gengsterisme di sekolah-sekolah, pukul-memukul, ugut-mengugut, macam-macam, ini semua berbalik kepada sikap. Itulah barangkali. Saya bukan pakar dalam hal ini, tetapi saya memikirkan kementerian manakah yang harus dituju. Tetapi oleh kerana orang yang memegang duit itu ada di sini, kita bercakap pada orang yang memegang duit ini, barangkali dia ada idea untuk diberikan satu pandangan. Bagaimana?

Kita ada kementerian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, betul ada, tetapi adakah ia akan dapat menyampaikan hasrat rakyat yang begitu banyak yang inginkan kedamaian, kemakmuran, keselamatan, keselesaan, kesejahteraan. Ya, siapa itu tadi?

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan saya bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Mansor tentang kebersihan di sekolah ini. Kita melihat sebuah sekolah sekarang ini sudah dibina tiga

tingkat dengan tandas yang kecil dan juga ke bawah. Untuk membersihkan tandas ini memerlukan kerjasama yang begitu erat, kalaulah ini dibebankan kepada cikgu, yang kita tahu cikgu mengajar pun sudah sempit, dengan pelbagai kurikulum akademi, kurikulumnya lagi, hendak diberi tugas menjagakan tandas yang budak-budak datang daripada rumah, rumah sendiri tidak bersih tandasnya, macam mana tidak dibawa ke sekolah. Sekolah mendidik dia bukan sahaja di tandas, sampai hendak basuh berak pun kalau budak sekolah rendah, cikgu yang tukang basuh. Jadi, apa yang jadi puncanya, Yang Berhormat?

Jadi, pada saya, kita melihat budak satu sekolah sampai 2,000, pekerja sekolah kerjanya mengerjakan kawasan sekolah, tetapi yang mengusahakan, membersihkan tandas tidak ada. Cuba Yang Berhormat lihat kalau kita pergi lebuhraya, kenapa bersih, kenapa kerjanya 24 *hours* bekerja, adakah cikgu hendak kerja membersihkan tandas di sekolah.

Saya rasa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah ada di sini, wujudkanlah jawatan khusus untuk di sekolah pekerja membersihkan tandas. Saya rasa dalam hal ini, sekolah boleh bersih, bukan tidak boleh. Dalam program PSC, Program Sekolah Cemerlang, di mana setiap pengetua diberi tugas menjadi nazir, nazir tidak banyak kerja lagi – memantau, pergi sekolah ke sekolah. Bila program ini, sekolah bersih kerana akan dilawati oleh pengetua-pengetua, sekolah bersih, tandasnya pun bersih.

Saya sebagai Ahli Jawatankuasa dahulu, saya melihat, kita boleh duduk dengan pewangnya, siap dengan sabunya. Ada. Tetapi selepas program ini, cuba kita lihat. Jadi, saya berharap, cadangan saya adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju jika sekolah yang muridnya lebih seribu orang perlu diwujudkan pegawai ataupun pekerja pencuci tandas ini, khas untuk mencuci tandas. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, ini bekas guru. Saya tidak kata suruh guru besar basuh dan saya tidak kata guru pun basuh, tetapi sebagai pentadbir dia harus memahami dan mengetahui apakah langkah-langkah yang harus dilakukan. Itu yang saya kata. Cadangan Yang Berhormat itu kenalah. Saya sebenarnya hendak 'kenen' begitu jugalah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Boleh saya habiskan sedikit, kalau tidak habis nanti saya – sudah tua-tua ini lupa. Jadi, cadangan Yang Berhormat itu begitulah. Sebagai pentadbir, guru besar, kalau difikirkan perlu adanya kakitangan dia harus membuatkan di dalam bajet yang dipohon itu, satu peruntukan, tidak ada jawatan itu kerana adanya kekangan dan sebagainya, apakah harus dilakukan sebagai seorang pengetua, sebagai seorang pentadbir, apa yang harus dia lakukan. Itu yang hendak dibincangkan dengan PIBG. Barangkali ada caranya untuk mengutip sedikit bayaran atau apa dari mana, untuk menggaji orang untuk mencucinya.

Yang saya suruh cikgu buat tadi itu ialah sekurang-kurangnya pergilah melawat sekali-sekali ke tandas itu untuk mengetahui keadaan, itu yang saya suruh. Saya tidak suruh cikgu bawa penyapu, mop – pergi mop, begitu sudah melampaulah bukanlah guru lagi namanya. Tidaklah begitu pula kita hendak lakukan kepada guru, kita mengetahui dia kesusahan dan kepayahan.

Tetapi pandangan dan cadangan itu tadi untuk memasukkan dalam peruntukan kakitangan itu tadi selain daripada tukang kebun. Kalau muridnya ada sekian ramai maka dia layak untuk mendapat sekian ramai pekerja penyelenggaraan.

Begitu juga apabila kita hendak mereka bentuk sekolah-sekolah sekarang, yang kita fikirkan jamban, tandas itu kedudukannya hanya di tingkat bawah sahaja. Ada sekolah yang setinggi tiga tingkat, empat tingkat hendak suruh murid turun dari tingkat empat untuk pergi turun buang air, sampai di tingkat dua sudah bertabur di situ, sudah tidak sempat hendak sampai ke jamban lagi. Betul, maka itulah sekarang ini kebanyakan kita bila dikata, “Kenapa buat sekolah macam ini?” “Oh, ini *standard plan*, semua sekolah kerajaan macam ini.” Okeylah, tetapi berilah peluang untuk kita memberikan komen dan komen kita hari ini ialah semua bangunan yang setinggi empat tingkat harus juga mempunyai peruntukan tandas di sebelah atas. Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan, cuma *mood* itu sudah tidak ada bila beberapa kali minta laluan tidak diberi peluang. Yang Berhormat Datuk, mungkin Datuk bercerita tentang tandas sekolah beberapa tahun yang lalu kerana hari ini kementerian cukup peka tentang masalah tandas sekolah. Bukan saya hendak jawab bagi pihak kementerian tetapi sebenarnya kalau di Kluang, di kawasan sayalah, 90 peratus keadaan tandas sekolah

itu gerenti terbaik, lebih bersih daripada hotel lima bintang. Ha, kalau tidak percaya saya boleh bawalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cuma yang saya hendak suarakan di sini tentang tandas-tandas awam. Ini yang paling penting. Tandas awam bukan tandas awam milik PLUS sebab tandas milik PLUS nampaknya alhamdulillah bersih, tetapi milik PBT. Sekarang ini dalam tempoh yang diberikan oleh kerajaan, baru-baru ini kita dengar kempen “Kebersihan Tandas Awam”, maknanya kerajaan meluluskan berapa banyak peruntukan kepada PBT dan sebagainya tetapi malangnya PBT ini pun pandai juga - dia panggil pula pengusaha tandas awam ini dan bila ada kementerian hendak melawat dia akan mencantikkannya sekejap – dia pinjamkan pokok dan sebagainya.

Jadi sebenarnya yang penting hari ini tentang tandas awam, kebersihannya bergantung kepada penguatkuasaan. Tentang sikap itu kita tahulah manusia, tetapi kalau penguat kuasa itu betul-betul melaksanakan tugas dan tanggungjawab dia, dia akan curiga – hari ini nampak budak ini selalu masuk tandas ia mula kotor, maknanya dia curiga dan dia akan takutkan budak itu, insya-Allah, fasal biasanya yang selalu membuat kerja-kerja sebegini bukan kitalah, budak-budak. Jadi yang sebenarnya Yang Berhormat Datuk, saya minta pandangan Yang Berhormat Datuk adakah Yang Berhormat Datuk setuju atau tidak dengan pandangan saya bahawa penguatkuasaan yang perlu dititikberatkan supaya apa yang dirancang oleh kerajaan dapat dilaksanakan sehingga ke peringkat bawah. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada sekolah-sekolah di Kluang dahulu. Saya rasa kalau saya pergi melawat, kata hendak bawa saya melawat, disuruh bersihkan dahulu agaknya [*Ketawa*] tetapi yalah, saya tidak hendak nafikan ada sekolah-sekolah yang bersih. Ini saya menceritakan, sebab itu saya katakan saya buat *sampling* sahaja.

Yalah, berkenaan penguatkuasaan itu memanglah akhirnya kita menyatakan walau seberapa tegas kita membuat penguatkuasaan tetapi kalau penguatkuasaan itu tidak betul sikapnya pun tidak jadi. Sebab apa? Tadi, penguatkuasaannya ada, ini kementerian hendak datang melawat penguatkuasaannya, dia arahkan orang itu bawa itu, bawa ini, cuci itu, cuci ini, taruh pokok bunga, taruh itu, taruh ini, lawa, cantik. Ha, itulah berbalik kepada sikap. Akhirnya yang terpenting sekali ialah sikap.

Saya tidak hendak cerita hal yang lain-lain – sekolahkah, PBTkah, manakah tetapi akhirnya kepada sikap – sikap pemerintah, sikap kakitangan kerajaan, sikap rakyat, sikap kita, sikap orang ramai, sikap semua orang. Itu yang kita hendak ceritakan.

Jadi dalam hal semacam ini, apabila kita katakan berbalik mengenai tandas-tandas di bawah kawalan PBT, saya sebenarnya sudah malas hendak bercakap benda-benda macam ini, nanti kita cakap pun mereka akan kata, “Marilah tengok”, semacam yang dikatakan tadi. Tetapi rata-rata tandas-tandas awam ini, jadi kita mulakan daripada sekolah untuk memberikan satu kesedaran kerana kita mahu pergi kepada perubahan sikap. Insya-Allah dalam sepuluh, dua puluh tahun lagi, anak-anak kita yang berada di sekolah rendah hari ini akan keluar sebagai seorang yang dewasa yang mempunyai sikap yang lebih baik.

Itu sebab saya kata tadi, yang sudah tua-tua itu, kita buatlah setakat mana yang boleh. Kalau kita hendak bendung, hendak lengkukkan dia atau macam manakah, rasanya yang mana boleh melengkuk juga kita bendung itu dalam keadaan umur yang semacam ini, tidak mengapakah, boleh kita cuba. Tetapi inilah yang harus kita perhatikan daripada segi sudut pemerintah, apakah yang harus kita lakukan untuk kita pergi kepada perubahan sikap masyarakat kita, bukan sahaja terhadap negara, kesetiaan kita kepada negara tetapi sikap kita sesama rakyat, sikap kita terhadap harta rakyat, harta kerajaan, harta awam, sikap kita kepada keselamatan orang lain dan berbagai-bagai lagi dan bermacam-macam lagi sikap yang kita hendak sebutkan. Kalau tidak, letihlah kita bercakap hari-hari, setiap kali kita bersidang kita akan mengatakan itu kurang, ini kurang, kenapa? Sebab ini tidak cukup duit. Kenapa tidak cukup duit? Sebabnya maka ia jadi begini. Kenapa ia berlaku? Sebabnya berbalik semua akhirnya kepada sikap.

Inilah sekarang yang menjadi persoalan yang begitu besar kepada kita hari ini untuk kita pergi menuju Wawasan 2020. Kita selalu mengatakan kata-kata yang *very popular*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai “*first-class facility*” dalam negara ini – macam-macam. Yang belum “*first-class facility*” ialah Dewan Negara kita ini sahaja lagi yang belum. Kita harap ia akan berlaku tidak lama lagi. Saya dengar peruntukan pun sudah ada ...

Timbalan Yang di-Pertua: Mudah-mudahan ia akan diperbaiki, Yang Berhormat.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya! Tidak tahulah saya sempat atau tidak sempat hendak duduk lama dalamnya. Jadi, kita mempunyai "*first-class facility*" tetapi sikap kita masih belum mencapai ke tahap itu untuk kita sama-sama bergerak dengan keadaan suasana yang ada di dalam negara kita.

Jadi, apa yang ingin saya katakan di sini ialah banyak lagi kementerian-kementerian yang mendapatkan peruntukan-peruntukan yang seumpamanya, untuk tambahan anggaran itu tadi, memanglah kegunaannya untuk melicinkan perjalanan jentera kerajaan. Dalam masa yang sama kita mengharapkan supaya perbelanjaan itu telah dibelanjakan dan akan dibelanjakan dengan baik. Yang kita kena pegang, yang pertama ialah kita melaburkan duit rakyat, seharusnya untuk keuntungan rakyat itu sendiri. Ini yang harus ada dalam pemikiran kita.

Macam-macam kita boleh katakan dan akan kita katakan tetapi akhirnya apabila kita muhasabah diri kita dalam kita mengambil wang rakyat itu tadi untuk diri kita kerana tugas yang kita lakukan, kita muhasabah sama ada kita telah memberikan pulangan kepada rakyat yang memerlukan setakat atau sepadan mana yang mereka telah labur dan mengharapkan daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

5.29 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Saya hendak bahas tentang Maksud Bekalan B.03 berkenaan dengan Jabatan Audit. Kita nampak audit-audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit ini adalah amat penting dan mustahak untuk menjadikan Malaysia dan juga kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan kerajaan-kerajaan negeri supaya standard mereka itu, cara-cara mereka membelanjakan wang dan juga rekod-rekod yang ada, yang lengkap dan sistem penyampaian itu adalah betul dan licin. Itulah salah satu tanggungjawab mengauditkan kesemua itu.

Kita nampak di sini [*meneliti buku yang berkenaan*] satu Laporan Ketua Audit Negara yang begitu tebal dan juga audit-audit yang dibuat ke atas kerajaan negeri yang saya juga hendak mencatatkan salah satu apa yang dinyatakan dalam laporan ini

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya nampak banyak lagi perkara Yang Berhormat hendak bawa untuk perbincangan. Oleh sebab masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung pada pagi besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.